

Pelajari ilmu tajwid penting secara santai, agar anda
terus pandai & lancar baca Al-Quran

Jika ingin ilmu tajwid meningkat
dari **'zero to hero'**, inilah bukunya :
ditulis khas untuk cepatkan
anda fasih mengaji Al-Quran



Mudahnya

Ngaji
Tajwid



Mudah difahami



Senang amalkan



USTAZ HJ. MOHAMMAD ASRAFF AYOB AL-HAFIZ



PERHATIAN

Ini adalah buku MUDAH NGAJI TAJWID versi ebook.
Dapatkan buku ini (versi cetakan) yang disertai dengan
23 video penerangan percuma & tambahan 9 bab bonus
(formula termudah hayati AlQuran agar mudah terpahat dihati)
dengan melayari :

www.mudahngajitajwid.com

USTAZ HJ. MOHAMMAD ASRAFF AYOB AL-HAFIZ

Jika ingin ilmu tajwid meningkat
dari '*zero to hero*', inilah bukunya :
ditulis khas untuk cecutkan
anda fasih mengaji Al-Quran




Mudahnya

**Ngaji
Tajwid**

Sempena Ramadhan,
Ingin Baca Al-quran
Lebih Yakin & Lancar?

COMBO RAMADHAN



RM

50

PERCUMA POS

Jimat RM25

(Harga sebenar RM75)

dapatkan secara online di

www.furqanworks.com/comboramadhan.html

atau hubungi

012 4232 606

Bismillahirrohmanirrahim

Buku ini saya dedikasikan untuk

////////////////////////////////////

*Semoga segala ilmu di dalamnya
memberi manfaat kepada kita semua
di dunia & akhirat*

Penerbit

FURQANWORKS SDN. BHD.

(No. Syarikat. 1034644-M)
13M, Tingkat 1, Jln Hentian 1B,
Pusat Hentian Kajang, Jln Reko,
43000 Selangor
Tel/fax : 03-8741 6464
H/P: 012-4232 606

Laman web rasmi Furqanworks:
www.furqanworks.com
Facebook : UstazAsraff
Emel : furqanworkssdnbhd@gmail.com

©Mohammad Asraff Ayob Al-Hafiz 2016
Cetakan pertama, Januari 2016
Cetakan kedua, Mac 2016
ISBN 978-967-137-811-3

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan
mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel,
ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa
jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun,
sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik,
rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin
bertulis dari Furqanworks Sdn Bhd.

Pengurus Besar

Ustaz Hj Mohammad Asraff Ayob Al-Hafiz

Pengarah Logistik dan Pemasaran

Azrul Azmi B. Inal

Perunding Pemasaran Strategik

**Laila Syamimi Bt Hassan
Nurasyikin Bt Mohd Noh**

Pengarah Kreatif & Pemasaran

Ahmad Fuad B. Hj. Hisham



FURQANWORKS

Diedarkan oleh

FURQANWORKS SDN. BHD.

13M, Tingkat 1, Jln Hentian 1B,
Pusat Hentian Kajang,
Jln Reko, 43000 Selangor
Tel/fax : 03-8741 6464
H/P: 012-4232 606
Emel : furqanworkssdnbhd@gmail.com

Dicetak oleh

PRIN-AD SDN. BHD.

No 27-29, Jalan 2/148A,
Taman Sungai Besi Industrial
Park, 57100 Kuala Lumpur.

KANDUNGAN

23 Video Percuma	x
Prakata	xi
Kenali Ustaz	xiv
Buku Benarkah baca Al-Quran Dapat Pahala	xvii
Dapatkan DVD	xviii
Buku Mini The Yasin	xx
 BAB 1 »	
Bagaimana cara mudah memahami tajwid	1
 BAB 2 » Bulatan 1 :	
Asas tajwid	13

BAB 3 » Bulatan 2 :	
Komponen (Makhraj & sifat huruf)	31
 BAB 4 » Bulatan 3 :	
Mulakan bacaan	51
 BAB 5 » Bulatan 4 :	
Dengung & tidak dengung	65
 BAB 6 » Bulatan 5 :	
Bacaan Mad	91
 BAB 7 » Bulatan 6 :	
Bacaan tebal nipis	125
 BAB 8 » Bulatan 7 :	
Bacaan unik	141
 BAB 9 » Kesimpulan	161
 BAB 10 » Bonus	
9 Formula termudah menghayati Al-Quran agar terpahat di hati	167

Selang-Selikan Bacaan. Ada Waktu Tadarus, Ada Waktu Tadabbur	169
Jadikan diri anda sebagai Al-Quran yang sedang ‘beraksi’	173
Cari ayat Al-Quran yang boleh dijadikan formula hidup	176
Baca Al-Quran dengan suara & lagu terbaik	181
Teruskan membaca walaupun masih banyak lompongnya	185
Baca Al-Quran perlu berterusan, ada sukatan & berkala	189
Mulakan tadabbur dengan ‘saya’ , bukan orang lain	193
Jangan terkeliru dengan proses tadabbur & tafsir	196
Al-Quran elok dibaca beramai-ramai agar lebih faham, agar lebih berkah	200
Seminar & Talk Percuma	204
Tawaran Diskaun Pembelian Pukal & Agen	206
Rujukan	208

TAWARAN MENJANA PENDAPATAN LUMAYAN SEBAGAI AGEN BUKU.

Tuan-puan pembaca dihormati,

Sudah tentu, anda ingin kongsi manfaat buku ini dengan rakan-rakan, sahabat, anak murid, kumpulan tadarus & jemaah masjid.

Jika anda ingin membeli buku ini secara borong / pukal, kami bersedia memberikan diskaun sebanyak 35 - 50%, bergantung kepada jumlah pembelian.

Berikut adalah jadual diskaun :

- Pembelian 1-3 naskhah : harga asal RM 25 senaskhah
- Diskaun 35 % bagi pembelian 4 -10 naskhah (satu naskhah RM16.25)
- Diskaun 40 % bagi pembelian 11 naskhah ke atas (satu naskhah RM15.00)

Harga di atas tidak termasuk kos pos yang akan dimaklumkan kemudian.

CONTOH PENGIRAAN KEUNTUNGAN.

Contoh simulasi keuntungan 1 :

Jika anda membeli 20 buku :

Harga kos : RM 300 (RM 15 x 20 buku)
Harga Jual : RM 500 (RM 25 x 20 buku)

Anda untung : RM 200

Contoh simulasi keuntungan 2 :

Jika anda membeli 80 buku :

Harga kos : RM 1200 (RM 15 x 80 buku)

Harga Jual : RM 2000 (RM 25 x 80 buku)

Anda untung : RM 800

KELEBIHAN MEMBELI TERUS DARI KAMI :

- Setiap buku akan ditandatangani secara eksklusif oleh penulis, Ustaz Asraff
- Buku ini memiliki 'target market' yang luas (mereka yang suka membaca Al-Quran, pelajar sekolah, universiti). Oleh itu, ia amat mudah dijual.
- Pihak kami akan memberikan sokongan, material & khidmat-nasihat dari sudut teknik jualan terbaik & termudah secara online & offline kepada setiap agen.


BERMINAT? SILA HUBUNGI KAMI :

Emel : Furqanworkssdnbhd@gmail.com

Tel / sms / Whatsapp : 012 4232 606

Pm kami di Facebook : UstazAsraff

Web : www.mudahngajitajwid.com



PRAKATA

**Bagaimana buku ini membantu
mempercepatkan anda faham tajwid &
fasih baca Al-Quran?**

Bismillahir Rohmanir Rohim

Alhamdulillah Robbil A'lamin.

Syukur, puja & puji tertinggi saya panjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan kekuatan & izinNya, buku '**Mudahnya Ngaji Tajwid**' berada di tangan anda.

Sebenarnya, bukan mudah untuk menulis sebuah buku tajwid yang perbincangannya ditulis berdasarkan sudut pandang pembaca, bukan penulis.

Ini kerana, menurut perspektif saya selaku penulis yang telah bertahun belajar & mengajar tajwid, pasti saya mudah fahami semua perbahasan. Tetapi bagi pembaca yang ilmunya di tahap asas, buku saya mungkin dirasakan terlalu tinggi.

Mungkin ketika saya asyik membincangkan 'jargon', teori & istilah arab tajwid, saya merasa puas kerana telah menghadirkan 'segalanya' tetapi bagi pembaca, buku saya dianggap terlalu teknikal & berfalsafah.

Barangkali juga saya dianggap 'syok' sendiri sahaja.

Ini kerana anda inginkan tajwid praktikal, ilmu tajwid yang *'straight to the point'* sedangkan saya asyik bercerita teori tajwid melangit tinggi.

Kata ulama, '*yassarnal Quran*' - fokus memudahkan Al-Quran masih belum tercapai sedangkan Tuhan menjanjikan, segala perkara berkaitan Al-Quran dijamin mudah-memudahkan.

Senang-menyenangkan :

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ

'Dan Demi sesungguhnya, Kami telah memudahkan Al-Quran untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran (daripadanya)?'
(Surah Al-Qomar, 17)

Sebenarnya, Al-Quran hakikatnya mudah, bergantung kepada siapa anda belajar.

Maka saya ingin menyahut seruan ayat di atas dengan berkongsi buku tajwid yang tujuannya memudahkan kefahaman.

Buku tajwid yang ditulis bukan menurut kacamata guru, tetapi menurut kehendak & objektif pembaca yang inginkan FAHAM & TAHU PRAKTIKAL.

Itulah objektif buku '**Mudahnya Ngaji Tajwid**'. Ia ditulis khas untuk :

- **memahamkan anda, bukan memeningkan. Dalam buku ini, kita akan fokuskan ilmu tajwid paling penting, yang paling wajib anda tahu & kuasai untuk terus diamalkan ketika membaca Al-Quran.**

- **fokus buku ini adalah, anda boleh terus praktikkan tajwid ketika membaca Al-Quran & terus kenal hukum-hukum tajwid dalam Al-Quran.**

- **buku ini tidak menyenaraikan semua ilmu tajwid, tetapi menyenaraikan ilmu tajwid WAJIB TAHU & WAJIB DIKUASAI sahaja, agar mereka yang sebelum ini tahap ilmu tajwidnya 'hampir kosong' boleh terus fahami tajwid & tahu cara praktikalnya.**

- **penerangannya amat *simple*, santai & tidak terlalu teknikal. Mudahnya, buku ini tidak mensyarahkan teknikal tajwid tetapi mensyarahkan bagaimana anda mudah fahami kerangka besar ilmu tajwid untuk tujuan fasih baca Al-Quran.**

- **mudahnya, buku ini ditulis dengan gaya bahasa untuk memudahkan masyarakat awam, 'orang biasa' yang ingin mencari jalan pintas untuk cepat fahami tajwid secara luarbiasa.**

Para pembaca budiman,

Itulah fokus buku yang sedang berada di tangan anda sekarang. Saya mohon maaf awal kerana dalam buku ini, anda tidak akan temui semua perbincangan ilmu tajwid. Ini kerana saya fikir, lebih baik kita fokuskan ilmu tajwid utama dahulu. Tajwid yang banyak dipraktikkan.

Kemudian apabila anda sudah agak mahir, barulah anda baca buku tajwid lain, atau dapatkan 'abang kembar' bagi buku ini iaitu :

'Benarkah baca Al-Quran 'merangkak' dapat pahala? :Pencerahan kepada 56 persoalan penting berkaitan tajwid & Al-Quran yang paling anda teruja, ingin tahu jawapannya.'

Dalam buku tersebut, saya bicarakan ilmu tajwid '*advance*'. Ilmu tajwid yang selalu dibincangkan oleh mereka yang agak mahir & ingin kuasai perbincangan tajwid lebih mendalam.

Dapatkan buku tersebut di : **www.soaljawabtajwid.com**

Saya juga mohon maaf awal kerana dalam buku ini, mungkin ada sesetengah istilah tajwid yang ditukar. Bukan saya tidak mahu gunakan istilah tajwid biasa tetapi, jika kita terlalu fokuskan istilah arab yang jarang didengari, kita mungkin agak keliru.

Dikhuatiri, objektif 'cepat faham' tersangkut dek kekeliruan dalam memahami istilah & jargon tajwid.

Oleh itu anda akan temui di banyak tempat, nama hukum tajwidnya tidak saya perincikan. Yang difokuskan adalah inti & cara bacanya. Mudahnya, kita fokus '*rasai kuih sedap ini dahulu, selepas itu baru kita bincangkan nama & teknik mengadun tepungnya*'.

Kesimpulannya, dalam buku ini kita kurangkan teknikal & jargon, kita '*straight to the point*'. Ini adalah buku tajwid yang berseimbang ilmu tajwid secara '*short-cut*', santai tapi mudah faham.

Insyallah saya yakin, apabila ilmu tajwid penting telah dikuasai, anda pasti lebih mudah memahami ilmu tajwid '*long cut*': perincian lanjut teori ilmu bacaan Al-Quran.

Para pembaca budiman,

Satu lagi perkara yang ingin saya kongsiikan sebelum kita mula belajar : segala susunan ilmu tajwid dalam buku ini bukanlah bersandarkan 'teka-teka' atau 'rasa-rasa'.

Tidak. Ia dikongsi berdasarkan pengalaman & interaksi saya mengajar ilmu tajwid & talaqqi Al-Quran selama lebih 10 tahun melalui kelas, kuliah, seminar dan simposium dalam & luar negara.

Berdasarkan pengalaman & interaksi tersebut, saya pelajari HIKMAH EMAS iaitu :

- **apakah ilmu tajwid yang perlu diajar dahulu, apa ilmu tajwid yang perlu dikemudiankan.**
- **apa ilmu tajwid yang 'orang awam' rasa penting, apa ilmu tajwid yang bagi mereka 'nanti dahulu'.**
- **mana satu ilmu tajwid yang perlu difokuskan agar masyarakat awam cepat pandai baca Al-Quran, mana satu ilmu yang jika diajar awal, mereka mungkin keliru.**

Mudahnya, ilmu tajwid yang anda baca sebentar lagi bersumberkan hikmah di atas : ilmu 'pengalaman' bukan setakat teori.

Insyallah, itulah yang saya fokuskan ketika menulis buku ini.

Jika ada sebarang soalan, pandangan, penambahbaikan & cadangan, saya amat gembira untuk menerimanya dengan tangan terbuka.

Mohon sampaikan segala pandangan & soalan tersebut '*direct*' kepada saya melalui :

Emel : asraff2@yahoo.com

Pm di Facebook : UstazAsraff

Ikuti celoteh saya mengenai Al-Quran di Youtube : AsraffAyob

Para pembaca budiman,

Mudah-mudahan buku ini mencapai objektifnya. Mudah-mudahan anda akan berkata '*ooo, senang je tajwid*' selepas menelaah buku ini.

Yang paling penting mudah-mudahan, anda lebih yakin & teruja membaca Al-Quran.

Itu yang didambakan : persahabatan kita dengan Al-Quran lebih rapat & akrab.

Semoga Tuhan Ar-Rahman membuka jalan seluasnya untuk kita mudah 'berlari' ke arah itu.

Selamat membaca.

Siruu alaa barokatillah.

'Allahummarhamnaa bilQuran,'

Ustaz Hj. Mohammad Asraff Ayob Al-Hafiz

16 November 2015

kenali USTAZ

Kenali Ustaz Hj. Mohd Asraff Ayob Al-Hafiz

- Ijazah sarjana muda (kepujian) Takhassus Al-Quran & Qiraat, Al-Azhar, Mesir.
- Masters (Sarjana) Psikologi I.O, UKM
- Berpengalaman dalam bidang Al-Quran selama lebih 20 tahun bermula dengan hafazan Al-Quran sejak berusia 13 tahun di Maahad Ahmadi, Negeri Sembilan.
- Memiliki sanad Al-Quran sahih (riwayat Hafs An A'sim) yang bersambung kepada Rasulullah s.a.w & menguasai teknik bacaan Al-Quran terbaik melalui pengalaman bertalaqqi bersama 3 tuan guru syeikh pakar Al-Quran Mesir (Syeikh Hassan, Syeikh Sayyid & Syeikh Nabil)
- Mendalami pengetahuan Al-Quran dengan Ustadz Nouman Ali Khan (pendakwah antarabangsa) melalui Kuliah Al-Quran Intensive.
- Telah menerbitkan 5 DVD berkaitan Al-Quran : Tajwidpro, Tajwid Super Mudah, Fatihah Terunggul, Jelajah Al-Quran & yang terkini, Tajwid Aman Hatiku. (www.inspirasiqurani.com & www.tajwidamanhatiku.com)
- Penulis kepada 3 ebook : 145 fakta menarik Al-Quran, Teknik ADHA (Allah dalam hati anakku) & Fatihah o.k atau k.o.

- Telah menerbitkan 3 buku cetakan : Kaedah Jibril terbitan PTS, buku Quranology terbitan Mustread Sdn Bhd & buku 21 Formula Hidup Luarbiasa, tulisan bersama Dr. Azizan Osman, terbitan Azizan Osman Publications.
- Pengasas Kaedah Jibril, teknik termudah & paling praktikal untuk golongan awam menghafaz Surah popular Al-Quran. Kaedah ini telah disebarkan kepada lebih 20 ribu pengamalnya melalui lebih 40 seminar, bengkel, ebook & buku yang disampaikan di seluruh Malaysia, Singapura & Brunei sejak 2007.
- Keberkesanan Kaedah Jibril diiktiraf kerajaan Brunei apabila ia dijadikan kaedah hafazan rujukan untuk sekolah menengah agama Brunei.
- Diiktiraf kepakaran tajwid apabila pernah dilantik sebagai pensyarah jemputan program SPAQ Universiti Malaya (U.M) dan Program Al-Quran untuk golongan awam, UIA.
- Pernah mencurahkan khidmat di Darul Quran, institut hafazan Al-Quran utama Malaysia.
- Diiktiraf kepakaran Al-Quran apabila dilantik sebagai imam khas solat tarawikh berpasangan dengan Syeikh Jibril (Qari & Imam terkenal Mesir) di Masjid Wilayah, KL (2007)
- Dijemput berkongsi pengalaman Al-Quran di beberapa MRSM Ulul Albab. (MRSM khas hafazan Al-Quran & akademik.)
- Ustaz juga dijemput memberi pandangan dalam beberapa rancangan televisyen seperti rancangan Persepsi TV Al-Hijrah, Astro Oasis, Nasi Lemak Kopi O TV9 & TV3.
- Kini beliau merupakan Pengarah Urusan Syarikat Furqanworks Sdn Bhd, syarikat yang memiliki misi mendekatkan masyarakat dengan Al-Quran (hafazan, bacaan & kefahaman) melalui interaksi mudah & berimpak tinggi. (www.furqanworks.com)

Berinteraksi dengan beliau di :

Youtube : Asraffayob

Facebook : UstazAsraff

Twitter : AsraffAyob

Emel : Asraff2@yahoo.com



BUKU BENARKAH BACA AL-QURAN 'MERANGKAK' DAPAT PAHALA

Ketika buku ini (naskhah contoh) diedarkan kepada beberapa anak murid saya, mereka kata 'Ustaz, ini buku kembar bagi buku tajwid yang kami rujuk sekarang..'

Saya tanya, 'mengapa?'

'Sebab, kebanyakan persoalan tajwid yang kami musykil dari dulu, yang apabila kami cari jawapannya dalam buku tajwid tapi kadang-kadang susah nak jumpa, Alhamdulillah kami temui dalam buku ini....'

Para pembaca dihormati, Itulah tujuan utama buku ini. Ia merupakan buku yang mengumpulkan 56 soal-jawab Tajwid & Al-Quran yang selama ini :



- Anda cuba cari jawapannya dalam buku tajwid biasa tapi sukar temui
- Anda tanya tuan guru tapi belum tentu dapat jawapan pasti
- Soalan yang sering mengelirukan anda menyebabkan ilmu tajwid masih terasa sukar
- Jawapan kepada kemusykilan 'ada lagi perkara saya belum faham' setelah anda belajar tajwid
- Jawapan kepada persoalan Al-Quran yang selama ini anda ingin tahu jawapannya

Soalan seperti :

- Benarkah baca Al-Quran 'merangkak' dapat pahala?
- Mana lebih penting, ilmu tajwid, fekah atau tauhid?
- Jumlah ayat Al-Quran, mana satu betul? 6666 atau 6236?
- Berdosakah curi nafas ketika baca Al-Quran?
- Wajibkah baca doa & hadith secara bertajwid?
- Adakah makna berubah jika panjang-pendek tidak dijaga?
- Bagaimana cara mudah fahami tajwid disebalik berpuluh hukumnya?

Miliki buku ini. Percayalah, banyak masalah tajwid & Al-Quran anda selesai.

Dapatkan buku ini dengan melayari :

www.soaljawabtajwid.com


DAPATKAN KOLEKSI DVD PEMBELAJARAN AL-QURAN PREMIUM YANG BAKAL MENINGKATKAN KUALITI BACAAN AL-QURAN ANDA :

DVD TIGA SEMINAR

3 DVD rakaman seminar utama Ustaz Asraff :

1. Rakaman 'full', Seminar Kaedah Jibril : Jika anda sibuk setiap hari tapi berhajat ingin hafaz surah Mulk & Sajadah dengan ingatan kuat, ini teknik terbaik untuk anda. Seminar Kaedah Jibril membincangkan teknik terbaik, paling mudah & praktikal untuk masyarakat awam berjaya menghafaz surah idaman.
2. Rakaman 'full' Seminar Tajwid Super Mudah. Ia adalah rakaman seminar Ustaz Asraff bersama Ustaz Ariff yang membincangkan cara lebih mudah untuk camkan tajwid Al-Quran melalui kod & simbol sahaja. Lebih cepat, lebih simple.
3. Rakaman 'full' Seminar TajwidPro. Ia adalah seminar yang membincangkan kaedah untuk 'upgrade' kualiti bacaan Al-Quran anda ke tahap pakar seperti syeikh arab baca.

Dapatkan 3 koleksi DVD ini di : **www.tigaseminar.com**



DVD PAKEJ INSPIRASI QURANI

- Ingin kuasai tajwid dengan lebih mudah ikut simbol sahaja?
- Ingin betulkan kesalahan bacaan Fatihah agar yakin jadi imam?
- Ingin kuasai kemahiran bacaan Al-Quran tahap 'pro' seperti syeikh arab baca?
- Ingin tahu surah & ayat banyak fadhilat untuk diamalkan berdasarkan hadith sahih?

Ada 4 DVD yang akan membantu anda menjelaskan semua perkara di atas. Kesemuanya dipakejkan dalam DVD Inspirasi Qurani.




Dapatkannya dengan melayari :

www.inspirasiqurani.com

DVD TAJWID AMAN HATIKU

Ketahui 165 bentuk kesalahan bacaan yang sering dilakukan tanpa disedari ketika membaca Al-Quran seorang diri.

Penting agar anda baca Al-Quran dengan perasaan tenang & yakin kerana kesalahan 'tak perasan' atau 'ter' sudah tidak berlaku lagi.



Dapatkan DVD ini di :

www.tajwidamanhatiku.com

**INGIN PRODUK DI ATAS PADA HARGA LEBIH MENJIMATKAN,
DISKAUN 30%? SILA SMS ATAU WHATSAPP KOD INI :
'TAJWID30' & HANTAR KE : 012 4232 606**

BAGAIMANA
CARA LEBIH

MUDAH

MEMAHAMI
TAJWID

BAGAIMANA CARA LEBIH MUDAH MEMAHAMI TAJWID?

Rasa-rasanya, ilmu tajwid sukar atau mudah?

Mungkin ramai yang rasa ia sukar. Tetapi ramai juga yang merasakan, ilmu tajwid mudah. Ia bergantung kepada tahap anda, samada :

TAHAP 1

Anda tidak tahu teori ilmu tajwid & tidak mahir baca.
Sudah pasti anda rasa tajwid sukar.

TAHAP 2

Anda tahu teori tetapi kurang mahir baca.
Anda rasa tajwid agak mudah tetapi ketika baca Al-Quran, anda kerap 'confuse'.

TAHAP 3

Anda kurang mahir teori tetapi pandai baca.
Pasti anda rasa tajwid mudah sebab yang penting, bacaan Al-Quran mesti betul tidak kisahlah, nama madnya dihafaz atau tidak.

TAHAP 4

Anda mahir teori tajwid & mahir baca.
**Anda bertaraf tuan guru tajwid.
Mahir teori & bagus bacaannya.**

Tidak kiralah apa pandangan anda terhadap tajwid, buku ini ingin bawakan keyakinan baru terhadap ilmu tajwid & bacaan Al-Quran iaitu : TAJWID ITU MUDAH.

Everything is easy.

Mudah faham, mudah hafaz, mudah baca, mudah amalkan.

Cadangan ini bukan dari saya. Ia sebenarnya 'endorsement' yang datang dari Tuhan :

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدْكِرٍ

Dan demi sesungguhnya, Kami telah mudahkan Al-Quran untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran (daripadanya)?

Surah Al-Qomar ayat 17

TETAPI, MENGAPA KITA MASIH RASA SUKAR?

Namun, kita sering merasakan sebaliknya. Ramai yang 'berasap' kepala memahami tajwid. Ramai juga yang 'gugur di tengah jalan' dari menghadiri kelas tajwid atas alasan, '*susahnya! banyak betul hukum-hakam tajwid nak dihafaz....*'.

Para pembaca dihormati,

Perkara ini mungkin akan berlaku jika kita belajar tajwid ikut 'jalan biasa'.

Teknik normal.

Teknik yang mengajar segala ilmu tajwid dari kecil hingga ke besar berdasarkan istilah & pecahan aslinya iaitu teknik pembelajaran

tajwid bersumberkan teori yang disusun oleh ulama arab.

Saya tidak katakan susunan ini salah. Tidak sekali-kali. Cuma berdasarkan pengalaman berkongsi ilmu tajwid kepada masyarakat melayu, saya dapati kita sukar kuasai kaedah ini dengan cepat.

Di mana 'pusingnya'?

Bayangkan, hendak mengingat 15 Huruf Ikhfa' Haqiqi bukannya mudah. Itu belum masuk kesukaran mengecam 'adik-beradik' hukum mad yang berjumlah sembilan belas. *Confuse* kita dibuatnya.

Dugaan paling besar adalah, nama hukum-hakam tajwid semuanya dalam bahasa arab yang jarang kita dengar & jarang kita tahu maknanya.

Susah nak faham, payah nak ingat. Padanlah ketika praktikal (bacaan Al-Quran), tajwid kita banyak bersimpang-siur.

Kerana itu saya datangkan **short-cut**.

Kita belajar ilmu tajwid yang penting sahaja. Ilmu tajwid yang kita temui dalam Al-Quran berkali-kali. Dan *Alhamdulillah*, saya telah mengenalpasti 'ilmu tajwid *first priority*' ini.

Dari berpuluh-puluh hukum-hakam & pecahan, kita belajar tujuh bab utama yang penting sahaja. Kemudian, saya akan memudahkan penerangannya ikut cara yang kita, masyarakat awam mudah faham.

Ringkas tetapi menyeluruh.

Itu fokus buku tajwid ini : menukar persepsi anda terhadap ilmu tajwid, dari 'susahnya' kepada 'senang je...'

TUJUH BAHAGIAN ILMU TAJWID

Sebenarnya, bahasa arab Al-Quran sama dengan bahasa melayu iaitu, ada tatabahasa & *grammarnya*. Cuma bezanya, Al-Quran ada kaedah bacaannya yang tersendiri.

Dalam ertikata lain, ada cara khas untuk kita baca Al-Quran. Ada panjang-pendek & dengung yang dibaca berdasarkan kaedah yang Rasulullah s.a.w ajarkan. Inilah yang digelar sebagai tajwid.

Ilmu tajwid amat banyak pecahannya. Cuma dalam buku ini saya tidak akan pericikan semua. Jika tidak kita akan 'pening' pula.

Untuk permulaan, yang saya ingin anda ingat betul-betul adalah : ilmu tajwid tidak lari dari 3 perkara utama ini :

- 1 Sebutan huruf
(jaga baris, jaga makhraj & pelihara sifat huruf)**
- 2 Bacaan dengung & tidak dengung**
- 3 Bacaan panjang (mad)**

Itu sahaja perkara UTAMA yang wajib kita kuasai kerana ia akan digunakan berkali-kali ketika membaca Al-Quran. Dengan ertikata lain, jika anda kuasai 3 perkara ini, bacaan Al-Quran anda insyaAllah 70 peratus tepat.

Cuma dalam buku ini, saya tambah beberapa elemen lain agar kefahaman tajwid anda meningkat dari 70 peratus kepada 85 peratus.

Dari 3 perkara asas, saya tambah kepada tujuh bahagian yang diterangkan dalam bentuk bulatan iaitu :



Anda perlu fahami tujuh bulatan ini sebagai '*foundation & mainframe*', asas kefahaman tajwid.

Maknanya, jika tujuh bulatan ini dikuasai, kefahaman ilmu tajwid anda akan lebih fokus & terarah. InsyaAllah 85% bacaan Al-Quran anda tepat.

Saya akan perincikan tujuh bulatan tersebut :



ASAS
TAJWID

ASAS TAJWID

Dalam bulatan ini, kita akan bercerita tentang latar-belakang ilmu tajwid. Mengapa kita perlu mempelajarinya. Adakah tajwid yang kita amalkan benar-benar bersumberkan Rasulullah s.a.w dan sebagainya.

Pendek kata, ini '*foundation*' ilmu tajwid. Ia penting kerana melaluinya nanti, kita akan bina 'bangunan tajwid' menggunakan enam bulatan seterusnya.



KOMPONEN (HURUF, MAKHRAJ & SIFAT)

Al-Quran Al-Karim terdiri dari 114 surah yang dibahagikan kepada 30 juz. Ada 6,236 ayat Al-Quran terdiri dari ribuan kalimah & puluhan ribu huruf.

Maknanya, keseluruhan ayat Al-Quran ditulis dengan menggunakan huruf 'Alif hingga Ya'. Kita menggelarnya sebagai huruf Hija'iyah.

Ada 29 huruf kesemuanya. Kita akan pelajari secara terperinci cara sebutan setiap huruf dengan betul & tepat. Ada 2 komponen utama yang perlu kita kuasai iaitu ilmu makhraj & sifat huruf.

Kedua perkara ini akan kita bahaskan secara tuntas kerana jika tidak, takut-takut bunyi bacaan Al-Quran yang kita baca disangka bertaraf bacaan 'ala syeikh arab', tetapi rupanya sengaunya sahaja yang ditiru.



MEMULAKAN BACAAN

Apabila makhraj & sifat huruf telah dikuasai, kita akan belajar cara membaca Al-Quran secara tersusun & sistematik. Baca Al-Quran ini konsepnya lebih kurang serupa dengan cara kita pandu kereta.

Ada peraturan asasnya. Ada perkara yang perlu dibuat terlebih

dahulu, ada yang perlu dikemudikan. Ada sistem & peraturan yang tidak boleh dilanggar.

Jika tidak, enjin kereta anda boleh 'rosak'.

Disini, kita akan belajar bagaimana cara memulakan bacaan. Adakah semuanya perlu dimulakan dengan Basmalah atau tidak. Bagaimana cara memulakan bacaan dengan perkataan yang tiada baris pada huruf awalnya?

Serta banyak lagi. Nanti kita bincangkan.



DENGUNG & TIDAK DENGUNG

Ketika membaca Al-Quran, cara bacaan yang paling kerap kita temui adalah bacaan dengung & tidak dengung. Ada beberapa hukum yang biasa anda dengar seperti izhar, idgham & ikhfa'.

Itulah perkara yang akan kita bincang disini iaitu bagaimana cara termudah untuk kita cam & bezakan bacaan dengung & tidak dengung.

InshaAllah, nanti saya kongsi cara termudah.



BACAAN MAD (PANJANG)

Perasankah anda ketika membaca Al-Quran, ada beberapa perkataan yang kita panjangkan bunyinya?

Ada perkataan yang dipanjangkan pada kadar 2 harakat, ada 4 harakat, ada 5 & paling panjang, 6 harakat.

Dalam hukum tajwid, ia dipanggil Mad. Maknanya bacaan panjang.

Ada 19 pecahan mad yang agak mencabar untuk kita fahami, hafaz & camkan dalam Al-Quran. Cuma jangan risau, kita akan belajar hukum mad melalui cara lebih mudah.

Camkannya berdasarkan kadar harakat & tanda kehadiran mad dalam Al-Quran. Melalui teknik ini, kita permudahkan lagi kefahaman mad. Dari 19 pecahan hukumnya, kita kecilkan kepada 4 pecahan sahaja iaitu :

- Mad 2 harakat
- Mad 2, 4 & 6 harakat
- Mad 4 & 5 harakat
- Mad 6 harakat.

Lebih mudah bukan? Dari 19 kepada 4 pecahan sahaja.



BACAAN TEBAL-NIPIS

29 huruf Hijaiyyah ada cara sebutannya tersendiri. Ada huruf yang tebal sebutannya & ada yang nipis.

Kebanyakan huruf ini dibunyikan secara nipis tetapi ada juga yang secara semulajadi, bunyinya tebal.

Yang lebih menarik adalah, ada beberapa huruf yang bunyinya boleh ditukar. Sekejap tebal, sekejap nipis. Paling '*best*', dalam beberapa keadaan kita boleh memilih samada membaca tebal atau nipis.

Kedua-dua bacaan betul.

Huruf inilah yang akan kita bahas dalam bab ini iaitu, bagaimana cara mengecamnya & bagaimana pula cara membacanya.



BACAAN UNIK

Ini bulatan terakhir. Kita akan bicarakan beberapa bacaan unik dalam Al-Quran.

Unik bermaksud, bacaan ini agak berbeza dari yang lain. Unik kerana ia hanya dikhaskan di beberapa tempat sahaja dalam Al-Quran.

Jumlahnya tidak banyak tetapi jika kita tiada ilmu mengecamnya, silap-silap bacaan Al-Quran kita mungkin 'sumbang'.

Orang lain akan tahu anda belum habis 'mengaji' ilmu tajwid.

Kerana itu pada bab akhir, kita akan bicarakannya.

MARI KITA BERMULA

Baiklah, dalam bab seterusnya, kita akan kupas setiap bulatan tersebut. Kita akan kuasainya satu-persatu. *The best part is*, apa yang akan kita bicarakan selepas ini, semuanya ditulis dengan gaya bahasa & kaedah yang mudah anda fahami.

Cuma sebelum kita bermula, mari semat baik-baik keyakinan ini dalam minda : AL-QURAN MEMANG MUDAH.

Keyakinan kita disetkan pada tahap itu kerana, janji tersebut datang dari Tuhan yang kita kenali sebagai Robb yang tidak pernah & tidak sekali-kali memungkir janji :

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ

Dan demi sesungguhnya, Kami telah mudahkan Al-Quran untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran (daripadanya)?

Surah Al-Qomar ayat 17

Mari, siiruu alaa barokatillah.

Mari kita mulakan pembelajaran dengan naungan berkah dari Allah s.w.t

BAB 2



ASAS TAJWID

Mari kita mulakan pembelajaran dengan ucapan terbaik : *Bismillahir Rohmanir Rohiim*.

Dalam bab ini, kita akan bahaskan '*basic rules*' iaitu, perkara asas yang AMAT PENTING untuk kita fahami kerana ia akan memandu keseluruhan halatuju ilmu tajwid.

Ada **enam perkara** yang akan saya fokuskan iaitu :

1. Apakah ilmu tajwid & dalilnya.
2. Hukum mempelajari & mengamalkannya
3. Jenis qiraat
4. Bentuk kesalahan tajwid
5. Tahap kelajuan bacaan Al-Quran
6. Tujuan mempelajari tajwid.

1.1 Apakah ilmu tajwid & dalilnya.

Apakah itu tajwid?

Selalunya, buku tajwid biasa akan menerangkan makna tajwid berdasarkan pengertian bahasa & istilah. Tetapi disini kita terus '*straight to the point*'.

Tajwid bermaksud, ilmu & teknik membaca Al-Quran secara betul, tepat & sempurna. Maksud perkataan 'tajwid' adalah memperelok atau membaguskan. Cantik atau mencantikkan.

Dalam ertikata lain, ia merupakan ilmu yang disusun untuk membantu kita membaca Al-Quran pada tahap yang Rasulullah s.a.w amalkan & baginda sarankan.

Sudah tentu Rasul membaca Al-Quran dengan teknik khas. Ada panjang-pendek, dengung & kaedah khusus untuk menyebut setiap huruf hija'iyah Al-Quran. Apa yang Rasul baca secara panjang (mad), kita baca panjang. Jika Rasul baca dengung, kita pun turut dengungkannya.

Semua ilmu tentang 'cara Rasul baca Al-Quran' ini telah ulama susun menerusi 2 cabang ilmu utama iaitu ilmu Qiraat & tajwid.

Soalnya sekarang, apakah dalil yang menunjukkan Rasul membaca Al-Quran secara bertajwid?

Dalil hadithnya banyak cuma disini, kita fokuskan hadith utama sahaja. Ada satu hadith sahih yang disampaikan oleh sahabat Rasulullah s.a.w iaitu Anas bin Malik r.a. Kata beliau, Rasulullah s.a.w membaca Al-Quran secara bertajwid. Ini komentarnya :

***Anas bin Malik r.a ditanya, bagaimana bacaan Rasulullah s.a.w? Beliau berkata : 'Rasulullah s.a.w memanjangkan bacaan (mad), kemudian Anas menunjukkan bacaan baginda - membaca Bismillahir Rahmanir Rahim dengan memanjangkan 'bismillaah' dan memanjangkan 'Rahmaan' dan memanjangkan 'Rahiiim'.
(Hadith riwayat Bukhari)***

Ada satu lagi riwayat yang mengkagumkan saya. Ia disampaikan oleh Ibnu Mas'ud, sahabat Rasul yang dianggap pakar rujuk Al-Quran utama.

Riwayat yang dinukilkan oleh Imam Jazari r.a dalam kitabnya An-Nasyr berbunyi begini :

Suatu ketika, Ibnu Mas'ud mengajar seorang lelaki membaca Al-Quran. Lelaki tersebut membaca ayat ini (Surah At-Taubah, 60) :

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا

Lelaki tersebut memanjangkan perkataan 'Fuqaraa' dalam ayat itu sekadar dua harakat sahaja. Lalu Ibnu Mas'ud menegurnya : bukan begitu cara yang Rasulullah s.a.w ajarkan kepadaku.

Lelaki itu bertanya : Kalau begitu, bagaimana bacaan yang Rasul ajarkan kepadamu? Ibnu Mas'ud menunjukkan : Rasulullah s.a.w membacakan kepadaku begini iaitu memanjangkannya lebih dari dua harakat'.

Mereka yang mahir tajwid pasti tahu, hukum Mad pada perkataan 'Fuqara' adalah Mad Wajib Muttasil. Kadar panjangnya adalah 4 atau 5 harakat. Maka benarlah apa yang diajarkan Ibnu Mas'ud, panjangnya mestilah lebih dari 2 harakat kerana Rasul yang membacanya sedemikian.

Menerusi hadith-hadith di atas kita barangkali tertanya, adakah Rasulullah s.a.w yang merekacipta ilmu tajwid?

Jawapannya adalah : Tidak.

Perkara ini akan mudah difahami apabila kita menelusuri asal-usul ilmu tajwid.

Sebenarnya, segala bacaan panjang-pendek yang kita baca sekarang bukan Rasul yang asaskan. Baginda mempelajarinya dari Malaikat Jibril a.s.

Malaikat Jibril pula menerima Al-Quran dari Tuhan.

Maknanya, Ilmu bacaan Al-Quran berasal dari Tuhan Robbul Jalil. Ketika Malaikat Jibril menurunkan wahyu, ia diajar lengkap dengan tajwidnya. Mudah cerita, ayat Al-Quran yang disampaikan kepada Nabi s.a.w telah lengkap diajar secara bertajwid, *full package*.

Disebabkan itu, kita perlu mempelajarinya secara tepat sebab, barangsiapa yang membaca Al-Quran tanpa tajwid yang betul, bacaan Al-Qurannya dianggap 'tempang'.

Tempang kerana, '*full package*' tadi tidak didatangkan secara sempurna.

Kita tentu mengharapkan pahala membaca Al-Quran diberikan secara '*full package*' juga bukan?

InsyaAllah kita bakal memperolehinya, bermula dengan mentajwidkan bacaan Al-Quran sebaik mungkin.

1.2 Hukum mempelajari & mengamalkannya

Berdasarkan fakta di atas, kita sedar bahawa Rasulullah s.a.w membaca Al-Quran secara bertajwid. Soalnya, wujudkah sebarang dalil dari Al-Quran yang mewajibkannya?

Perkara ini perlu diketahui kerana ada sesetengah yang menganggap, jika Rasul buat, mungkin hukumnya sunat sahaja bukannya wajib.

Baiklah, disini kita akan kupas dalil & hujahnya.

Sebenarnya, arahan membaca Al-Quran sebaik mungkin datangnye dari Tuhan. Ada 2 ayat Al-Quran yang dijadikan asas kewajiban iaitu :

Surah Muzammil ayat 4 dan Surah Al-Baqarah ayat 21 :

أَوْزِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا

**Atau lebihkan (sedikit) daripadanya dan bacalah Al-Quran
Dengan Tartil.
(Surah Muzammil, 4)**

الَّذِينَ آتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَتْلُونَهُ حَقَّ تِلَاوَتِهِ أُولَٰئِكَ يُؤْمِنُونَ بِهِ ۖ وَمَن
يَكْفُرْ بِهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ

**Orang yang Kami berikan kitab kepada mereka, sedang
mereka membacanya dengan sebenar-benar bacaan, mereka
itulah orang yang beriman kepadanya dan sesiapa yang
mengingkarinya maka mereka amat rugi.
(Surah Al-Baqarah, 121)**

Mungkin ada yang berhujah, tidak ada pun perkataan ‘wajib bertajwid’ dalam dua ayat di atas.

Benar ia memang tiada, tetapi perkataan ‘tartil’ dan ‘haqqa tilawatih’ dalam kedua ayat ini merujuk kepada tajwid Al-Quran. Kefahaman ini datang dari Saidina Ali r.a. Beliau telah menjelaskan maksud ‘haqqa tilawatih’ sebagai : mencantikkan bacaan Al-Quran serta mengetahui tempat berhenti (waqaf).

Itulah tajwid.

Kemudian, hujah ini disokong oleh amalan Rasulullah s.a.w, para sahabat, pada ta’biin & para alim-ulama & para solafussoleh yang

tidak pernah membaca Al-Quran tanpa tajwid.

Sudah tentu mereka bersepakat & maklum, hukum membaca Al-Quran secara bertajwid adalah wajib.

Cuma, hukum belajar tajwid dengan hukum membaca Al-Quran secara bertajwid, ia BERBEZA.

Kata ulama, hukum belajar tajwid adalah Fardhu Kifayah.

Ia bermaksud, apabila sebahagian kecil penduduk sesuatu tempat melakukannya, maka kesemua penduduk kawasan itu terlepas dari dosa.

Sementara, hukum membaca Al-Quran secara bertajwid pula adalah Fardhu Ain. Ia bermaksud, hukumnya wajib ke atas setiap muslim. Buat dapat pahala, jika ditinggalkan, berdosa.

Soalnya mengapa berbeza?

Ada satu alasan : Belajar teori tajwid hanya fardhu kifayah. Ini kerana ada orang yang tidak mahir teori & tidak ingat segala nama hukum-hakam tajwid tetapi mengajinya betul. Sebab itu hukumnya fardhu kifayah sahaja kerana yang penting, baca Al-Quran mesti betul dan tepat, tidak kisahlah kita tahu kategori madnya atau tidak.

Namun jangan pula kita beralasan, *'kalau begitu tak payahlah belajar ilmu tajwid sebab ia fardhu kifayah sahaja...'*

Bukan itu maksudnya. Bayangkan, bagaimana kita hendak membaca Al-Quran secara tepat jika ilmunya tidak dikuasai?

Kerana itu, ilmu tajwid perlu dikuasai agar bacaan Al-Qurannya tepat seperti yang Rasulullah s.a.w pernah ajarkan.

1.3 Jenis qiraat

Untuk makluman, teknik bacaan Al-Quran ada beberapa versi. Ia dipanggil Qiraat.

Apakah qiraat?

Ceritanya panjang tetapi saya akan *'make a long story short'*.

Rasulullah s.a.w telah menyampaikan Al-Quran kepada para sahabat berdasarkan beberapa *'ahruf'*. Kita mudah memahaminya sebagai dialek sahaja. Ini kerana, orang arab sama seperti kita, ada pecahan suku kaumnya & dialek setiap kaum berbeza sedikit antara satu sama lain.

Saya datangkan anologi begini : kita semua orang Malaysia. Walaupun negaranya sama, dialek pertuturannya berbeza mengikut negeri. Cara pertuturan orang Negeri Sembilan berbeza dengan dialek Kelantan walaupun bahasanya sama iaitu bahasa melayu.

Begitulah perumpamaannya dengan masyarakat arab. Bangsanya tetapi ada beberapa pecahan kaum. Anologi berikut tidaklah seperti yang dimaksudkan tetapi saya datangkannya untuk memudahkan kefahaman : jika yang datang itu 'sahabat' dari Kedah, Maka Rasul akan sampaikan Al-Quran ikut dialek Kedah. Jika orang Terengganu, pasti Al-Quran diajar menurut dialek yang mudah mereka fahami.

Perbezaan bacaan Al-Quran ini dipanggil qiraat.

Ada sepuluh qiraat kesemuanya. Setiap qiraat ada versi tajwidnya tersendiri yang agak berbeza antara satu sama lain. Contohnya, bagi kita Mad Badal panjangnya 2 harakat tetapi bagi Qiraat Warsy, panjangnya boleh mencapai 6 harakat.

Bacaan Al-Quran yang kita amalkan sekarang adalah **menurut qiraat riwayat Hafs An' A'sim melalui toriq Syatibi**.

Ia adalah salah-satu dari Qiraat sepuluh yang mutawatir. Qiraat yang disahkan benar & sahih dari Rasulullah s.a.w.

Soalnya, apa manfaat maklumat ini kepada ilmu tajwid kita?

Ia penting untuk mengelakkan kita terkena sindrom 'terkejut'. Maksudnya, jika kita tunaikan umrah & mendengar orang arab sebelah kita baca Al-Quran berbeza dengan yang selalu kita amalkan, jangan cepat terkejut. Jangan cepat menyalahkan apatah lagi jangan cepat membid'ahkan.

Mungkin dia sedang baca Al-Quran menurut qiraat berbeza.

Kita akan mudah berlapang dada dengan perbezaan ini kerana sedar, ilmu Tuhan amat luas.

1.4 Bentuk kesalahan tajwid

Apakah parameter terbaik untuk mengetahui tajwid Al-Quran kita bagus atau tidak?

Lazimnya, ia dinilai berdasarkan berapa banyak kesalahan tajwid yang dilakukan. Jika banyak salah tajwid, maka kurangnya standardnya. Jika mantap tajwid, berkualiti tinggilah bacaannya.

Oleh itu mahu tidak mahu, kita mesti tahu jenis kesalahan tajwid, adakah ia kesalahan besar atau kecil.

Ulama menyatakan, ada dua bahagian kesalahan tajwid.

Saya pericikannya lagi :

1. Lahnun Jaliy

Ia bermaksud kesalahan besar & jelas. Kesalahan tajwid sebegini boleh merosakkan struktur kalimah & menyalahi bahasa arab hingga mengubah makna ayat Al-Quran. Jika kita lakukan kesalahan ini dalam solat terutamanya bacaan Fatihah, ia boleh terbatal.

Antara bentuk kesalahannya adalah :

- Menukar sebutan sesuatu huruf dengan sebutan huruf lain seperti : Huruf (ع) pada kalimah (الْعَلَمِينَ) dilafaz dengan bunyi huruf (أ)
- Menukar baris. Contohnya perkataan انعمت dengan huruf ت berbaris atas (*an'amtā*) bermaksud : Engkau beri nikmat. Jika baris huruf ت ini ditukar kepada baris depan (*an'amtū*), maksudnya boleh bertukar kepada : aku beri nikmat.
- Meringankan huruf yang bersabdu. Contohnya, membaca kalimah اياك tanpa tasydid.
- Mengurangkan baris pada perkataan.
- Menambah huruf pada bacaan.
- Menukar kalimah dengan kalimah lain.
- Mentasydidkan huruf yang tidak bertasydid.

Pesan ulama, haram hukumnya jika kita lakukan kesalahan ini dengan sengaja.

2. Lahnun Khofiy

Maksudnya adalah 'kesalahan tersembunyi'. Ia dianggap kesalahan kecil kerana bentuk kesalahannya sukar dikenalpasti oleh

orang awam dan hanya akan dikesan oleh mereka yang benar-benar arif dalam bidang tajwid.

Kesalahan ini menyalahi sebahagian kaedah tajwid namun tidak menyalahi tatabahasa arab. Ia juga tidak mengubah makna ayat yang dibaca, cuma ia dianggap jauh dari roh pembacaan hakiki yang dikehendaki oleh Rasulullah s.a.w.

Jika kita lakukan kesalahan ini dalam solat, jangan risau. Solat kita tidak terbatal. Cuma ulama berpesan, hukumnya makruh. Ia tidak disukai Tuhan.

Antara bentuk kesalahannya adalah :

- Tidak memanjangkan sesuatu harakat dengan kadar yang betul. Contohnya kalimah الضَّالِّينَ , hukum tajwidnya adalah Mad Lazim Kalimi Muthaqqol yang sepatutnya dibaca dengan kadar 6 harakat, tetapi dibaca dengan kadar yang tidak mencukupi.
- Menipiskan bunyi huruf yang wajib ditebal serta sebaliknya.
- Kurang dengung, kurang ikhfa' dan sebagainya

Apakah manfaat mengetahui 2 bentuk kesalahan ini?

Kita akan fahami melalui contoh praktikal ini : bayangkan kita sedang solat dibelakang seorang imam. Beliau telah menukar baris perkataan dalam bacaan Fatihahnya di mana kita sedar, ia termasuk dalam Lahnun Jaliy, kesalahan besar.

Puas kita menegur imam itu untuk perbetulkan bacaan tetapi beliau buat tidak tahu. Lalu kita perlu '*mufaroqah*' (keluar dari mengikuti imam) kerana sedar, jika terus mengikutinya, solat kita mungkin tidak sah.

1.5 Tahap kelajuan bacaan Al-Quran

Perasankah anda, '*speed*' bacaan imam solat berbeza antara satu sama lain?

Malah, kelajuan bacaan yang kita amalkan setiap hari amat berbeza dengan '*speed*' bacaan para qari musabaqah tilawah Al-Quran.

Bagi mereka, bacaan kita laju sementara bacaan mereka lebih perlahan & teratur.

Tetapi apabila dibandingkan bacaan kita dengan bacaan pelajar tahfiz yang khusyuk mengulang 30 juz hafazan, keadaannya terbalik pula.

Bagi mereka, bacaan kita perlahan sementara bacaan mereka lebih laju.

Soalnya mana satu betul? Bacaan kita, bacaan qari musabaqah atau bacaan pelajar tahfiz?

Disini kita perlu pelajari tahap kelajuan bacaan Al-Quran yang dibenarkan.

Sebelum kita pergi jauh, satu *golden rules* yang perlu dipatuhi dalam bahagian ini : Al-Quran perlu dibaca bertajwid.

Ada panjang-pendek-dengung & jelas sebutan hurufnya. Bahasa Al-Qurannya : bacaan tartil.

Mengambil kira *golden rules* di atas, para ulama menyatakan, ada tiga tahap kelajuan bacaan Al-Quran :

1. TAHQIQ

Bacaan Tahqiq adalah teknik bacaan Al-Quran paling perlahan, paling tenang. Mereka yang menggunakan teknik ini amat menjaga perincian sebutan makhraj & sifat huruf. Hukum tajwid akan didatangkan sebaiknya. Bunyi izhar, idgham & ikhfa' akan dibunyikan sesempurna mungkin & panjang-pendek amat terjaga.

Selalunya, praktikal bacaan Tahqiq dilakukan ketika pembelajaran Al-Quran secara talaqqi dengan guru. Pendek kata, ia adalah bacaan Al-Quran terbaik bersama tuan guru.

Ia juga merupakan '*speed*', kadar kelajuan yang digunakan oleh para qari & qariah musabaqah tilawah Al-Quran.

Perlahan & berhati-hati untuk datangkan tajwid pada kualiti tertinggi.

2. TADWIR

Bacaan ini termasuk dalam kategori agak laju, lebih cepat dari tahqiq. Namun pada masa sama perincian makhraj & sifat huruf serta perlaksanaan hukum tajwid masih dijaga.

Selalunya, '*speed*' kelajuan ini diamalkan oleh imam solat jemaah, imam solat sunat tarawikh & saat ketika kita bertadarus Al-Quran beramai-ramai.

Memang bacaannya agak pantas tetapi tajwidnya masih terpelihara bukan?

Itulah contoh bacaan Tadwir.

4. HADAR

Ini adalah bacaan Al-Quran pada 'speed' paling laju. Cuma jangan salah-faham. Walaupun bacaannya agak 'berdesup', hukum tajwid masih dijaga tetapi pada kadar minima bersesuaian dengan kelajuan yang digunakan.

Selalunya teknik ini diamalkan oleh mereka yang mahir seperti para penghafaz Al-Quran.

Para huffaz akan menggunakan tingkatan Hadar ketika mengulang hafalan. Cuba dengar bacaan mereka. Memang agak laju. Ini sesuai dengan tujuannya iaitu proses mengulang semula puluhan juzuk yang dihafaz.

Jika ia dibaca perlahan, takut-takut lambat pula khatamnya. Kerana itu teknik ini digunakan.

Para pembaca dihormati,

Itulah tiga tahap kelajuan bacaan Al-Quran yang dibenarkan. Soalnya, apa manfaat ilmu ini kepada kita?

Para pembaca budiman, ilmu ini amat penting agar kita tidak 'sentap' jika menjadi makmum dibelakang imam pelajar tahfiz. Selalunya jika mereka mengimami solat sunat tarawikh, bacaannya memang agak cepat.

Kita di belakang mungkin menganggap, dengan membaca laju, tajwid mereka salah. Tetapi sebenarnya bacaan mereka betul, cuma *speed*nya sahaja ikut kelajuan '*formula one*': hadar.

Dengan kata lain, mad wajib muttasilnya tetap dibaca 4 atau 5 harakat. Cuma, kelajuan kiraan harakatnya berbeza. Mereka kira cepat, sementara kita kira agak perlahan (tadwir).

Itu sahaja bezanya. Disebabkan itu, ketiga-tiga bacaan ini diterima sebagai bacaan Al-Quran bertajwid.

1.6 Tujuan mempelajari tajwid

Setelah kita bincangkan segala asas ilmu tajwid Al-Quran di atas, kita sedar, tujuan mempelajari tajwid hanyalah satu : kita ingin membaca Al-Quran dengan kualiti tertinggi. Kalau boleh, bacaan yang 99.9% mirip bacaan Rasul.

Bacaan yang tiada salah besar mahupun kecil.

Kita mahu apabila membaca Al-Quran, biarlah pahalanya 'full'. Markah penuh. Barulah puas hati.

Tetapi jauh dari semua itu, ada dua sebab utama mengapa kita perlu membaca Al-Quran dengan kualiti tajwid tertinggi.

Pertama : Kita amat harapkan, Al-Quran akan mensyafaatkan kita pada hari kiamat. Rasulullah s.a.w bersabda :

اقْرَءُوا الْقُرْآنَ، فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ

***Bacalah Al-Quran kerana ia akan datang pada hari Akhirat kelak sebagai pemberi syafaat kepada (sahabat) pembacanya.
(Hadith riwayat Muslim)***

Sudah tentu, salah-satu cara untuk mudah mendapatkan syafaat Al-Quran pada hari kiamat bermula dengan menjaga sebaik mungkin kualiti tajwid bacaannya.

Saya yakin, jika kita 'layan' Al-Quran dengan baik di dunia, pasti Al-Quran sudi 'melayani' kita dengan baik pada hari kiamat.

Kedua : Kita ingin mencapai '**Mardhotillah**' : keredhoan Allah Ta'ala.

Seluruh umat islam mendambakan keredhoan Allah. Bahasa mudahnya, Allah cintai kita. Allah terima kita sebagai hamba yang akan dimasukkanNya ke syurga.

Cara untuk mendapatkan redho Tuhan amat banyak cuma saya yakin, antara cara terbaik adalah dengan memuliakan KalamNya.

Memuliakan dalam ertikata membacanya dengan kualiti tajwid terbaik, mengamalkannya, menjadikannya sebagai panduan hidup dan menuruti segala perintah & larangan Al-Quran.

Sebenarnya, Tuhan amat menyayangi kita. Dia amat ingin kita semua masuk ke syurga. Kerana itu diberikanNya kita Al-Quran. Ia adalah '*manual book*' untuk kita mudah ke syurga.

Bacalah ia dengan hati, amalkannya seikhlas mungkin, InsyaAllah kita semua akan dimudahkanNya untuk berkumpul di sana, bertemuNya & bersua-muka dengan manusia paling kita cintai, Rasulullah s.a.w.

Saya doakan jalan hidup kita dimudahkan ke sana, dan ia bermula dengan interaksi terbaik bersama Al-Quran.

Allahumma Amin.

BAB 3



KOMPONEN : MAKHRAJ & SIFAT

Dalam bab ini, kita akan mengupas asas yang membentuk ayat Al-Quran.

Seperti yang kita sedia maklum, keseluruhan 6,236 ayat Al-Quran yang dihimpunkan dalam 114 surah, ia terbina dari gabungan ribuan perkataan. Kesemua perkataan ini ditulis dengan menggunakan 29 HURUF HIJA'IYYAH.

Ia adalah kombinasi huruf arab yang digunakan untuk membentuk setiap perkataan Al-Quran. Selalunya, orang kita sebut 'huruf Alif hingga Ya'.

Ada 29 huruf Hija'iyah iaitu:

ا ب ت ث ج ح خ د ذ ر ز س ش ص ض ط ظ ع غ ف
ق ك ل م ن و ه ء ي

Dalam Al-Quran, kita akan mengenalpasti cara membunyikan setiap huruf ini berdasarkan tanda baca (baris) yang ditulis samada di atas atau di bawahnya.

Tujuan ulama meletakkan tanda baris pada setiap huruf Al-Quran adalah untuk membantu kita, pembaca bukan arab agar mudah membunyikan setiap kalimat A-Quran dengan tepat.

Ada 8 tanda baris yang digunakan dalam Al-Quran iaitu :

- 1 Baris atas (fathah). Bunyinya seperti huruf 'A'.
Bentuknya begini : سَ
- 2 Baris bawah (kasrah). Bunyinya seperti huruf 'I'. Bentuknya begini : سِ
- 3 Baris depan (dhommah). Bunyinya seperti huruf 'U'.
Bentuknya begini : سُ
- 4 Baris mati (sukun). Ia bermakna, huruf itu dimatikan bunyinya. Bentuknya begini : سْ
- 5 Baris sabdu (syaddah). Ia bermakna huruf itu diberatkan bunyinya. Bentuknya begini : سّ

Ada lagi baris yang digelar tanwin. Sebutannya diakhiri dengan bunyi huruf 'N'. Sebenarnya, ia adalah baris yang apabila dibunyikan, ia mengeluarkan bunyi huruf Nun secara tidak langsung.

Ada 3 baris tanwin iaitu :

- 6 Baris tanwin atas. Bunyinya seperti menyebut 'AN'.
Bentuknya begini : سَنَّ
- 7 Baris tanwin bawah. Bunyinya seperti menyebut 'IN'.
Bentuknya begini : سِنِّ
- 8 Baris tanwin depan. Bunyinya seperti menyebut 'UN'.
Bentuknya begini : سُنْ

Tetapi ada juga huruf yang tidak dibariskan. Jika kita bertemu huruf sebegini, sebut hurufnya sahaja. Contohnya Surah Al-Baqarah ayat 1, kita sebut 'Alif-Lam-Mim' sahaja.

Huruf-huruf ini digelar huruf *Muqotto'ah*. Selalunya ia terletak di awal surah seperti طه, يس, & sebagainya.

Kaedah menyebut huruf dengan tepat

Setiap 29 huruf Hija'iyah ada gaya sebutan khusus yang tersendiri. Ini kerana, bunyi sesetengah huruf agak berbeza dengan huruf latin (A-B-C) yang kita gunakan.

Contohnya, huruf ع tidak boleh kita samakan dengan bunyi huruf 'A'. Ada kaedah khas membunyikannya secara tepat.

Kaedah sebutan inilah yang perlu dikuasai. Barulah kita benar-benar membunyikan Al-Quran menurut sebutan aslinya iaitu 'lahjah arab' (sebutan orang arab), bukannya sebutan 'bunyi melayu' yang biasa kita gunakan.

Untuk menguasainya, kita perlu menguasai 2 cabang perbahasan iaitu :

1 Makhraj huruf

2 Sifat huruf

Dalam bahasa Inggeris, kedua ilmu ini digelar '*Pronunciation*'.

Saya perlu nyatakan dari awal. Untuk menguasai kedua bab ini, kita perlu mempelajarinya secara berguru. Dalam ertikata lain, kita perlu mendengar bunyi setiap huruf tersebut. Ini kerana, penerangan dalam buku ini tidak mampu mendatangkan bunyi secara tepat. Ia sekadar membantu kefahaman sahaja.

Disini kita fahami teori. Tetapi untuk mengetahui bunyinya secara tepat, kita perlu dengar tuan guru praktikkan.

Kerana itu ulama berpesan, cara terbaik untuk mempelajari Al-Quran adalah secara '*sima'ie*' (dengar) & '*talaqqi*' : guru baca, murid ikut bunyi bacaannya.

Bukankah itu cara Rasulullah s.a.w mempelajari Al-Quran dari Malaikat Jibril a.s?

Baiklah kita teruskan perbincangan. Mari kita kupas cabang pertama iaitu MAKHRAJ.

2.1 MAKHRAJ HURUF

Apabila kita menyebut setiap huruf Hija'iyah, sebenarnya mulut kita akan digerakkan, samada lidah yang bergerak, bibir diketapkan atau anak tekak disempitkan. Contohnya ketika menyebut huruf ل, lidah kita akan digerakkan ke kawasan langit agar bunyinya disebut secara tepat.

Jika salah '*parking*' lidah, bukan bunyi huruf ل yang disebut, tetapi silap-silap bunyi huruf lain seperti huruf س atau ن yang keluar.

Begitulah kefahamannya.

Setiap huruf Hija'iyah ada tempat keluar atau cara sebutan khasnya. Ilmu ini dikenali sebagai Makhraj huruf.

Maksud makhraj adalah : tempat keluar. Jika di rumah kita, pintu rumah adalah 'makhraj'-nya. Begitulah analogi didatangkan untuk memudahkan kefahaman.

Ulama tajwid telah mengkaji secara terperinci setiap makhraj huruf

Hija'iyah. Mereka menyatakan, 29 huruf ini akan kita sebut berpanduan 5 makhraj iaitu :



Saya akan terangkan makhraj setiap huruf. Kemudian saya akan perincikan mana satu makhraj huruf yang perlu kita kuasai kerana ada beberapa huruf yang selalu disebut secara kurang tepat.

PANDUAN UTAMA : Apabila kita ingin mengenalpasti makhraj huruf secara tepat, caranya bukan dengan menyebut hurufnya. Kaedah paling tepat adalah, matikan huruf yang ingin dibunyikan, kemudian letakkan huruf alif berbaris atas di belakangnya.

Contohnya jika kita ingin mengenalpasti makhraj huruf ن , maka jadikannya begini dan bunyikan :

أَنْ

Bunyi terakhir atau tempat pemutusan suara pada sebutan 'AN' itulah merupakan makhraj bagi huruf ن .

2.1.1 Huruf yang keluar dari makhraj bibir :

Ada 4 huruf yang disebut dari bibir iaitu :

1	Huruf ف : Hujung gigi atas ditekan secara lembut ke bibir bawah (ada sedikit rongga diantaranya)
2	Huruf و : Membulatkan bibir atas dan bawah
3	Huruf ب : Menemukan / menutup kedua bibir dengan sedikit tekanan
4	Huruf م : Menemukan kedua bibir bawah dengan atas secara ringan

2.1.2 Huruf yang keluar dari lidah :

Makhraj lidah merupakan tempat paling banyak huruf disebut. Ada 18 huruf kesemuanya yang akan dipecahkan kepada 3 kumpulan besar iaitu hujung, tengah & pangkal lidah :

2.1.2.1 Hujung Lidah (13 huruf)

1	Huruf ذ, ث, ظ : Hujung lidah dikeluarkan sedikit & ditemukan dengan hujung gigi depan (atas)
2	Huruf ت, ط, د : Hujung lidah ditemukan dengan pangkal gigi depan (atas)
3	Huruf ص, ز, س : Hujung lidah ditekan ke belakang gigi depan (bawah)
4	Huruf ل : Tepi hujung lidah ditekan ke gusi gigi depan (atas)
5	Huruf ن : Hujung lidah ditekan ke gusi gigi depan (atas)
6	Huruf ر : Belakang hujung lidah ditemukan ke langit atas berdekatan dengan gusi depan
7	Huruf ض : Sisi lidah ditekan ke gigi geraham atas (kanan atau kiri)

2.1.2.2 Tengah Lidah (3 huruf)

- | | |
|---|---|
| 8 | Huruf ش , ج , ي : Tengah lidah ditemukan dengan tengah lelangit |
|---|---|

2.1.2.3 Pangkal Lidah - berdekatan dengan halkum (2 huruf)

- | | |
|----|---|
| 9 | Huruf ك : Pangkal lidah ditekan ke pangkal lelangit belakang |
| 10 | Huruf ق : Pangkal lidah ditekan ke lelangit berdekatan anak tekak |

2.1.3 Huruf yang keluar dari hidung :

Huruf yang bunyinya keluar dari hidung hanya 2 iaitu :

- | | |
|---|-----------------------|
| 1 | Huruf Nun bersabdu نّ |
| 2 | Huruf Mim bersabdu مّ |

Bunyi kedua huruf ini keluar dari hidung kerana wujudnya bunyi dengung. Ia terjadi kerana huruf tersebut bersabdu. Bacaannya akan dipanjangkan 2 harakat.

2.1.4 Huruf yang keluar dari halkum :

Ada 6 huruf yang bunyinya keluar dari halkum iaitu :

- | | |
|---|--|
| 1 | Huruf غ & خ : Bunyinya keluar dari pangkal (permulaan) kerongkong berdekatan anak tekak. |
| 2 | Huruf ع & ح : Bunyinya keluar dengan menyempitkan tengah kerongkong |
| 3 | Huruf ه & و : Bunyinya keluar dari hujung kerongkong |

2.1.5 Huruf yang keluar dari rongga mulut :

Ada tiga huruf yang keluar dari makhraj ini iaitu :

1	Huruf ا mad : Huruf ا dimatikan sementara huruf sebelumnya berbaris atas
2	Huruf و mad : Huruf و dimatikan sementara huruf sebelumnya berbaris depan
3	Huruf ي mad : Huruf ي dimatikan sementara huruf sebelumnya berbaris bawah

ي _____	و _____	ا _____
---------	---------	---------

Bunyinya akan keluar apabila ketiga huruf mad ini dilepaskan bunyinya dari rongga mulut.

Apa yang perlu diperhatikan dalam makhraj huruf?

Umumnya, kita tidak menghadapi masalah menyebut huruf Hija'iyah dengan makhraj yang tepat. Namun ada 3 perkara yang perlu diperhatikan iaitu :

1. Ada beberapa huruf yang bunyi sebutannya hampir sama padahal makhrajnya berbeza. Contohnya Huruf ح & huruf ه. Makhrajnya agak berbeza.

- Huruf ح makhrajnya keluar dari tengah kerongkong
- Huruf ه pula keluar dari hujung kerongkong

Kesilapan kita adalah, bunyi kedua huruf ini kedengaran sama padahal ada beza. Huruf ح, bunyi desiran anginnya lebih kuat seakan suara kepedasan berbanding huruf ا yang berbunyi seakan hembusan angin sahaja.

2. Ada huruf yang disebut dengan makhraj kurang tepat.

Kesilapan ini berlaku kerana bunyinya hampir sama dengan bunyi beberapa huruf latin.

Saya akan datangkan contoh khilaf tersebut :

- Huruf ا kerap dibunyi seperti huruf 'D'. Sebenarnya bunyi kedua huruf ini berbeza. Huruf 'D' bunyinya agak 'keras' kerana hujung lidah kita ditemukan ke lelangit atas bahagian depan.

Huruf ا pula bunyinya agak lembut kerana hujung lidah kita ditemukan ke pangkal gigi depan. Cuba praktikkan sekarang. Pasti kita sedar perbezaannya. Sebut bunyi 'AD' dua kali. Yang pertama makhrajnya versi huruf 'D', satu lagi versi huruf ا .

Satu 'keras' manakala satu lagi lebih 'lembut' bunyinya bukan?

3. Makhraj dua huruf hidung iaitu Nun & Mim bersabdu - نَمْ .

Selalunya, bunyi hurufnya akan 'lari' jika hidung kita tersumbat akibat selsema. Dengungnya tiada.

Kerana itu, jika kita ingin membaca Al-Quran dengan tepat, pastikan kesihatan terjaga sepenuhnya. Jika tidak, bunyi sengau atau tersekat yang tidak sepatutnya akan keluar.

2.2 SIFAT HURUF

Walaupun setelah kita menyebut huruf Hija'iyah dengan makhraj yang tepat, 'markah betul' sebutan huruf baru 50% sahaja. Ada satu lagi bahagian yang perlu dikuasai untuk mencapai markah lebih tinggi.

Ia digelar sifat huruf.

Mungkin kita tertanya, apa beza makraj dengan sifat huruf?

Saya datangkan kefahamannya melalui analogi satu cerita :

Dengan izin Tuhan, anda dikurniakan bayi kembar seiras. Seorang bernama Ali, seorang lagi Abu. Kedua-duanya lahir pada waktu hampir sama, ibu-bapanya sama & fizikalnya juga amat sukar dibezakan.

Jika mereka duduk bersebelahan, pasti rakan anda sukar membezakan keduanya. Pasti Ali dianggap Abu, sementara Abu pula disangka Ali. Mereka bermasalah membezakan kedua anak comel ini tetapi anda tidak. Ini kerana anda tahu, walaupun fizikalnya kelihatan sama, sifat Ali & Abu berbeza.

Ali agak pendiam & serius manakala Abu '*happy go lucky*', suka mengusik orang.

Apa kaitan analogi di atas dengan makhraj & sifat huruf?

Kita maklum ada huruf yang keluar dari makhraj sama. Contohnya Huruf 'ف, و, م & ب'. Mereka dianggap '4 bayi kembar seiras' kerana 'ibu-bapa' (makhraj)nya sama iaitu bibir.

Walaupun makhraj sama, sifat keempat huruf ini berbeza.

- Huruf ف bersifat 'angin' (sifat Hamas) kerana ada sedikit angin akan keluar ketika menyebutnya.
- Huruf و pula agak istimewa. Ada suara akan keluar (sifat Rokhowah) apabila menyebutnya.
- Huruf م agak berbeza dari huruf و. Suara akan sedikit tertahan (sifat Tawassut) apabila ia disebut.
- Huruf ب paling istimewa. Ada detakan kuat (sifat Qolqolah) ketika menyebutnya.

Begitulah cara termudah untuk membezakan makhraj & sifat huruf.

Baik, mari kita teruskan perbahasan sifat huruf. Menurut ulama Al-Quran, kesemua 29 huruf Hijaiyyah memiliki beberapa sifat. Ada 18 sifat kesemuanya dan ia terbahagi kepada sifat berlawanan & sifat tidak berlawanan.

Sifat berlawanan ada 11 manakala sifat tidak berlawanan ada 7. Semua ini termasuk dalam kategori sifat asli iaitu sifat yang wajib ada pada huruf Hija'iyah.

Ada pula sifat mendatang (*A'ridhah*) iaitu sifat yang wujud apabila huruf-huruf ini bergandingan antara satu sama lain. Contohnya sifat ikhfa', idgham dan sebagainya.

Mungkin ketika ini anda sudah mula berkerut dahi. Mohon maaf awal kerana saya sendiri mengaku, jika kita pelajari keseluruhan 18 teori sifat huruf, kita akan pening kepala. Ini kerana gelaran setiap sifat ini berasal dari bahasa Arab yang jarang didengari. Huruf-huruf setiap sifat pula sukar kita ingati.

Cuma jangan risau, semua ini bersifat teori sahaja. Dari sudut praktikal, Anda sebenarnya secara automatik akan menyebut kebanyakan sifat huruf secara tepat walaupun tidak tahu nama sifat & huruf-hurufnya.

Saya akan senaraikan keseluruhan 18 sifat huruf di bawah sebagai rujukan teori. Anda boleh baca sepintas lalu. Tetapi saya WAJIBKAN anda baca penerangan selepasnya kerana disitu, saya senaraikan sifat-sifat huruf yang PERLU dikuasai. Anda perlu tahu definisi, tahu cara sebut dan hafaz kesemua hurufnya.

Ini kerana, sifat-sifat tersebut tidak dibunyikan secara automatik. Ia perlu dipelajari. Ia juga perlu dihafaz kerana akan berlaku banyak 'lompong' dalam bacaan Al-Quran jika tidak dikuasai.

11 SIFAT BERLAWAN :

1. **Hamas (sembunyi)** : Terlepas udara/nafas ketika menyebut hurufnya. Hurufnya ada 10 iaitu: (ف, ح, ث, ه, ش, خ, ص, س, ك, ت)
2. **Jahar (jelas)** : Udara/nafas tertahan ketika menyebut hurufnya iaitu baki huruf Hija'iyah selain huruf Hamas.
3. **Syiddah (kuat)** : Tertahan suara ketika menyebut hurufnya Hurufnya ada 8 iaitu : (ع, ج, د, ق, ط, ب, ك, ت)
4. **Tawassut (Pertengahan)** : Suara antara keluar & tidak ketika menyebutnya Hurufnya ada 5 iaitu : (ل, ن, ع, م, ر)
5. **Rokhowah (lembut)** : Suara terlepas/keluar ketika menyebutnya hurufnya iaitu baki huruf Hija'iyah selain huruf Syiddah & Tawassut.
6. **Isti'la (tinggi)** : lidah diangkat ke lelangit ketika menyebut hurufnya Hurufnya ada 7 iaitu : (خ, ص, ض, غ, ط, ق, ظ)
7. **Istifal (rendah)** : lidah tidak terangkat. Hurufnya adalah baki huruf Hija'iyah selain huruf Isti'la.
8. **Itbaq (melekap)** : tepi lidah melekat ke lelangit Hurufnya ada 4 iaitu : (ص, ض, ط, ظ)
9. **Infitah (terbuka)** : lidah tidak melekat Hurufnya adalah baki huruf Hija'iyah selain huruf Itbaq.
10. **Izlaq (lancar)** : huruf yang senang disebut Hurufnya ada 6 iaitu : (ف, ر, م, ن, ل, ب)
11. **Ismat (Tertahan)** : huruf yang agak sukar dilafazkan Hurufnya adalah baki huruf Hija'iyah selain huruf Izlaq.

7 SIFAT TIDAK BERLAWANAN (TUNGGAL)

1. **Sofir (Siulan)** : Huruf yang berbunyi seperti desiran. Hurufnya ada 3 iaitu : (ص, ز, س)
2. **Qolqolah (Pantulan)** : Huruf yang ada lantunan pada bunyinya. Hurufnya ada 5 iaitu : (ق, ط, ب, ج, د)
3. **Lin (lembut)** : Huruf yang disebut secara lembut. Hurufnya ada 2 iaitu : (ي dan و)
4. **Inhiraf (melencong)** : Lidah dilencongkan sedikit ketika hurufnya disebut. Hurufnya ada 2 iaitu : (ل, ر)
5. **Takrir (berulang)** : Hujung lidah bergetar ketika hurufnya disebut. Hurufnya satu sahaja iaitu : (ر)
6. **Tafasyyi (berhamburan)** : Angin berhamburan keluar ketika hurufnya disebut. Hurufnya satu sahaja iaitu : (ش)
7. **Istitolah (memanjang)** : Makhraj hurufnya panjang, dari tepi hujung hingga ke tepi pangkal lidah. Hurufnya satu sahaja iaitu : (ض)

Apa yang perlu diperhatikan dalam sifat huruf?

Dari 18 sifat huruf, tidak semuanya kita perlu ingati kerana dari sudut praktikal, kebanyakan sifat itu telahpun kita datangkan ketika menyebut hurufnya.

Tetapi ada 4 sifat yang perlu kita hafaz hurufnya & perlu dikuasai betul-betul cara membacanya. Jika tidak, bacaan Al-Quran kita

kurang mantap. Ia adalah :

1. Sifat Hamas

Hamas adalah satu sifat di mana ketika menyebut 10 hurufnya, ada sedikit udara yang akan keluar. Dari 10 huruf itu, kita tidak bermasalah untuk mendatangkan sifat hamasnya kecuali 2 huruf iaitu huruf ك & huruf ت.

Menurut pengalaman saya mengajar Al-Quran, kedua-dua huruf ini jarang didatangkan sifat hamasnya terutamanya ketika ia berbaris mati. Contohnya : أَتْ & أَكْ

Sepatutnya, perlu ada sedikit udara dilepaskan selepas membunyikannya. Sila tonton **video 1** yang telah kami sediakan di halaman download video di mukasurat awal buku ini. Dalam koleksi video tersebut, saya tunjukkan bunyinya secara tepat.

2. Sifat Isti'la

Jika sifat lain kita tidak ingati hurufnya, sifat Isti'la tidak begitu. Untuk sifat ini, saya mohon sangat anda hafaz ketujuh-tujuh hurufnya iaitu :

(خ, ص, ض, غ, ط, ق, ظ)

Soalnya mengapa?

Ini kerana, sifat Isti'la merupakan sifat utama yang paling kerap berlaku kesalahan sebutan huruf jika ia tidak dikuasai. Isti'la adalah satu sifat di mana ketika menyebutnya, belakang lidah akan terangkat ke langit menyebabkan suara tebal / berat keluar.

Sifat ini bukan setakat digunakan untuk menyebut huruf sahaja, bahkan ia berpengaruh dalam sebutan hukum tajwid lain seperti ikhfa, kesalahan tebal-nipis dan sebagainya.

Saya ada tunjukkan beberapa contoh bentuk kesalahannya. Ia perlu diketahui secara praktikal. Mohon anda tonton **video 2** dari himpunan video percuma yang kami berikan.

3. Sifat Qolqolah

Qolqolah bermaksud lantunan. Hurufnya ada 5 iaitu (ق, ط, ب, ج, د). Lantunannya akan wujud apabila huruf-huruf ini dimatikan.

Cara mudah untuk ingati 5 huruf ini adalah : sila ingati akronim ini - 'KoTo BaJu Den'. Huruf besar dalam ayat di atas mewakili 5 huruf Qolqolah.

Selalunya 4 huruf tidak bermasalah, tetapi huruf ج kerap dibaca tanpa lantunan. Saya harap bacaan anda tidak begitu. Pastikan setiap kali bertemu huruf ج yang bertanda mati, jangan lupa untuk datangkan bunyi Qolqolahnya.

Ada juga sesetengah pembaca yang mendatangkan lantunannya cuma bunyinya kurang tepat. Bukan Qolqolah yang dibuat tetapi bunyi semacam sifat Hamas pula. Sila tonton **video 3** untuk kefahaman lanjut, bagaimana beza bunyi lantunan Qolqolah huruf ج yang tepat dengan bunyi yang kurang tepat.

4. Sifat Istitolah.

Huruf bagi sifat Istitolah hanyalah satu iaitu Huruf ض. Walaupun begitu, huruf ini yang paling sukar disebut.

Selalunya, huruf ض yang kita bunyikan kedengaran 'kurang empuk'. Ini kerana ia 'tidak cukup parking'.

Maksudnya begini : makhraj huruf ض melibatkan depan dan tepi lidah. Bunyi kurang sempurna akan terjadi jika kita hanya temukan hujung lidah dengan gigi depan tanpa menemukan sisi lidah ke gigi geraham atas samada kanan atau kiri.

Bunyi 'empuk' & tepat akan terhasil jika keseluruhan sifat & makhraj huruf ض disempurnakan. Temukan tepi hujung lidah dengan gigi depan. Begitu jua sisi lidah, bawakan ke gigi geraham atas. Barulah sifat Isti'la & sifat Istitolah terhasil.

Kemudian angkat sedikit kedua tepi lidah ke atas untuk datangkan sifat Itbaqnya pula. Jika anda berjaya lakukan semua ini, insyaAllah huruf ض anda kedengaran seperti 'sebutan orang arab' yang sedap & 'empuk'.

Bagaimana cara terbaik agar makhraj & sifat setiap huruf dikuasai?

Terdapat beberapa perkara yang perlu kita ambil perhatian iaitu :

1. Ada step yang perlu kita turuti.

Pertama : pastikan makhraj huruf disebut secara tepat.

Kedua : kemudian datangkan segala sifat berkaitan huruf yang disebut.

Apapun, hal ini melibatkan praktikal. Belajarlah secara berguru, anda akan tahu sebutan tepatnya.

2. Berhati-hati dengan **13 huruf** yang tiada dalam sebutan melayu iaitu :

ح , خ , ع , غ , ق , ث , ص , ض , د , ذ , ط , ظ , ش

Menurut pengalaman saya, huruf ini kerap dibunyikan secara kurang tepat. Sekali lagi, anda perlu berguru untuk mengetahui kaedah terbaik membunyikannya.

3. Satu lagi bentuk kesalahan yang sering pembaca kita lakukan adalah ketika membunyikan **8 huruf berbaris atas** iaitu :

خ , ر , ص , ض , ط , ظ , غ , ق

Selalunya yang difahami, bunyi baris atas adalah 'AAA'. Tetapi dalam huruf Hija'iyah, ada 8 huruf yang apabila berbaris atas, bunyinya bukan 'AAA' tetapi 'OOO'.

Sila tonton **video 4** di mana saya tunjukkan bentuk kesalahan bagi 8 huruf ini.

Apa yang perlu anda lakukan?

Tidak dinafikan, bab makhraj & sifat huruf merupakan bab yang agak sukar dikuasai. Saya cadangkan, belajarlah secara berguru supaya anda tidak salah sebut.

Belajarlah secara berguru agar makna setiap kalimah yang diucapkan tidak terpesong maknanya. Ini kerana kita sedar, bahasa arab amat sensitif. Contohnya perkataan 'Qolbu' bermaksud hati. Cara ejaannya adalah 'ق-ل-ب'.

Tetapi, jika huruf ق ditukar sebutannya kepada bunyi huruf ك (salah makhraj & sifat), maknanya boleh bertukar, dari 'hati' kepada (maaf), menjadi 'anjing'!

Begitulah contoh kecil, betapa sensitifnya bahasa Arab.

Saya harap selepas ini, anda teruskan latihan membunyikan setiap sebutan kalimah Al-Quran setepat mungkin menurut bunyi yang Rasul ajarkan iaitu 'Lahnun Arab' : cara sebutan arab.

Dan pintu untuk mencapai bunyi tersebut telahpun kita pelajari iaitu bab makhraj & sifat huruf.

Usah risau jika kesilapan masih berlaku. Yang penting, usaha untuk memperbaiki bacaan perlu sentiasa diteruskan tanpa jemu.

Insyallah apabila Al-Quran dilatih bacaannya setiap hari, sebutan huruf kita akan menjadi lebih baik & kemas.

Saya doakan usaha kita diberkati Tuhan.

Mari kita teruskan pembelajaran ke bab seterusnya.

PERCUMA DARI
f UstazAsraff

BAB 4



MEMULAKAN BACAAN

Setelah 29 huruf Hija'iyah dikuasai, kita akan ke langkah seterusnya.

Ini adalah masa untuk '*start engine*': memulakan bacaan.

Sebenarnya, cara membaca Al-Quran lebih kurang sama seperti kita memandu kereta. Serupa dalam ertikata, ada teknik untuk '*start & stop*', mula & berhenti. Dalam tajwid, memula & memberhentikan bacaan dipanggil ilmu waqaf & ibtida'.

- **Waqaf** bermaksud **berhentikan bacaan**.
- **Ibtida'** bermaksud **memulakan bacaan**.

Cuma, cara kita berhenti & memulakan bacaan Al-Quran tidak sama dengan cara membaca buku rumi. Jika buku biasa, cukup dengan mengenalpasti tanda koma & noktah, *Insyallah* kita faham apa yang dibaca.

Tanda 'noktah & koma' Al-Quran lebih dari itu. Ada beberapa tanda waqaf yang perlu kita kuasai. Jika tidak, takut-takut bacaan kita banyak salah.

Apabila kesilapan terlalu banyak, sudah tentu pahalanya kurang bukan?

Ini yang ingin kita elakkan.

Fungsi Ilmu Waqaf & Ibtida'

Kedua ilmu ini perlu dikuasai sebaik mungkin kerana kita ingin elakkan masalah paling besar : makna ayat Al-Quran mungkin berubah & ada hukum tajwid yang dilanggar.

Saya datangkan contoh kerosakan makna yang mungkin berlaku jika kita berhentikan bacaan secara 'hentam-keromo'.

Contohnya dalam bahasa melayu sahaja. Amati ayat ini :

'Encik Ali minum susu lembu dalam cawan'

Jika ayat di atas dibaca hingga ke hujungnya, maksudnya mudah difahami. Tetapi bayangkan jika kita berhentikan bacaan (waqaf) pada perkataan 'susu' & kemudiannya memulakan (ibtida') bacaan pada perkataan 'lembu', bukankah maknanya pelik?

Apa? lembu boleh muat dalam cawan kecil?

Macam ada tidak kena dengan erti ayat tersebut. Maknanya 'lari'.

Begitu juga dengan ayat Al-Quran. Ada makna yang 'lari' jika kita berhenti & mulakan bacaan bukan pada tempat sepatutnya.

Disebabkan itu ilmu waqaf & ibtida' perlu dikuasai. Ia membantu kita berhenti pada tempat yang tepat & memulakan bacaan dengan kaedah yang betul agar makna Al-Quran terpelihara.

IBTIDA'

Kita akan bahaskan bab 'ibtida' iaitu teknik memulakan bacaan Al-Quran. Jika buku biasa, anda boleh terus buka & baca, tetapi Al-Quran tidak begitu.

Ada adab & peraturan khas untuk memulakan bacaan. Ada ayat yang perlu kita lafazkan dahulu sebelum mula membaca Al-Quran.

Lafaz tersebut digelar : **Isti'azah & Basmalah**

ISTI'AZAH

Isti'azah atau Ta'awwuz bermaksud, memohon perlindungan kepada Allah. Ada lafaz isti'azah khusus yang perlu kita ucapkan ketika mula membaca Al-Quran.

Saranan melafazkan isti'azah datanganya dari Tuhan. FirmanNya dalam Surah An-Nahl, ayat 98 :

فَإِذَا قَرَأْتَ الْقُرْآنَ فَاسْتَعِذْ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

Apabila engkau membaca Al-Quran, maka hendaklah engkau terlebih dahulu memohon perlindungan kepada Allah dari hasutan syaitan yang direjam.

Itu dalilnya. Cuma ulama menyatakan, hukum membaca isti'azah hanyalah sunat bukan wajib.

Lafaz Isti'azah yang masyhur digunakan adalah :

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

Inilah lafaz ta'awwuz yang sering digunakan baginda Nabi s.a.w. Seorang sahabat bernama Abu Said Al-Khudri menyatakan :

'Bahawasanya Rasulullah s.a.w menyebut 'a'uzubillahi minasy syaitonir rajiim' sebelum membaca Al-Quran' (Hadith riwayat Abdur Razzaq dalam Al-Musannaf)

BASMALAH

Basmalah adalah gelaran / panggilan bagi lafaz :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Kita disunatkan untuk melafazkan Basmalah setiap kali membaca Al-Quran berpandukan kefahaman dari Surah Al-Alaq ayat 1 :

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ

**Maksudnya : bacalah dengan nama Tuhanmu
yang menciptakan (sekalian makhluk)**

Nasihat Rasul, Basmalah elok diucapkan agar setiap amalan kita mendapat berkah. Sabda baginda s.a.w :

كل امرئ بال لا يبدأ فيه بسم الله الرحمن الرحيم فهو اقطع

**Maksudnya : Setiap perkara yang tidak dimulakan dengan
Bismillah, ia akan terputus (keberkatannya).
(Hadith riwayat Abu Daud)**

CARA MEMBACA ISTI'AZAH & BASMALAH

Ada 3 teknik yang ulama bahaskan berdasarkan 3 senario yang dihadapi ketika membaca Isti'azah & Basmalah. Ia adalah :

1. Teknik membacanya di awal surah
2. Teknik membacanya antara 2 surah
3. Teknik membacanya di tengah surah

Saya akan terangkan tekniknya satu-persatu.

1.1 Teknik membaca Isti'azah & Basmalah di awal surah.

Awal surah bermaksud, anda ingin memulakan bacaan pada permulaan mana-mana surah. Ketika ini anda disunatkan membaca Isti'azah & Basmalah. Cuma dari sudut waqaf & ibtida'nya, ada 4 pilihan yang boleh anda amalkan iaitu :

Pilihan 1

Baca Isti'azah (kemudian berhenti). Baca Basmalah (kemudian berhenti) Baca surah.

Contohnya : *A'uzubillahi minasy Syahtonir Rojim* (berhenti)
Bismillahir Rohmanir Rohim (berhenti) *Qul huwallahu Ahad.*

Pilihan 2

Baca Isti'azah (berhenti) Baca Basmalah & sambungkan (wasal) terus bacaan dengan Surah.

Contohnya : *A'uzubillahi minasy Syahtonir Rojim* (berhenti)
*Bismillahir Rohmanir **Rohimi**Qul huwallahu Ahad.*

Pilihan 3

Baca Isti'azah & sambungkan bacaannya dengan Basmalah. (berhenti) Baca Surah

Contohnya : *A'uzubillahi minasy Syahtonir **Rojimi**Bismillahir Rohmanir Rohim* (berhenti) *Qul huwallahu Ahad.*

Pilihan 4

Sambungkan bacaan antara Isti'azah, Basmalah & surah.

Contohnya : *A'uzubillahi minasy Syahtonir **Rojimi**Bismillahir Rohmanir **Rohimi**Qul huwallahu Ahad.*

1.2 Teknik membaca Isti'azah & Basmalah antara 2 surah.

Jika anda ingin sambungkan bacaan antara 2 surah, **hanya Basmalah yang perlu dibaca. Isti'azah tidak perlu.**

Contohnya, anda ingin sambung bacaan antara Surah Al-Ikhlash dengan surah selepasnya iaitu Surah Al-Alaq. Maka pesan ulama, ada 3 pilihan yang boleh digunakan iaitu :

Pilihan 1

Baca ayat terakhir Surah Al-Ikhlash (berhenti) Basmalah (berhenti) Baca ayat pertama Surah Al-Alaq

Contohnya : *Walam yakun lahuu kufuwan Ahad* (berhenti) *Bismillahir Rohmanir Rohiim* (berhenti) *Qul A'uzu birobbil Falaq*

Pilihan 2

Baca ayat terakhir Surah Al-Ikhlash (berhenti) Basmalah & sambungkan bacaan dengan ayat pertama Surah Al-Alaq

Contohnya : *Walam yakun lahuu kufuwan Ahad* (berhenti) *Bismillahir Rohmanir **Rohiimi**Qul A'uzu birobbil Falaq*

Pilihan 3

Sambungkan bacaan antara ayat terakhir Surah Al-Ikhlash, Basmalah & ayat pertama Surah Al-Alaq

Contohnya : *Walam yakun lahuu kufuwan **Ahadumm**Bismillahir Rohmanir **Rohiimi**Qul A'uzu birobbil Falaq*

1.3. Teknik membaca Isti'azah & Basmalah di tengah surah

la bermaksud, bagaimana cara membaca Isti'azah & Basmalah ketika anda memulakan bacaan di tengah surah?

Contohnya anda buka Al-Quran & ingin memulakan bacaan pada ayat Kursi (Surah Al-Baqarah ayat 255). Ia berada di tengah muka surat 42.

Pesan ulama, ada 2 pilihan yang boleh kita gunakan :

Pilihan 1

Baca Isti'azah (berhenti) Baca Basmalah (berhenti)
Baca ayat kursi

Contohnya : *A'uzubillahi minasy Syaitonir Rojim* (berhenti)
Bismillahir Rohmanir Rohim (berhenti) *Allahu laa ilaaha illa huwal hayyul Qayyum...*

Pilihan 2

Baca Isti'azah (berhenti) Baca ayat Kursi

Contohnya : *A'uzubillahi minasy Syaitonir Rojim* (berhenti)
Allahu laa ilaaha illa huwal hayyul Qayyum...

Anda boleh pilih samada cara pertama atau kedua. Cuma bezanya adalah, anda tidak membaca Basmalah pada cara kedua.

HAMZAH WASOL

Apakah Hamzah Wasol?

Saya akan terangkannya melalui contoh berikut :

Cuba lihat ayat pertama Surah Al-Fatihah iaitu :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Jika anda mulakan bacaan, ia tiada masalah untuk dibunyikan kerana huruf ب pada perkataan '*Bismi*' ada baris iaitu baris bawah. Namun bayangkan, anda tentu bermasalah memulakan bacaan jika huruf ب tadi tiada baris bawah.

Soalnya benarkah dalam Al-Quran, ada awal ayat yang tiada baris pada huruf awalnya?

Jika begitu, apakah baris yang hendak diletakkan?

Fakta di atas betul. Ada huruf di sesetengah awal ayat tidak memiliki baris. Nama gelaran huruf tersebut adalah HAMZAH WASOL.

Anda tidak perlu menyelak helaian Al-Quran untuk mencarinya. Cuba lihat ayat kedua Surah Fatihah. Hamzah Wasol wujud di permulaan ayatnya :

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Hamzah Wasol adalah huruf istimewa. Ia merupakan huruf tambahan di awal kalimah yang hanya dibunyikan ketika di permulaan bacaan dan tidak dibunyikan jika disambung dengan kalimah sebelumnya.

Ia juga digelar Hamzah Bersambung di dalam bahasa melayu. Ia dinamakan bersambung (wasal) kerana ia membenarkan huruf sebelumnya bersambung dengan huruf selepasnya.

Hamzah Wasol wujud di awal ayat. Contohnya ayat 2, 3, & 6 Surah Fatihah & ayat 55 Surah Al- A'raaf.

ia juga wujud di banyak tempat di tengah ayat.

Simbol Hamzah Wasol adalah, ia ditulis dengan tanda 'kepala huruf Sod' di atas huruf alif :



BAGAIMANA IA DIBARISKAN?

Jika anda bertemu Hamzah Wasol di permulaan ayat, ada 3 kaedah membariskannya iaitu :

1. Jika selepasnya huruf **ج** maka Hamzah Wasol **dibaris atas**. Contohnya ayat 2 Surah Fatihah, ia dibunyikan 'Alhamdu' :

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ

2. Jika selepasnya huruf selain **ج**, Hamzah Wasol akan dibariskan dengan merujuk **baris huruf ketiga**. Jika huruf ketiga berbaris depan, hamzah Wasol akan berbaris depan. Contohnya :

اَنْظُرْ كَيْفَ يَفْتَرُوْنَ عَلَى اللّٰهِ اَلْكَذِبَ وَكَفٰى بِهِ ؕ اِنَّمَا مُّٰمِنًا

(Surah An-Nisa, 50)

(dalam contoh di atas, huruf **ظ** adalah huruf ketiga dan ia berbaris depan. Maka Hamzah Wasol dibaris depan mengikut baris huruf **ظ**. Jadilah bunyinya - 'Unzur')

3. Jika huruf ketiga **berbaris atas atau bawah**, Hamzah Wasol akan berbaris bawah. Contohnya :

أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ

(*Surah Fatihah, ayat 6*)

(dalam contoh di atas, huruf ا adalah huruf ketiga dan ia berbaris bawah. Maka Hamzah Wasol dibaris bawah mengikut baris huruf ا. Jadilah bunyinya - 'Ihdina')

أَصْلَوْهَا الْيَوْمَ بِمَا كُنْتُمْ تَكْفُرُونَ

(*Surah Yasin ayat 64*)

(dalam contoh di atas, huruf ل adalah huruf ketiga dan ia berbaris atas. Maka Hamzah Wasol dibaris bawah. Jadilah bunyinya 'Islauha')

TANDA WAQOF

Sebelum kita berbabas tentang tanda waqof, saya ingin kongsi 'peraturan emas' ketika membaca Al-Quran iaitu : kita dilarang memutus & mengambil nafas sewenang-wenang.

Peraturan emas kedua adalah : jika nafas hampir habis, kita perlu berhenti pada perkataan yang sesuai agar maknanya tidak bercelaru.

Masalahnya, kebanyakan kita tidak memahami bahasa Arab. Oleh itu kita tidak tahu adakah makna bercelaru atau tidak ketika berhentikan bacaan.

Mungkin kita rasa betul tapi bagi orang arab yang faham, mereka dengar makna bacaan kita 'semacam'.

Untuk mengurangkan masalah ini berlaku, ulama telah meletakkan tanda ‘stop’ - berhenti atau ‘waqaf’ di pertengahan ayat Al-Quran.

Ada tanda yang boleh berhenti. Ada tanda yang dilarang berhenti. Selalunya ia diletakkan di atas ayat Al-Quran. Semua tanda ini diwujudkan untuk memelihara makna ayat Al-Quran dari terpesong.

Ada tujuh tanda atau alamat waqaf yang perlu kita tahu maksudnya. Lihat jadual di bawah :

TANDA	GELARAN	KETERANGAN
م	Waqaf Lazim	Mesti berhenti agar makna ayat tidak terjejas
قلی	Waqaf Aula	Digalakkan berhenti. Kemudian sambung bacaan
∴ ∴	Waqaf Ta'anuuq	Jika berhenti, pilih salah-satu shaja
ج	Waqaf Ja'iz	Boleh berhenti. Nak sambung juga boleh
صلی	Wasol Aula	Lebih baik sambung bacaan
لا	Waqaf Mamnu'	Dilarang berhenti
س	Saktah	Jika sambung, mesti berhenti sebentar & tahan nafas

Berikut adalah contoh kedudukan tanda wakaf di dalam Al-Quran. Tanda tersebut digelar **Wasol Aula**. Maksudnya anda digalakkan menyambungkan bacaan ketika bertemu simbol ini.

Simbol waqaf Wasol Aula

•

ط

تَمَنِيَةَ أَزْوَاجٍ مِّنَ الضَّأْنِ أَتْنِي

Carilah tanda di atas ketika membaca Al-Quran. Ikuti kaedah penggunaannya. *Insyallah* bacaan anda lebih tepat & lebih terpelihara.

KESIMPULAN :

Berdasarkan semua maklumat di atas, kita dapat simpulkan 4 perkara :

1. Mulakan bacaan Al-Quran dengan Isti'azah & Basmalah
2. Jika perkataan di awal ayat berbaris, mulakan bacaan seperti biasa. Jika ia bermula dengan 'hamzah wasol', ikuti teknik yang diterangkan.
3. Dilarang mengambil nafas di tengah bacaan. Jika nafas hampir habis, sila berhenti pada tanda waqaf terhampir. Ikuti panduan waqaf di tengah ayat melalui tanda-tanda waqaf.
4. Ketika membaca Al-Quran, jika nafas hampir habis sementara tanda waqaf tiada / masih jauh, berhenti sahaja pada kalimah nafas terakhir anda. Kemudian, mulakan bacaan pada kalimah sebelumnya. Ini cara '*basic*' paling mudah untuk anda amalkan.

BAB 5



DENGUNG & TIDAK DENGUNG

Para pembaca budiman,

Alhamdulillah, dalam bab sebelum ini kita telah mengenal huruf Hija'iyah & mengetahui cara memulakan bacaan. Kini kita masuk ke bab lebih penting iaitu mula membaca Al-Quran.

Sebenarnya, segala hukum-hakam tajwid yang kita rasakan begitu banyak itu, secara asasnya berkisar kepada 3 teknik bacaan sahaja iaitu :

1 Bacaan dengung

2 Bacaan tidak dengung

3 Bacaan panjang (mad)

Dalam bab ini, kita akan bincangkan 2 darinya iaitu bacaan dengung & tidak dengung. Cuma sebelum kita bermula, saya perlu jelaskan 'falsafah' bagaimana ia berlaku.

Ia penting kerana melaluinya, anda akan fahami gambaran besar bab ini.

Bagaimana dengung & tidak dengung terjadi?

Ketika membaca Al-Quran, kita akan tahu cara membunyikan setiap huruf hija'iyah melalui tanda baris (atas, depan, bawah, tanwin, mati & sabdu).

Selalunya, setiap huruf akan dibunyikan mengikut barisnya seperti biasa. Cuma kadangkala dalam beberapa situasi, ia akan ‘berinteraksi’.

Apakah maksud interaksi?

Untuk memahaminya, kita gunakan anologi ini : cara interaksi huruf hija’iyyah lebih kurang sama seperti manusia. Ada kalanya ketika bertemu seseorang di tengah jalan, kita akan bertegur-sapa & bertanya khabar kerana ya, dia kan jiran satu taman.

Tapi ada juga ketika kita duduk di sebelah seseorang dalam bas. Tiada sebarang sapaan & interaksi berlaku kerana kita tidak mengenalinya.

Huruf hija’iyyah lebih kurang begitu juga. Ada waktunya ia berinteraksi, ada kalanya tidak. Saya datangkan contoh. Amati perkataan di bawah :


ءَأَنْذَرْتَهُمْ

Cuba lihat bentuk interaksi dalam perkataan tersebut :

- **Contohnya huruf ر mati yang bertemu huruf ت . Tidak ada sebarang ‘interaksi’ dalam bentuk dengung atau bacaan panjang yang wujud.**
- **Lihat pula huruf ن mati bertemu huruf ذ . Wujud ‘interaksi’ disitu iaitu dengung 2 harakat.**

Itulah contoh ‘interaksi’ yang saya maksudkan.

Selalunya, ketika membaca Al-Quran, ada 2 keadaan di mana ‘interaksi’ dengung atau tidak dengung banyak ditemui iaitu :

	
Ketika Huruf ن mati atau huruf bertanwin bertemu Huruf Hija'iyah	Ketika Huruf م mati bertemu Huruf Hija'iyah

Mudahnya, anda ingat betul-betul 3 perkara ini : ن mati, م mati & tanwin kerana hampir 90% bunyi dengung & tidak dengung dalam Al-Quran berpunca darinya.

Saya akan bahaskan bahagian pertama dahulu iaitu ن mati / tanwin bertemu Huruf Hija'iyah.

1. ن mati / tanwin bertemu Huruf Hija'iyah

Barangkali anda sudah kenal ن mati atau gelaran arabnya, ن Sakinah. Tapi rasanya mungkin tidak ramai yang tahu bahawa dalam Al-Quran, kaedah ن mati ditulis berbeza. Ada 3 cara iaitu :

		
Nun ada tanda mati	Nun tiada tanda mati	Nun dengan Huruf Mim kecil di atasnya

Pasti berfungsi ada sebab tertentu mengapa ia ditulis begitu. Tujuannya adalah, ia berfungsi sebagai petanda wujudnya teknik bacaan tertentu yang akan saya terangkan di bawah.

Tanda baris tanwin juga ditulis dengan 3 cara berlainan iaitu :



Apabila َ mati atau tanwin bertemu huruf Hija'iyah dalam mana-mana kalimah Al-Quran, akan berlaku 4 teknik bacaan atau 'hukum tajwid' yang akan kita baca iaitu :

1 Izhar Halqi

2 Ikhfa' Haqiqi

3 Idgham Maal & Bila Ghunnah

4 Iqlab

Itu panggilannya dalam bahasa arab. Maknanya, huruf َ mati atau tanwin akan dibunyikan secara berbeza menurut 4 keadaan di atas. Mungkin ia dibaca secara jelas, dengung atau bunyi lain.

Untuk memahami setiap teknik bacaan / hukum dengan lebih mudah, saya akan terangkannya melalui 5 'anak tangga' iaitu :



Mari kita mulakan :

1. Izhar Halqi

TANGGA 1 > MAKNA

Izhar bermaksud terang & jelas.
Halqi pula bermaksud halkum.

TANGGA 2 > HURUF

ﻯ mati & tanwin bertemu 6 huruf yang makhrajnya terletak di halkum / kerongkong iaitu :

ﺥ , ﻍ , ﺡ , ﻉ , ﻩ , ﻉ

TANGGA 3 > PENERANGAN

Kali ini, huruf ﻯ mati atau tanwin akan dibunyikan secara jelas apabila ia bertemu dengan 6 huruf yang makhrajnya berasal dari halkum.

Huruf ن mati & tanwin perlu dibunyikan secara jelas, tanpa panjang & tanpa dengung kerana bunyinya tidak mungkin dapat digabungkan dengan bunyi 6 huruf tersebut.

Ini kerana, kedudukan makhrajnya agak jauh. Makhraj huruf ن terletak di hujung lidah sementara makhraj 6 huruf itu terletak di awal kerongkong.

Kerana itu, ia dibunyikan secara jelas atau bahasa arabnya, izhar.

Dari sudut praktikal, kita akan sebut bunyi huruf ن mati / tanwin tanpa sebarang dengung & tanpa sebarang pemanjangan.

TANGGA 4

TANDA

Ada petanda khusus yang boleh anda camkan untuk mengenalpasti bacaan Izhar Halqi dalam Al-Quran andaikata tidak ingat 6 hurufnya.

Tandanya adalah :



Maknanya, jika anda terjumpa dalam Al-Quran, mana-mana huruf ن mati yang ditulis tanda matinya & mana-mana tanwin yang ditulis

selari & '69', ia bermaksud anda perlu membacanya secara izhar.

TANGGA 5 ► CONTOH

Sila rujuk **video 5** (*link download video percuma ini ada diberikan dimuka surat awal buku*) untuk mengetahui bunyi Izhar Halqi secara tepat.

Huruf Izhar Halqi	Contoh Nun Sakinah (Nun mati)		Contoh Tanwin
	Satu kalimah	Dua kalimah	Dua kalimah sahaja
ء	وَيَنْتَوُونَ	أَنْ أَسْلَمُوا	كَذِبًا أَوْ
ه	فَمِنْهُمْ	وَمَنْ هُوَ	جُرْفٍ هَارٍ
ع	أَنْعَمْتَ	فَمَنْ عَفَى	سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ
ح	يَنْحِتُونَ	وَمَنْ حَوَّلَهَا	قَرَضًا حَسَنًا
غ	فَسَيَنْغْضُونَ	مَنْ غَلَّ	مَخْصَصَةٍ غَيْرَ
خ	وَالْمُنْخِنِقَةُ	مِنْ خَشْيَةٍ	عَلَيْهِمْ خَبِيرٌ

2. Ikhfa' Haqiqi

TANGGA 1 ► MAKNA

Ikhfa' maksudnya sembunyi.

Haqiqi bermaksud : hakikat. Tulen. Berlaku sebenarnya.

TANGGA 2

HURUF

ن mati & tanwin bertemu 15 huruf ikhfa' iaitu :

ت, ث, ج, د, ذ, ز, س, ش, ص, ض, ط, ظ, ف, ق, ك

TANGGA 3

PENERANGAN

Kali ini, apabila ن mati @ tanwin bertemu 15 huruf di atas, ia akan dibaca secara ikhfa'. Maksud bacaan ikhfa' adalah sembunyi. Ia adalah bunyi bacaan samar-samar antara jelas dengan dengung.

Mudah cerita, ikhfa' adalah bacaan 50-50, pertengahan antara izhar & idgham.

Dari sudut praktikal, kita akan masukkan 50% bunyi ن mati / tanwin ke dalam huruf selepasnya. Kemudian, panjangkan bunyi dengung tersebut pada kadar 2 harakat.

TANGGA 4

TANDA

ن

Nun tiada
tanda mati

— //

Tanwin atas &
bawah tidak selari,
tanwin depan
berbentuk '99'

Sila rujuk **video 6** untuk mengetahui bunyi Ikhfa' Haqiqi secara tepat.

Huruf Ikhfa' Haqiqi	Contoh Nun Sakinah (Nun mati)		Contoh Tanwin
	Satu kalimah	Dua kalimah	
ت	أَنْتَ	إِنْ تَكْفُرُوا	كُلِّ تَاكُلُونَ
ث	مَنْشُورًا	مِنْ ثَمَرَةٍ	ظُلِمَتْ ثَلَاثٌ
ج	وَأَنْجَيْنَا	وَإِنْ جَاهِدَاكَ	آيَةُ جَنَّاتٍ
د	أَنْدَادًا	مِنْ دُونِهِ	ضُرُّ دَعَا
ذ	مُنْذِرٌ	مِنْ ذَهَبٍ	ثَلَاثٌ ذَلِكُمْ
ز	أُنْزِلَ	أَفَمَنْ زَيْنَ	صَعِيدًا زَلَقًا
س	الْإِنْسَنَ	عَنْ سَبِيلِهِ	وَرَجُلًا سَلَمًا
ش	يَنْشُرُ	مِنْ شَيْءٍ	عَذَابٌ شَدِيدٌ
ص	يُنْصَرُونَ	وَمَنْ صَلَحَ	رَتَحًا صَرَصَرًا
ض	مَنْضُودٍ	مَنْ ضَلَّ	وَكُلًّا ضَرَبْنَا
ط	بِقِنْطَارٍ	مِنْ طِينٍ	لَحْمًا طَرِيًّا
ظ	يَنْظُرُ	مِنْ ظَهِيرٍ	ظِلًّا ظَلِيلًا
ف	وَأَنْفُسِهِمْ	مِنْ فَضْلِ اللَّهِ	خَلَقَ فِي
ق	يَنْقَلِبُ	مِنْ قِطْمِيرٍ	شَيْءٍ قَدِيرٌ
ك	وَمِنْكَ	مِنْ كِتَابٍ	كَذِبٌ كَفَّارٌ

3. Idgham

Untuk hukum idgham, ia terbahagi kepada 2 iaitu :

1 Idgham Maal Ghunnah

2 Idgham Bila Ghunnah

Kita akan pelajari yang pertama dahulu iaitu Idgham Maal Ghunnah.

3.1 Idgham Maal Ghunnah

TANGGA 1 MAKNA

Idgham bermaksud : gabung, memasukkan
Maal : bersama
Ghunnah : Dengung

TANGGA 2 HURUF

4 huruf Idgham Maal Ghunnah :

ي, و, م, ن

TANGGA 3 PENERANGAN

Bagi hukum ini, kita akan masukkan bunyi huruf ن mati @ tanwin ke dalam bunyi 4 huruf selepasnya.


Selalunya, hukum ini akan terjadi apabila pertemuan tersebut berlaku dalam 2 kalimah : ن mati / tanwin dalam satu perkataan, manakala 4 huruf berbaris itu dalam perkataan lain.

Dari sudut praktikal, bunyi ن mati @ tanwin sudah tiada atau seratus-peratus hilang sebab ia telah dimasukkan ke dalam

bunyi 4 huruf Idgham Maal Ghunnah. Mudahnya, kita tidak akan sebut bunyi huruf ن, tetapi bunyi huruf selepasnya yang akan disebut.

Kemudian, kita dengungkannya pada kadar 2 harakat.

TANGGA 4 TANDA

 Nun tiada tanda mati	 Tanwin atas & bawah tidak selari, tanwin depan berbentuk '99'
baris baris  Huruf و & ي tiada sabdu di atasnya & berbaris	baris baris  Huruf ن & م ada sabdu di atasnya & berbaris

TANGGA 5 CONTOH

Sila rujuk **video 7** untuk mengetahui bunyi Idgham Maal Ghunnah secara tepat.

Huruf Idgham Maal - Ghunnah	Contoh Nun Mati (2 perkataan)	Contoh Tanwin
ي	أَنْ يَرَحْمَكُمُ	لِقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ
و	مِنْ وَلِيِّ	وَرَعْدٌ وَبَرْقٌ
م	مِنْ مِثْلِهِ	قَلِيلًا مَّا
ن	لَنْ نُؤْمِنَ لَكَ	يَوْمَئِذٍ نَّاعِمَةٌ

3.2 Idgham Bila Ghunnah

TANGGA 1

MAKNA

Idgham bermaksud : gabung, memasukkan
 Bila : tanpa
 Ghunnah : Dengung

TANGGA 2

HURUF

2 huruf Idgham Bila Ghunnah :



TANGGA 3

PENERANGAN

Kita akan masukkan bunyi huruf ن mati @ tanwin ke dalam bunyi huruf ر & ل

Cara bacaan ini akan berlaku apabila pertemuan tersebut terjadi dalam 2 kalimah : ن mati / tanwin dalam satu perkataan, manakala huruf ر & ل dalam perkataan selepasnya.

Dari sudut praktikal, bunyi ن mati @ tanwin sudah tiada atau seratus-peratus hilang kerana ia telah dimasukkan ke dalam bunyi huruf ر & ل. Mudahnya, kita tidak akan sebut bunyi huruf ن, tetapi bunyi huruf ر & ل yang akan disebut.

Cuma disini, tiada dengung berlaku. Tiada pemanjangan 2 harakat dibaca.

TANGGA 4 TANDA



TANGGA 5 CONTOH

Sila rujuk **video 8** untuk mengetahui bunyi Idgham Bila Ghunnah secara tepat.

Huruf Idgham Bila - Ghunnah	Contoh Nun Mati	Contoh Tanwin
ر	مِنْ رَبِّكُمْ	اللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ
ل	فَإِنْ لَّمْ تَفْعَلُوا	حَسَنًا لَّا كُفْرًا

4. Iqlab

TANGGA 1 MAKNA

Iqlab bermaksud : tukar

TANGGA 2 HURUF

Satu huruf sahaja : Huruf ب

TANGGA 3 > PENERANGAN

Kali ini, kita akan tukar bunyi huruf ن mati @ tanwin kepada bunyi huruf م apabila ia bertemu huruf ب

Ketika inilah 'iqlab-tukar' akan berlaku, iaitu bunyi asal ن mati & tanwin telah bertukar kepada bunyi huruf م

Kemudian bacaan tersebut akan didengungkan pada kadar 2 harakat.

TANGGA 4 > TANDA

 ن Mati : Tanda mati pada huruf ن akan digantikan dengan huruf م kecil	 Tanwin : Satu baris tanwin akan dibuang dan digantikan dengan huruf م kecil	baris  Huruf ب pula berbaris
---	---	--

Tanda huruf 'Mim kecil' yang diletakkan di atas huruf ن mati & tanwin bertujuan untuk mengingatkan kita untuk membunyikannya berdasarkan sebutan huruf م

TANGGA 5 > CONTOH

Sila rujuk **video 9** untuk mengetahui bunyi Iqlab secara tepat.

Huruf Iqlab	Contoh Nun Mati (Nun Sakinah)		Contoh Tanwin
	Satu kalimah	Dua kalimah	
ب	الذَّنْبِ	مِنْ بَعْدِ	عَلَيْمٌ بِذَاتِ

Kesimpulan Nun Mati & Tanwin

Untuk membezakan bunyi 4 hukum ini, saya membuat kesimpulan berikut :

- Jika izhar bermaksud bacaan jelas (bunyi langsung tidak bergabung),
- Ikhfa' pula bermaksud bacaan 50-50 (gabung setengah)
- Idgham pula adalah bacaan gabung 100%.
- Iqlab pula adalah tukar bunyi, dari bunyi ن kepada م

Ingat empat point ini, anda tidak akan keliru selamanya.

Cara untuk ingati huruf pula, anda boleh gunakan kefahaman ini :

1. Ingati 6 huruf Izhar.
2. Ingati pula 6 huruf Idgham.
3. Huruf Iqlab lebih mudah diingati. Satu sahaja iaitu huruf پ
4. Huruf Ikhfa' mudah diketahui kerana ia adalah baki huruf yang tidak termasuk dalam hukum izhar, idgham & Iqlab.

2. م mati bertemu Huruf Hija'iyah

Kita masih membicarakan bab dengung & tidak dengung. Kali ini kita akan kenalpasti sebab kedua pula iaitu apabila huruf م mati bertemu Huruf Hija'iyah.

Dalam Al-Quran, terdapat 2 cara م Sakinah (gelaran arab bagi م mati) ditulis iaitu :



Ada 3 teknik bacaan yang akan diamalkan iaitu :

1 Idgham Syafawi

2 Ikhfa' Syafawi

3 Izhar Syafawi

Mari kita bahaskan hukumnya satu-persatu menurut 5 'anak tangga' yang digunakan sebelum ini.

1. Idgham Syafawi

TANGGA 1

MAKNA

Idgham bermaksud : gabung, memasukkan

Syafawi bermaksud : bibir (kerana Makhraj Huruf م mati berasal dari bibir)

TANGGA 2

HURUF

Satu huruf sahaja : Huruf م

TANGGA 3


PENERANGAN

Hukum ini berkenaan pertemuan 2 huruf yang sama iaitu huruf م bertemu م

Kali ini, kita akan memasukkan bunyi huruf م mati ke dalam bunyi huruf م berbaris selepasnya.

Ia akan dibaca secara dengung dengan kadar panjang 2 harakat.

TANGGA 4 TANDA



TANGGA 5 CONTOH

Sila rujuk **video 10** untuk mengetahui bunyi Idgham Syafawi secara tepat.

Idgham Syafawi
خَلَقَكُمْ مِّنْ
وَكُم مِّنْ

2. Ikhfa' Syafawi

TANGGA 1 MAKNA

Ikhfa' maksudnya sembunyi.

Syafawi bermaksud : bibir (kerana makhraj huruf م mati berasal dari bibir)

TANGGA 2 > HURUF

Satu huruf sahaja : Huruf ب

TANGGA 3 > PENERANGAN

Ketika ini, huruf م mati akan bertemu satu huruf sahaja iaitu huruf ب

Cara bacaannya adalah, kita akan ikhfa'kan bunyi م mati tersebut. Dalam ertikata lain, ia dibunyikan secara samar-samar. Izhar pun tidak, idgham pun tidak. Tengah-tengah.

Kemudian, ia akan didengungkan 2 harakat.

TANGGA 4 > TANDA

م

م Mati : tanda
mati tidak ditulis

baris

ب

Huruf ب
berbaris

TANGGA 5 > CONTOH

Sila rujuk **video 11** untuk mengetahui bunyi Ikhfa' Syafawi secara tepat.

Huruf Ikhfa' Syafawi	Contoh Mim Mati
ب	أُحِلَّتْ لَكُمْ بَيْمَةٌ

3. Izhar Syafawi

TANGGA 1

MAKNA

Izhar maksudnya terang & jelas.

Syafawi bermaksud : bibir (kerana Makhraj Huruf م mati berasal dari bibir)

TANGGA 2

HURUF

Semua huruf Hija'iyah selain huruf ب & م

TANGGA 3

PENERANGAN

Jika mana-mana huruf م mati bertemu apa jua huruf Hija'iyah selain huruf ب & م, maka cara bacaannya hanyalah satu : huruf م mati perlu dibaca secara terang & jelas.

Tanpa panjang, tanpa gabung & tanpa sebarang dengung.

TANGGA 4

TANDA

م

م Mati : tanda
mati ditulis

Huruf Hija'iyah
selepasnya
(selain م & ب)
berbaris.

TANGGA 5 **CONTOH**

Sila rujuk **video 12** untuk mengetahui bunyi Izhar Syafawi secara tepat.

Contoh	Huruf Izhar Shafawi	Contoh	Huruf Izhar Shafawi
الْطَّمَّانُ	ء	حَسِبْتُمْ لَوْلُوْ	ل
أَنْتُمْ تَمْرُوْنَ	ت	وَيَمْنَعُوْنَ	ن
أَمْثَلُهُمْ	ث	أَمْوَالُكُمْ وَأُولَدُكُمْ	و
وَأَنْتُمْ حُرُمٌ	ح	تَهْمِيْدًا	ه
وَيُمِدُّكُمْ	د	وَأَمْوَالِهِمْ يَنْتَعُوْنَ	ي
يَنْشُرْ لَكُمْ رَيْكُم	ر	وَيُدْخِلُهُمْ جَنَّاتٍ	ج
رَمَزًا	ز	كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ	خ
صَلَاتِهِمْ سَاهُوْنَ	س	فَأَنسَبَهُمْ ذَكَرَ اللّٰهِ	ذ
تَمْشُوْنَ	ش	إِنْ كُنْتُمْ صٰدِقِيْنَ	ص
عَلَيْهِمْ ضِدًّا	ض	فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ لِّنَفْسِهِ	ظ
قَمَطَرِيًّا	ط	إِنْ كُنْتُمْ غَيْرَ مَدِينِيْنَ	غ
الَّذِيْنَ هُمْ عَنْ	ع	وَأَلَّهُمْ فِيْ الْآخِرَةِ	ف
وَيَمْكُرُوْنَ	ك	إِذْ أَنْتُمْ قَلِيْلٌ	ق

KESIMPULAN م MATI

Untuk huruf م mati, bunyi dengung & panjang 2 harakat akan berlaku apabila ia bertemu 2 huruf sahaja iaitu huruf ب & م. Selain itu, ia dibaca secara izhar.

Dari sudut praktikal, anda hanya perlu perhatikan 2 huruf sahaja iaitu huruf م & huruf ب. Huruf Hija'iyah lainnya tidak perlu diperhatikan sangat kerana anda tahu cara bacaannya sama iaitu izhar.

WAJIBUL GHUNNAH

Para pembaca dihormati,

Selain dari beberapa hukum yang telah kita bincangkan di atas, masih ada 1 teknik bacaan yang perlu dibaca secara dengung.

Cuma ia dibahaskan secara berasingan kerana sebabnya tidak sama dengan hukum-hakam di atas.

Ia adalah Wajibul Ghunnah.

Wajibul Ghunnah bermaksud 'wajib didengungkan'.

Ia adalah bacaan dengung 2 harakat yang akan berlaku apabila anda bertemu mana-mana huruf ن & huruf م yang bersabdu dalam Al-Quran.

Contohnya :

Huruf wajibul Ghunnah	Contoh
ن	إِنَّ إِيَّيْ جَانَّ
م	ثُمَّ فَأَمَّا وَأَمَّا

Jika anda bertemu contoh sebegini, bacalah ia secara dengung 2 harakat.

IZHAR MUTLAQ

Hukum izhar yang dibahaskan di atas masih belum sempurna. Ada satu lagi hukum yang akan kita bicarakan iaitu Izhar Mutlaq.

Izhar maksudnya terang & jelas.

Mutlaq pula bermaksud, mutlak. Perkataan ini digunakan untuk menggambarkan, hukum ini tiada kena-mengena dengan Izhar Halqi & Izhar Syafawi yang telah dibicarakan sebelum ini.

Ia hanya wujud dalam **4 perkataan** sahaja dalam Al-Quran iaitu :

Perkataan	Surah
قِنَوَانِ	(Surah Al-An'aam, 99)
صَنَوَانِ	(Surah Ar- Rakd, 4)
بُنَيْنِ	(Surah Soof, 4)
الدُّنْيَا	(Surah As-Sooffaat, 6) & mana-mana perkataan sama dalam Al-Quran.

Saya menganggap hukum ini istimewa kerana sekali pandang, ia tak ubah seperti hukum Idgham Maal Ghunnah.

Cuba lihat 4 perkataan tersebut, bukankah huruf ن mati bertemu huruf

ي & و di mana dalam penerangan sebelumnya, kita sedar ia adalah huruf Idgham Maal Ghunnah?

Soalnya, mengapa 4 perkataan ini dibaca izhar bukannya idgham?

Ulama mengatakan, ia perlu dibaca idgham kerana :

Syarat untuk menjadi idgham tidak dipenuhi. Ini kerana, Idgham Maal Ghunnah akan terjadi jika ٠ mati / tanwin bertemu 4 hurufnya dalam **2 perkataan berbeza**. Empat perkataan di atas pula, huruf ٠ matinya bertemu huruf ي dan و dalam satu perkataan.

Nampaknya syarat idgham tidak dipenuhi. Disebabkan itu ia dibaca secara izhar, iaitu bunyikan ٠ mati secara terang & jelas. Tanpa panjang & tanpa dengung.

Dalam Al-Quran, huruf ٠ mati dalam keempat perkataan ini akan ditulis tanda matinya untuk menunjukkan bacaan izhar.

Sila lihat contoh bacaannya dalam **video 13**.

KESIMPULAN

Nampaknya, hukum ٠ mati & م mati boleh membuatkan kepala kita 'berasap' jika ia tidak difahami sepenuhnya.

Saya akui, jika ia dibaca sekali sahaja, kita mungkin keliru. Cuba baca bab ini 2-3 kali. Kemudian dengar contoh bacaannya dalam video yang disediakan.

Selepas itu, cari setiap hukum ini dalam Al-Quran. Praktikkan bunyinya & lakukan semua perkara ini berulang kali dalam ketika membaca Al-Quran.

Pasti, segala yang keliru & payah akan bertukar menjadi mudah.

BAB 6



Bacaan Panjang

Perasankah anda ketika membaca Al-Quran, ada sesetengah kalimah dibaca panjang & ada yang dibaca pendek?

Jumlahnya dalam Al-Quran terlalu banyak. Buka mana-mana mukasurat, ia pasti ada.

Bacaan panjang ini dinamakan **Mad**.

Masalahnya, hukum mad terlalu banyak. Tidak cukup 10 jari mengiranya. Disebabkan itu kita perlukan teknik lebih mudah untuk mengecam kewujudannya dalam Al-Quran.

Saya akan mulakan perbincangan hukum ini dari asas. Kita kenali dahulu 3 'tiang seri'nya, asas mad iaitu :

ASAS 1

Kenali dahulu apakah erti Mad.

Dari sudut bahasa, mad bermaksud melebihi atau menambah.

Dari sudut praktikalnya, kita akan memanjangkan suara ketika membunyikan huruf-huruf mad pada kadar harakat yang ditentukan.

Harakat pula adalah kadar panjang bagi bacaan mad dan kadarnya adalah di antara 2 hingga 6 harakat. Cara mengira harakat adalah dengan menggerakkan 2 jari secara sederhana jika kadar madnya 2 harakat.

Itu asas pertama.

ASAS 2

Asas kedua yang perlu kita tahu adalah : bacaan mad dalam Al-Quran akan berlaku apabila melibatkan 3 huruf mad. Untuk makluman, ketiga huruf ini amat banyak jumlahnya dalam Al-Quran. Anda perlu mengecam betul-betul huruf ini agar perbincangan kita selepas ini menjadi lebih mudah.

3 huruf tersebut adalah :

ا, و, ي

Untuk mudah ingat, saya gelar 3 huruf ini 'AWIE' sahaja (berdasarkan ejaan begini : اَوِيّ). Namun begitu, tidak semua huruf 'awie' dalam Al-Quran dikira huruf Mad. Sebabnya, huruf mad ada syarat iaitu :

Huruf Mad	Penerangan	Contoh
ا	Huruf Alif (ا) mati, sebelumnya mesti huruf berbaris di atas	قَالَ
و	Huruf Wau (و) mati, sebelumnya mesti huruf berbaris di hadapan	يَقُولُ
ي	Huruf Ya (ي) mati, sebelumnya mesti huruf berbaris di bawah	قِيلَ

Jika cukup syarat di atas, barulah ia menjadi huruf Mad. Jika tidak, ia hanya huruf ا, و, ي biasa sahaja.

Untuk makluman, tanda mati bagi ketiga-tiga huruf ini tidak ditulis dalam Al-Quran.

ASAS 3

Kebanyakan ulama tajwid membahagikan mad kepada 19 jenis iaitu :

1 Mad Asli	11 Mad Lazim Kalimi Musaqqol
2 Mad Asli Harfi	12 Mad Lazim Kalimi Mukhaffaf
3 Mad Iwad	13 Mad Lazim Harfi Musaqqol
4 Mad Badal	14 Mad Lazim Harfi Mukhaffaf
5 Mad Silah Qosirah	15 Mad Tabri'ah
6 Mad Silah Tawilah	16 Mad Tamkin
7 Mad Lin	17 Mad Ta'zim
8 Mad Wajib Muttasil	18 Mad Syabihul Badal
9 Mad Jaiz Munfasil	19 Mad Faraq
10 Mad Aridh Lissukun	

Nampaknya, sukar juga nak mengingat 19 mad ini bukan? Nak mengingat namanya dalam bahasa arab satu hal. Nak mengingat huruf & sebabnya pula satu hal lain.

Disebabkan itu, saya ingin tawarkan solusi lebih mudah : **dari 19, kita ingati 4 pecahan besar sahaja**. Dari mengecam mad ikut nama hukum, kita belajar mengecam kewujudan mad dalam Al-Quran berdasarkan simbol sahaja.

Mungkin ada yang terfikir, '*alamak, jika begitu saya tak camlah semua 19 hukum mad...*'.

Tuan-puan semua, tidak semestinya.

Saya sebenarnya ingin kongsi cara lebih mudah mengecamnya kerana kaedah ini lebih memudahkan kita membaca Al-Quran dengan betul. Ini kerana fokus sebenar pelajaran tajwid adalah '*baca betul*', tidak kisah anda hafal nama mad atau tidak.

Contohnya jika anda panjangkan kalimah '*Dhooollliin*' dalam ayat akhir Surah Fatihah pada kadar 6 harakat tanpa mengetahui nama hukumnya Mad Lazim Kalimi Muthaqqol, bacaan anda tetap betul.

Anda tetap mendapat pahala.

Walaupun begitu pada penerangan di bawah, saya akan terangkan juga teori mad berdasarkan pecahan hukum. Cuma jika kita rasa sukar mengecamnya berdasarkan teori, kita ada '*short-cut*' lebih mudah iaitu : camkan mad melalui simbolnya yang sedia ada dalam Al-Quran.

Insyallah ia akan lebih memudahkan bacaan Al-Quran anda.

Cuma sebelum itu, kita ketahui dahulu mengapa hukum mad perlu dikuasai betul-betul.

Mengapa ia perlu dikuasai?

Menurut pemerhatian saya, bacaan Mad merupakan bacaan yang paling kerap dibaca secara kurang tepat.

Bentuk kesilapannya ada 3 :

- 1 Bacaan panjang dibaca pendek.
- 2 Bacaan pendek dibaca panjang.
- 3 Harakat mad dibaca tidak mencukupi / salah.

Kata orang, panjang-pendek 'main langgar' sahaja. Soalnya apa akibatnya jika kesalahan ini berterusan?

Akibatnya ada dua : samada anda melakukan salah besar - '*Lahnun Jaliy*', atau salah kecil - '*Lahnun Khofiy*'.

Jika salah kecil kita tidak risau sangat. Tetapi jika salah besar, ini yang kita risaukan. Dikuatiri ada makna yang mungkin bertukar kerana sesetengah kalimah Al-Quran boleh berubah makna jika dipanjang-dipendek secara semberono.

Contohnya perkataan ini :

ضَرَبَ

Ia bermaksud : '*seorang lelaki (dia) telah memukul*'.

Jika huruf ب di hujung kalimah itu dipanjangkan pada kadar 2 harakat, kita sebenarnya secara tidak langsung telah menambah 'Alif' dihujungnya, begini :

ضَرَبَا

Ketika itu maksudnya telah berubah kepada : '*dua orang lelaki (mereka) telah memukul*'.

Lihat, pelakunya dari seorang menjadi dua orang. Begitulah

sensitifnya bahasa arab. Sedikit pemanjangan boleh menyebabkan makna terpesong.

Maka kita perlu berhati-hati. Kerana itu, bab mad perlu betul-betul dikuasai agar bacaan Al-Quran kita sempurna.

Mari kita mula belajar simbol mad dalam Al-Quran.

Mengecam Mad dalam Al-Quran berdasarkan simbol

Dalam Al-Quran, simbol mad boleh kita kenali berdasarkan 4 'speed', kadar harakatnya iaitu :

- 1 Mad 2 harakat
- 2 Mad 2, 4 atau 6 harakat
- 3 Mad 4 atau 5 harakat
- 4 Mad 6 harakat

Kita akan kenali cara simbol harakat mad pertama iaitu :

1. MAD 2 HARAkat

'Speed' atau harakat terendah bacaan mad adalah 2 harakat. Ia merupakan bacaan mad paling popular dan jumlahnya begitu banyak dalam Al-Quran. Anda boleh mengecam bacaan mad 2 harakat ini berdasarkan 3 kumpulan simbol iaitu :

Kumpulan 1	Penerangan
اَ	Huruf Alif sebelumnya baris atas
وُ	Huruf Wau sebelumnya baris depan
يَ	Huruf Ya sebelumnya baris bawah

Kumpulan 2	Penerangan
Kecil	Huruf Alif kecil
و Kecil	Huruf Wau kecil
ي Kecil	Huruf Ya kecil

Kumpulan 3	Penerangan
Ⓜ هـ	Huruf Alif dihujung bacaan (waqaf), sebelumnya tanwin atas
Ⓜ ء	Huruf Hamzah berbaris tanwin atas dihujung bacaan (waqaf)
Ⓜ ي هـ	Huruf Ya tidak bertitik di hujung bacaan, sebelumnya tanwin atas

Mungkin ini kali pertama anda melihat simbol sebegini. Saya akan terangkan cara mengecam simbol tersebut dalam Al-Quran. Kita mulakan dengan kumpulan 1 :

1.1 KUMPULAN 1 :

Dalam kumpulan 1, ada 3 simbol iaitu :

Kumpulan 1		
هـ	و هـ	ي هـ

Ketiga-tiga simbol ini mewakili 1 hukum mad iaitu **Mad Asli**. Untuk pengetahuan, ia merupakan mad yang paling mudah ditemui dalam Al-Quran. Saya akan tunjukkan cara mengecam simbol yang

mewakili mad asli ini dalam Al-Quran :

1.1.1 Huruf Alif sebelumnya huruf baris atas

اْ	Huruf Alif sebelumnya ada huruf baris atas
----	--

Contoh simbol ini adalah seperti berikut (Surah Al-Baqarah, 30) :

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ

Perhatikan perkataan 'Qoola - قال'. Ada huruf Alif (ا) yang tiada tanda dan sebelumnya huruf ق berbaris atas. Itulah simbol yang dimaksudkan.

Jika anda bertemu mana-mana huruf Alif (ا) yang sebelumnya huruf berbaris atas sebegini dalam Al-Quran, panjangkan bacaan sebanyak 2 harakat. Bunyinya - 'Qoola'

Nama hukumnya adalah **Mad Asli**, iaitu mana-mana huruf Alif mati (ا), sebelumnya ada huruf berbaris atas.

1.1.2 Huruf Wau sebelumnya baris depan

وْ	Huruf Wau sebelumnya ada huruf baris depan
----	--

Contoh simbol ini adalah seperti berikut (Surah Al-Baqarah, 8) :

وَمِنَ النَّاسِ مَن يَقُولُ ءَامَنَّا

Perhatikan perkataan ‘yaquulu - يَقُولُ’. Ada huruf و yang tiada tanda dan sebelumnya huruf ق berbaris depan. Itulah simbol yang dimaksudkan.

Jika anda bertemu mana-mana huruf و yang sebelumnya ada huruf berbaris depan dalam Al-Quran, panjangkan bacaan sebanyak 2 harakat. Bunyinya - ‘Yaquulu’

Nama hukumnya adalah Mad Asli, iaitu mana-mana huruf و mati, sebelumnya ada huruf berbaris depan.

1.1.3 Huruf Ya sebelumnya baris bawah

يِ	Huruf Ya sebelumnya ada huruf baris bawah
----	---

Contoh simbol ini adalah seperti berikut (Surah Al-Baqarah, 11) :

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ قَالُوا إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ

Perhatikan perkataan ‘qiila - قِيلَ’. Ada ي yang tiada tanda dan sebelumnya huruf ق berbaris bawah. Itulah simbol yang dimaksudkan.

Jika anda bertemu mana-mana huruf ي yang sebelumnya huruf berbaris bawah sebegini dalam Al-Quran, panjangkan bacaan sebanyak 2 harakat. Bunyinya - ‘Qiila’

Nama hukumnya adalah **Mad Asli**, iaitu mana-mana huruf ي mati, sebelumnya ada huruf berbaris bawah.

(PERHATIAN : Jika huruf sebelum Alif, Wau & Ya adalah huruf Hamzah, ia menjadi **MAD BADAL**. Kadar harakatnya sama iaitu 2 harakat)

1.2 KUMPULAN 2 :

Dalam kumpulan 2, ada 3 simbol iaitu :

Kumpulan 2		
Kecil	و Kecil	ﻻ Kecil

Saya akan tunjukkan cara mengecam simbol ini dalam Al-Quran :

1.2.1 Huruf Alif kecil

Kecil	Huruf Alif kecil
-------	------------------

Contoh simbol ini adalah seperti berikut (Surah Al-Fatihah, 1) :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Perhatikan perkataan 'Rohmaan - الرحمن'. Fokuskan huruf م yang ada 'huruf Alif kecil' diatasnya. Itulah simbol yang dimaksudkan.

Jika anda bertemu mana-mana huruf Alif kecil sebegini dalam Al-Quran, panjangkan bacaan huruf di mana ia berada (dalam contoh di atas, huruf م) sebanyak 2 harakat. Bunyinya - 'Rohmaan'

Nama hukumnya adalah **Mad Asli**.

1.2.2 Huruf Wau kecil

و Kecil	Huruf Wau kecil
---------	-----------------

Contoh simbol ini adalah seperti berikut (Surah Al-Baqarah, 17) :

مَا حَوْلَهُ , ذَهَبَ اللَّهُ بِنُورِهِمْ

Perhatikan perkataan ‘*Haulahuu* - حوله’. Ada ‘huruf wau kecil’ di hadapan huruf و. Itulah simbol yang dimaksudkan.

Jika anda bertemu mana-mana huruf Wau kecil sebegini dalam Al-Quran, panjangkan bacaan huruf sebelumnya (dalam contoh di atas, huruf و) sebanyak 2 harakat.

Bunyinya - ‘*Haulahuu*’

Nama hukumnya adalah **Mad Silah Qosiroh** iaitu mad (bacaan panjang) yang akan berlaku apabila huruf Ha Dhomir (gantinama) bertemu huruf Hija’iyah selain huruf Hamzah. (*dengan syarat, huruf sebelum dan selepas Ha’ Dhomir berbaris*)

1.2.3 Huruf Ya kecil

ي Kecil	Huruf Ya kecil
---------	----------------

Contoh simbol ini adalah seperti berikut (Surah Al-Baqarah, 22) :

أَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ

Perhatikan perkataan ‘*Bihii* - به . Ada ‘huruf Ya kecil’ di hadapan huruf ة . Itulah simbol yang dimaksudkan.

Jika anda bertemu mana-mana huruf Ya kecil sebegini dalam Al-Quran, panjangkan bacaan huruf sebelumnya (dalam contoh di atas, huruf ة) sebanyak 2 harakat. Bunyinya - ‘*Bihii*’

Nama hukumnya adalah **Mad Silah Qosiroh** iaitu mad (bacaan panjang) yang akan berlaku apabila huruf Ha Dhomir (gantinama) bertemu huruf Hija’iyah selain huruf Hamzah. *(dengan syarat, huruf sebelum dan selepas Ha’ Dhomir berbaris)*

1.3 KUMPULAN 3 :

Kumpulan 3		
Ⓜ ه	Ⓜ ء	Ⓜ ه

Saya akan tunjukkan cara mengecam simbol ini dalam Al-Quran :

1.3.1 Huruf Alif di hujung bacaan (waqaf), sebelumnya tanwin baris atas

Ⓜ ه	Huruf Alif di hujung bacaan (waqaf), sebelumnya tanwin baris atas
-------	---

Contoh simbol ini adalah seperti berikut (Surah An-Nisa', 1) :

إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيًّا (١)

Perhatikan perkataan '*Roqiibaa* - رَقِيًّا '. Ada huruf Alif (ا) di hujung kalimah yang diwaqafkan, sebelumnya ada huruf ب bertanwin atas. Itulah simbol yang dimaksudkan.

Jika anda bertemu mana-mana huruf Alif di hujung bacaan (waqaf), sebelumnya tanwin baris atas sebegini dalam Al-Quran, panjangkan bacaan huruf bertanwin itu sebanyak 2 harakat.

Caranya adalah, gugurkan satu baris tanwin dan panjangkannya 2 harakat. Contohnya dalam perkataan di atas, bunyi asalnya begini : '*Roqiiban*'.

Tetapi kali ini disebabkan waqaf, kita bunyikannya '*Roqiibaa*' sahaja.

Nama hukumnya adalah **Mad lwadh**. Ia adalah mad yang berlaku ketika kita ingin memberhentikan (waqaf) bacaan. Caranya adalah, ganti bacaan tanwin baris atas kepada bacaan satu baris atas berserta mad 2 harakat.

1.3.2 Huruf Hamzah berbaris tanwin atas di hujung bacaan (waqaf)

	Huruf Hamzah berbaris tanwin atas di hujung bacaan (waqaf)
---	---

Contoh simbol ini adalah seperti berikut (Surah Al-Baqarah, 22) :

وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً

Perhatikan perkataan ‘*Maa’aa* - ماء’. Sebenarnya kalimah ini di tengah ayat tetapi kita berhentikan bacaan disitu. Ada huruf ء berbaris tanwin atas di hujung kalimah. Itulah simbol yang dimaksudkan.

Jika anda bertemu mana-mana huruf ء berbaris tanwin atas di hujung kalimah ketika waqaf dalam Al-Quran, panjangkan bacaan ء bertanwin itu sebanyak 2 harakat.

Caranya adalah, gugurkan satu baris tanwin dan panjangkannya 2 harakat. Contohnya dalam perkataan di atas, bunyi asalnya begini : ‘*Maa’an*’.

Tetapi kali ini disebabkan waqaf, kita bunyikannya ‘*Maa’aa*’ sahaja.

Nama hukumnya adalah **Mad Iwadh**. Ia adalah mad yang berlaku ketika waqaf. Caranya adalah, ganti bacaan tanwin kepada bacaan satu baris atas berserta mad 2 harakat.

1.3.3 Huruf Ya tidak bertitik di hujung bacaan, sebelumnya tanwin atas

	Huruf Ya tidak bertitik di hujung bacaan, sebelumnya tanwin atas
---	---

Contoh simbol ini adalah seperti berikut (Surah An-Na’ziaat, 16) :

إِذْ نَادَاهُ رَبُّهُ , يَا لَوَادِ الْمُقَدَّسِ طُوًى (١٦)

Perhatikan perkataan ‘*Tuwaa* - طوى’. Ada huruf ي tidak bertitik di hujung kalimah yang diwaqafkan, sebelumnya ada huruf و bertanwin atas. Itulah simbol yang dimaksudkan.

Jika anda bertemu mana-mana huruf ع tidak bertitik di hujung kalimah, sebelumnya ada huruf bertanwin atas dalam Al-Quran, panjangkan bacaan huruf bertanwin itu sebanyak 2 harakat.

Caranya adalah, gugurkan satu baris tanwin dan panjangkannya 2 harakat. Contohnya dalam perkataan di atas, bunyi asalnya begini : 'Tuwan'.

Tetapi kali ini disebabkan waqaf, kita bunyikannya 'Tuwaa' sahaja.

Nama hukumnya adalah **Mad Iwadh**. Ia adalah mad yang berlaku ketika waqaf. Caranya adalah, ganti bacaan tanwin kepada bacaan satu baris atas berserta mad 2 harakat.

2. MAD 2, 4 ATAU 6 HARAKAT


Kali ini kita akan bincangkan pula kumpulan simbol yang mewakili bacaan mad 2, 4 atau 6 harakat.

Ia bermaksud, jika simbol ini ditemui dalam Al-Quran, kita diberi 3 pilihan : baca 2 harakat pun betul, baca 4 harakat pun o.k & baca 6 harakat pun tepat.

Cuma yang selalu diamalkan adalah bacaan 4 atau 6 harakat.

Simbol ini boleh digunakan dengan satu syarat : ia hanya berlaku ketika bacaan waqaf (berhenti) sahaja bukan bacaan wasal. Maknanya jika anda berhenti pada kalimah yang ada simbol di bawah, anda bolehlah membacanya secara 2, 4, atau 6 harakat. Tetapi jika anda sambung bacaan, bacaannya akan menjadi 2 harakat sahaja atau tiada pemanjangan berlaku.


Simbol tersebut terbahagi kepada 2 kumpulan iaitu :

Kumpulan 1	Penerangan
	Alif sebelumnya baris atas, selepasnya ada 1 huruf (simbol H), bacaan waqaf (simbol W).
	Wau sebelumnya baris depan, ada 1 huruf selepasnya (simbol H), bacaan waqaf (simbol W).
	Ya sebelumnya baris bawah, ada 1 huruf selepasnya (simbol H), bacaan waqaf (simbol W).

Kumpulan 2	Penerangan
	Wau (atasnya ada tanda sukun) sebelumnya baris atas, selepasnya ada 1 huruf (simbol H), bacaan waqaf (simbol W).
	Ya (atasnya ada tanda sukun) sebelumnya baris atas, selepasnya ada 1 huruf (simbol H), bacaan waqaf (simbol W).

Saya akan terangkan cara mengecam simbol ini dalam Al-Quran. Kita mulakan dengan kumpulan 1 :

2.1 KUMPULAN 1 :

Kumpulan 1		
		

Saya akan tunjukkan cara mengecam simbol ini dalam Al-Quran :

2.1.1 Alif sebelumnya baris atas, selepasnya ada 1 huruf, bacaan waqaf.

	Alif sebelumnya baris atas, selepasnya ada 1 huruf (simbol H), bacaan waqaf (simbol W)
---	--

Contoh simbol ini adalah seperti berikut (Surah Al-Hasyr, 3) :

وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ النَّارِ (٣)

Perhatikan perkataan 'Naar - النار' di hujung ayat. Ia diwaqafkan. Ada huruf 'ا' yang tiada tanda dan sebelumnya huruf ن berbaris atas. Selepas huruf 'ا' itu ada huruf ر. Itulah simbol yang dimaksudkan.

Jika anda bertemu mana-mana huruf Alif (ا) berkeadaan sebegini dalam Al-Quran, panjangkan bacaan sebanyak 2, 4 atau 6 harakat. Bunyinya - 'Naaar'

Selalunya yang diamalkan adalah 4 atau 6 harakat.

Nama hukumnya adalah **Mad Aridh Lissukun**, iaitu mad yang muncul apabila bacaan diwaqafkan. Huruf terakhir dimatikan kerana waqaf.

2.1.2 Wau sebelumnya baris depan, ada 1 huruf selepasnya, bacaan waqaf.

	Wau sebelumnya baris depan, ada 1 huruf selepasnya (simbol H), bacaan waqaf (simbol W)
---	--

Contoh simbol ini adalah seperti berikut (Surah Al-Adiyat, 9) :

أَفَلَا يَعْلَمُ إِذَا بُعْثِرَ مَا فِي الْقُبُورِ

Perhatikan perkataan ‘Qubuur - القبور’ di hujung ayat. Ia diwaqafkan. Ada huruf و yang tiada tanda dan sebelumnya huruf ب berbaris depan. Selepas huruf و itu ada huruf ر . Itulah simbol yang dimaksudkan.

Jika anda bertemu mana-mana huruf و berkeadaan sebegini dalam Al-Quran, panjangkan bacaan sebanyak 2, 4 atau 6 harakat. Bunyinya - ‘Qubuuur’

Selalunya yang diamalkan adalah 4 atau 6 harakat.

Nama hukumnya adalah **Mad Aridh Lissukun**, iaitu mad yang muncul apabila bacaan diwaqafkan. Huruf terakhir dimatikan kerana waqaf.

2.1.3 Ya sebelumnya baris bawah, ada 1 huruf selepasnya, bacaan waqaf.

	Ya sebelumnya baris bawah, ada 1 huruf selepasnya (simbol H), bacaan waqaf (simbol W)
---	--

Contoh simbol ini adalah seperti berikut (Surah At-Tiin, 2) :

وَطُورِ سِينِينَ

Perhatikan perkataan ‘Siiniiin - سِينِينَ’ di hujung ayat. Ia diwaqafkan. Ada huruf ي yang tiada tanda dan sebelumnya huruf ن berbaris bawah. Selepas huruf ي itu ada huruf ن . Itulah simbol yang dimaksudkan.

Jika anda bertemu mana-mana huruf ي berkeadaan sebegini dalam Al-Quran, panjangkan bacaan sebanyak 2, 4 atau 6 harakat. Bunyinya - ‘Siiniiin’

Selalunya yang diamalkan adalah 4 atau 6 harakat.

Nama hukumnya adalah **Mad Aridh Lissukun**, iaitu mad yang muncul apabila bacaan diwaqafkan. Huruf terakhir dimatikan kerana waqaf.

2.2 KUMPULAN 2 :

Dalam kumpulan 2, ada dua simbol iaitu :

Kumpulan 2	
	

Saya akan tunjukkan cara mengecam simbol ini dalam Al-Quran :

2.2.1 Wau (atasnya ada tanda sukun) sebelumnya baris atas, selepas ada 1 huruf, bacaan waqaf.

	Wau (atasnya ada tanda sukun) sebelumnya baris atas, selepas ada 1 huruf (simbol H), bacaan waqaf (simbol W)
---	---

Contoh simbol ini adalah seperti berikut (Surah Quraaisy, 4) :

الَّذِي أَطْعَمَهُمْ مِنْ جُوعٍ وَءَامَنَهُمْ مِنْ خَوْفٍ

Perhatikan perkataan 'Khouuf - خوف' di hujung ayat. Ia diwaqafkan. Ada huruf و yang bertanda mati dan sebelumnya huruf خ berbaris atas. Selepas huruf و itu ada huruf ف . Itulah simbol yang dimaksudkan.

Jika anda waqafkan bacaan dan bertemu mana-mana huruf و berkeadaan begini dalam Al-Quran, panjangkan bacaan sebanyak 2, 4 atau 6 harakat. Bunyinya - 'Khouuf' .

Selalunya yang diamalkan adalah 4 atau 6 harakat.

Nama hukumnya adalah **Mad Liin**, iaitu bacaan mad yang berlaku apabila huruf و & ي mati, huruf sebelumnya berbaris atas diwaqafkan.

2.2.2 Ya (atasnya ada tanda sukun) sebelumnya baris atas, selepasnya ada 1 huruf, bacaan waqaf.

	Ya (atasnya ada tanda sukun) sebelumnya baris atas, selepasnya ada 1 huruf, bacaan waqaf
---	---

Contoh simbol ini adalah seperti berikut (Surah Quraaisy, 1) :

لَا يَلْفِ قُرَيْشٍ

Perhatikan perkataan ‘*Quraissy* - قريش’ di hujung ayat. Ia diwaqafkan. Ada huruf ي yang bertanda mati dan sebelumnya huruf ر berbaris atas. Selepas huruf ي itu ada huruf ش. Itulah simbol yang dimaksudkan.

Jika anda waqafkan bacaan dan bertemu mana-mana huruf ي berkeadaan begini dalam Al-Quran, panjangkan bacaan sebanyak 2, 4 atau 6 harakat. Bunyinya - ‘*Quraissy*’

Selalunya yang diamalkan adalah 4 atau 6 harakat.

Nama hukumnya adalah **Mad Liin**, iaitu bacaan mad yang berlaku apabila huruf و & ي mati, huruf sebelumnya berbaris atas diwaqafkan.

3. MAD 4 ATAU 5 HAKAKAT

Sekarang kita akan mengenalpasti simbol untuk bacaan 4 atau 5 harakat. Ada 4 simbol yang perlu dicamkan iaitu :

Simbol	Penerangan
ء + ~	Tanda panjang (~), selepasnya hamzah
ا ~	Tanda panjang (~), bawahnya alif kecil
و ~	Tanda panjang (~), bawahnya wau kecil
ي ~	Tanda panjang (~), bawahnya ya kecil

Cuba lihat keempat-empat simbol tersebut. Ia punya satu persamaan iaitu : kesemuanya memiliki tanda panjang sebegini :



Ada berbagai gelaran bagi simbol ini. Tanda misailah, tanda pedang serta bermacam lagi. Tidak kiralah apa gelarannya, yang penting anda kenal bentuknya dalam Al-Quran.

Baik, mari kita bahaskannya satu-persatu.

3.1 Tanda panjang (~), selepasnya hamzah



Contoh simbol ini adalah seperti berikut (Surah Al-Baqarah, 22) :

وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ

Perhatikan perkataan ‘*Samaa*’ - السماء’ di hujung ayat. Ada huruf ا yang bertanda panjang (~) dan selepasnya ada huruf ء . Itulah simbol yang dimaksudkan.

Jika anda bertemu mana-mana tanda panjang & huruf ء sebegini dalam Al-Quran, panjangkan bacaan sebanyak 4 atau 5 harakat. Bunyinya - ‘*Samaaa*’.

Selalunya yang diamalkan adalah 4 harakat untuk bacaan wasal. Jika anda berhenti padanya (waqaf), anda boleh baca dengan 5 harakat.

Nama hukum untuk simbol ini ada dua, samada **Mad Wajib Muttasil** atau **Mad Jaiz Munfasil**.

Dalam contoh di atas, ia adalah Mad Wajib Muttasil iaitu bacaan

panjang yang berlaku apabila huruf mad (Alif, Wau atau Ya) bertemu huruf ؤ dalam kalimah yang sama.

Berikut adalah contoh Mad Jaiz Munfasil yang diambil dari Surah Al-Baqarah ayat 12. Simbol yang digunakan masih sama, cuma kedudukan huruf ؤ sahaja berbeza. Kali ini, ia berada dalam kalimah selepasnya :

أَلَا إِنَّهُمْ

Perhatikan perkataan '*Alaaa innahum* - أَلَا إِنَّهُمْ'. Ada huruf Alif (ا) yang bertanda panjang (~) dan selepasnya ada huruf ء. Itulah simbol yang dimaksudkan.

Jika anda bertemu mana-mana tanda panjang & huruf ء sebegini dalam Al-Quran, panjangkan bacaan sebanyak 4 atau 5 harakat. Bunyinya - '*Alaaa innahum*'.

Selalunya yang diamalkan adalah 4 harakat untuk bacaan wasal. Jika anda berhenti padanya (waqaf), anda boleh membaca dengan 5 harakat.

Untuk contoh ini, ia adalah **Mad Jaiz Munfasil** iaitu bacaan panjang yang berlaku apabila huruf mad bertemu huruf ؤ dalam dua perkataan.

Mad di mana tanda panjang (~) dalam perkataan lain, huruf ؤ dalam perkataan lain.

3.2 Tanda panjang (~), bawahnya alif kecil



Contoh simbol ini adalah seperti berikut :

1. Surah Al-Hasyr ayat 9 :

وَيُؤْتِرُونَ عَلَىٰ أَنْفُسِهِمْ

2. Surah Al-Baqarah ayat 5 :

أُولَٰئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ

Perhatikan perkataan ‘*Alaaa anfusihi*’ - *على انفسهم* . Ada tanda panjang (~), dibawahnya ada alif kecil di atas huruf *ى* . Begitu juga perkataan ‘*Ulaaa’ika*’ - *اولئك* . Ada tanda panjang (~), dibawahnya ada alif kecil selepas huruf *ل* .

Itulah simbol yang dimaksudkan.

Jika anda bertemu mana-mana tanda panjang (~) & huruf Alif kecil sebegini dalam Al-Quran, panjangkan bacaan sebanyak 4 atau 5 harakat.

Selalunya yang diamalkan adalah 4 harakat untuk bacaan wasal. Jika anda berhenti padanya (waqaf), anda boleh membaca dengan 5 harakat.

Nama hukum untuk simbol ini ada dua. Untuk contoh ayat pertama (*Alaaa anfusihi*’ - *على انفسهم*), hukumnya adalah **Mad Jaiz Munfasil**.

Manakala contoh kedua (*Ulaaa’ika*’ - *اولئك*), nama hukumnya adalah **Mad Wajib Muttasil**.

Kedua-dua hukum, cara bacaannya sama iaitu dipanjangkan 4 atau 5 harakat.

3.3 Tanda panjang (~), dibawahnya Wau kecil



Contoh simbol ini adalah seperti berikut :

Surah An-Nisa' ayat 12 :

وَلَهُ أَخٌ أَوْ أُخْتٌ

Surah An-Nisa', ayat 11 :

فَإِنْ كَانَ لَهُ إِخْوَةٌ

Perhatikan perkataan 'Walahuuu akhun' - 'وله أخ' . Ada tanda panjang (~), dibawahnya ada Wau kecil di depan huruf ه . Begitu juga perkataan 'lahuuu ikhwah' - 'له اخوه' . Ada tanda panjang (~), dibawahnya ada Wau kecil di hadapan huruf ه .

Itulah simbol yang dimaksudkan.

Jika anda bertemu mana-mana tanda panjang (~) & huruf Wau kecil sebegini dalam Al-Quran, panjangkan bacaan sebanyak 4 atau 5 harakat ketika bacaan wasal. Jika anda waqaf pada huruf ه itu, tiada sebarang pemanjangan berlaku.

Nama hukum untuk simbol ini adalah **Mad Silah Towilah**. Ia adalah bacaan mad yang wujud apabila huruf Ha' Dhomir (ه) gantinama) bertemu huruf ء . (dengan syarat, huruf sebelum dan selepas Ha' Dhomir berbaris).

3.4 Tanda panjang (~), bawahnya Ya kecil



Surah Al-An'aam ayat 141 :

كُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ

Surah Toha ayat 31 :

أَشْدُّ بِهِ أُزْرِي

Perhatikan perkataan 'Samarihiizaa' - ثمره اذا . Ada tanda panjang (~), dibawahnya ada Ya kecil di depan huruf ه . Begitu juga perkataan 'bihiii azrii' - به ازرى . Ada tanda panjang (~), dibawahnya ada Ya kecil di hadapan huruf ه .

Itulah simbol yang dimaksudkan.

Jika anda bertemu mana-mana tanda panjang (~) & huruf Ya kecil sebegini dalam Al-Quran, panjangkan bacaan sebanyak 4 atau 5 harakat ketika bacaan wasal. Jika anda waqaf pada huruf ه itu, tiada sebarang mad berlaku.

Nama hukum untuk simbol ini adalah **Mad Silah Towilah**. Ia adalah bacaan mad yang wujud apabila huruf Ha' Dhomir (هـ) menggantikan (گانتinama) bertemu huruf هـ . (dengan syarat, huruf sebelum dan selepas Ha' Dhomir berbaris).

4. MAD 6 HAKAKAT

Sekarang, kita akan kenalpasti bentuk simbol untuk harakat mad terakhir iaitu mad 6 harakat. Simbolnya ada 3 iaitu :

Simbol	Penerangan
~	Tanda panjang (~) sahaja
و + ~	Tanda panjang (~) + tanda sabdu
و + ~	Tanda panjang (~) + baris mati

Ketiga-tiga simbol tersebut berkongsi satu persamaan iaitu : kesemuanya memiliki tanda panjang begini :



Baik, mari kita bahaskannya satu-persatu.

4.1 Tanda panjang sahaja (~)

Contoh simbol ini adalah seperti berikut :

Surah Al-Baqarah, ayat 1 :

آلَمْ

Surah Yasiin ayat 1 :

يَسْ

Perhatikan perkataan 'Alif-Lam-Mim - الم'. Ada tanda panjang (~) di atas huruf ل dan huruf م. Begitu juga simbol sama ada ditulis di atas huruf س dalam perkataan 'Ya-siin - يس'. Itulah simbol yang dimaksudkan.

Sebenarnya, tanda panjang (~) sebegini banyak ditulis di atas huruf Muqottoah. Ia adalah huruf Hijaiyyah yang disebut dan huruf ini ditemui di awal surah-surah tertentu.

Ada banyak huruf Muqottoah, cuma huruf yang diletakkan tanda panjang (~) hanyalah 8 huruf iaitu :

ن , ق , ص , ع , س , ل , ك , م

Jika anda terjumpa mana-mana huruf Muqottoah yang bertanda panjang (~) sebegini, anda sebut huruf tersebut dengan kadar panjang 6 harakat.

Contohnya huruf س dalam ayat 1 Surah Yasin, anda sebut huruf itu pada kadar 6 harakat begini : Siiiiiiin.

Jika Alif-Lam-Mim, anda sebut begini : Alif - Laaaaaam - Miiiiiiim.

Nama hukum bagi tanda panjang ini ada 2 iaitu :

1 Mad Lazim Harfi Musaqqol

2 Mad Lazim Harfi Mukhoffaf

Mad Lazim Harfi Musaqqol adalah mad yang wujud dalam keadaan huruf. Huruf mad bertemu tanda mati **berserta idgham**.

Mad Lazim Harfi Mukhoffaf pula adalah mad yang wujud dalam keadaan huruf di mana, huruf mad bertemu tanda mati **tanpa idgham**. Satu ada idgham, satu lagi tanpa idgham. Itu bezanya. Cuma cara bacaannya tetap sama iaitu panjangkan 6 harakat.

Saya ada datangkan contoh bacaan kedua-dua mad ini dalam **video 14**. Dapatkannya dalam link percuma yang diberikan di mukasurat awal buku ini.

4.2 Tanda panjang (~) + baris sabdu



Contoh simbol ini adalah seperti berikut :

Surah Al-Fatihah, ayat 7 :

صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ

Perhatikan perkataan '*Dhooolliiin* - الضالين'. Ada tanda panjang (~) di atas huruf 'و' di mana selepasnya ada huruf 'ل' bersabdu.

Itulah simbol yang dimaksudkan.

Jika anda bertemu dengan tanda panjang (~), selepasnya ada huruf

bersabdu sebegini dalam Al-Quran, baca pada kadar 6 harakat. Dalam contoh di atas, kita akan panjangkan bunyi huruf ض sebanyak 6 harakat sebelum mencantumkan dengan bunyi huruf ج selepasnya.

Ia lebih kurang begini : *Dhooooooooolliiiin*

Nama hukumnya adalah **Mad Lazim Kalimi Muthaqqol**. Ia adalah bacaan mad yang wujud apabila huruf mad bertemu tanda sabdu dalam satu perkataan.

Sila tonton **video 15** untuk melihat bagaimana saya membunyikannya.

4.3 Tanda panjang (~) + baris mati



Contoh simbol ini adalah seperti berikut :

Surah Yunus, ayat 51 :

أَنْتُمْ إِذَا مَا وَقَعَ ءَامَنْتُمْ بِهِ ؕ ءَاَلَيْنَ وَقَدْ كُنْتُمْ بِهِ تَسْتَعْجِلُونَ

Surah Yunus, ayat 91 :

ءَاَلَيْنَ وَقَدْ عَصَيْتَ قَبْلُ وَكُنْتَ مِنَ الْمُفْسِدِينَ

Berita baik sebelum kita sambung perbincangan : untuk makluman, hanya ada 2 tempat sahaja dalam Al-Quran yang menggunakan tanda ini. Tiada di tempat lain. Saya telahpun mendatangkan kedua-dua ayatnya di atas.

Perhatikan perkataan 'Aaaaal'aana - ءالن' dalam 2 ayat di atas. Ada tanda panjang (~) di atas huruf ا di mana selepasnya ada huruf ج berbaris mati.

Itulah simbol yang dimaksudkan.

Sila baca kedua perkataan ini pada kadar 6 harakat. Kita akan panjangkan bunyi huruf ء sebanyak 6 harakat sebelum mencantumkan dengan bunyi huruf ج selepasnya.

Ia lebih kurang begini : Aaaaaal'aana

Nama hukumnya adalah **Mad Lazim Kalimi Mukhoffaf**. Ia adalah bacaan mad yang wujud apabila huruf mad bertemu tanda mati dalam satu perkataan.

Sila tonton **video 16** untuk melihat bagaimana saya membunyikannya.

Short-cut untuk membezakan tanda panjang mad 4/5 harakat dengan mad 6 harakat.

Jika diperhatikan, mad 4/5 dan mad 6 harakat menggunakan simbol sama iaitu simbol panjang (~).

Mungkin kita mudah terkeliru, mana satu panjang 4 harakat, mana satu 5 dan mana satu 6 harakat?

Disini saya kongsi petua lebih mudah. Jika anda jumpa dalam Al-Quran :

1. tanda panjang (~) 'keseorangan', ia dibaca panjang 6 harakat
2. tanda panjang (~) bertemu sabdu, ia dibaca panjang 6 harakat
3. tanda panjang (~) bertemu tanda mati, ia dibaca panjang 6 harakat
4. Jika tanda panjang (~) bertemu selain sabdu dan mati, ia dibaca 4 atau 5 harakat

Agak mudah bukan?

KESIMPULAN

Pasti anda banyak berkerut dahi ketika membaca bab mad. Jika anda merasa begitu, ia perkara normal. Ini kerana semua simbol yang kita bahaskan tidak akan dikuasai kecuali dengan melakukan latihan.

Saya cadangkan, cuba anda buka satu mukasurat Al-Quran, kemudian cari mad yang ada dalam mukasurat itu berdasarkan simbolnya.

Mulakan dengan mencari simbol mad 2 harakat.

Kemudian 2,4 & 6 harakat.

Selepas mahir, teruskan dengan simbol mad 4 & 5 harakat.

Akhir sekali, cari simbol yang mewakili mad 6 harakat.

Barulah selepas itu anda akan merasa segala perbincangan di atas lebih bermakna.

Meaningful kerana, anda sedar ada *short-cut* lebih mudah untuk mengecam kewujudan bacaan mad dalam Al-Quran.



Para pembaca budiman,

Kali ini kita akan mempelajari teknik bacaan tebal & nipis dan untuk memahaminya, perbincangan kita akan bermula dari asas, iaitu huruf Hija'iyah.

Huruf Hija'iyah dalam Al-Quran, ada yang dibunyi tebal dan ada yang bunyinya nipis. Ia bergantung kepada 2 sifat, samada :

1 Huruf itu termasuk dalam sifat Isti'la atau,

2 Huruf itu dalam kategori sifat Istifal.

Jika anda masih ingat perbincangan bulatan 2 : bab komponen makhraj & sifat, kita telah pun membahaskan kedua sifat di atas. Ada tujuh huruf yang bersifat Isti'la di mana dari sudut praktikal, ia dibunyikan secara tebal.

Huruf tersebut adalah :

خ, ص, ض, غ, ط, ق, ظ

Mengapa bunyi sebutan huruf ini tebal? Ini kerana untuk mendatangkan sifat isti'la', lidah kita akan diangkat ke atas menghampiri langit ketika menyebutnya.

Apabila lidah diangkat sebegitu rupa, maka menjelmalah bunyi ‘tebal’ dalam sebutan setiap huruf itu.

Dalam istilah tajwid, bunyi tebal ini digelar ‘*tafkhim*’. Tetapi untuk memudahkan bicara, kita gunakan istilah ‘tebal’ sahaja.

Baki huruf Hija’iyyah selain tujuh huruf di atas dibunyikan secara nipis. Istilahnya ‘*tarqiq*’. Nipis dalam ertikata ketika menyebutnya, lidah kita direndahkan, tidak diangkat ke langit atas.

Walau bagaimanapun dalam beberapa keadaan, ada 3 huruf nipis boleh bertukar menjadi tebal. Tiga huruf inilah yang selalu disebut secara kurang tepat ketika membaca Al-Quran.

»» Ada waktunya ia tebal, kita nipiskan.

»» Ada ketikanya ia nipis, kita tebalkan.

Begitulah kesilapannya. Disebabkan itu, kita harus kenali 3 huruf ini dan mengesah apakah syarat ia perlu disebut tebal, dan apakah keadaan ia perlu dibunyi nipis.

Huruf tersebut adalah :

1 Huruf Alif - ا

2 Hukum Lam - ل

3 Hukum Ro - ر

Kita bincangkan huruf pertama iaitu huruf Alif (ا)

1. HURUF ALIF - ا

Asalnya huruf Alif (ا) berbunyi nipis kerana ia bersifat istifal. Namun dalam beberapa keadaan, ia dibunyikan tebal. Keadaan tersebut

adalah ketika huruf Alif (ا) berada dalam keadaan Alif (ا) mad.

Apakah Alif (ا) Mad?

Ia adalah huruf Alif (ا) mati, sebelumnya huruf berbaris atas. Contohnya perkataan 'wamaa' dalam surah Al-Baqarah ayat 8 :

وَمَا هُمْ

Untuk mengetahui samada ia dibunyikan secara tebal atau nipis, kita perlu melihat apakah huruf berbaris atas sebelum huruf Alif (ا)

'Clue'nya adalah :

CLUE 1

Jika huruf berbaris atas itu merupakan huruf Isti'la (7 huruf - غ, ض, خ, ط, ق, ظ, ص), kita bunyikan Alif (ا) mad ini dengan bunyi tebal.

CLUE 2

Jika huruf berbaris atas itu adalah huruf Istifal (huruf Hija'iyah selain 7 huruf Isti'la), kita bunyikan Alif (ا) mad ini dengan bunyi nipis.

Contohnya perkataan 'Ghoo'ibiin' dalam Surah Al-A'raaf ayat 7 :

وَمَا كُنَّا غَائِبِينَ

Huruf Alif (ا) mad itu dibunyikan tebal kerana huruf berbaris

atas sebelumnya adalah huruf غ di mana kita semua maklum, ia adalah huruf Isti'la.

Untuk mengetahui bunyi tebalnya secara tepat, sila rujuk **video 17**.

Contoh Alif (ا) yang dibunyikan secara nipis pula adalah dalam perkataan 'Syaakirun', Surah Al-Baqarah ayat 158 :

فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ

Huruf Alif (ا) mad itu dibunyikan nipis kerana huruf berbaris atas sebelumnya adalah huruf ش di mana kita semua maklum, ia adalah huruf Istifal.

Untuk mengetahui bunyi nipisnya secara tepat, sila rujuk **video 18**.

2. HURUF LAM - ل

Huruf kedua pula adalah huruf ل. Sama seperti huruf Alif (ا), asal sifat huruf ل adalah Istifal iaitu nipis.

Namun, jika kita temui huruf ل pada **Lafaz Jalalah (lafaz kalimah Allah)**, ia akan dibaca tebal atau nipis bergantung kepada 2 keadaan iaitu :

1. Jika huruf sebelum ل berbaris atas atau depan, ia perlu dibaca tebal. Contohnya :

Huruf Sebelum **ل** berbaris **depan** dalam Surah An-Nisa' ayat 171 :

رَسُولُ اللَّهِ

Huruf Sebelum **ل** berbaris **atas** dalam Surah An-Nisa' ayat 157 :

رَسُولَ اللَّهِ

Sila rujuk **video 19** untuk mengetahui bunyi tebalnya secara tepat.

2. Jika huruf sebelum ل berbaris bawah, ia perlu dibaca nipis. Contohnya dalam Surah Al-Fatihah ayat 1 :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Sila rujuk **video 20** untuk mengetahui bunyi nipisnya secara tepat.

3. HURUF RO - ر

Pembaca budiman,

Kita akan bahaskan huruf terakhir iaitu huruf ر. Ia saya letakkan pada urutan terakhir kerana :

- » Ia agak sukar dibezakan bunyi tebal-nipisnya
- » Ia paling kerap kita sebut secara kurang tepat.

Asal sifat huruf ر sama seperti huruf ل & و iaitu nipis. Ini kerana ia memiliki sifat istifal. Walau bagaimanapun, ia boleh berubah kepada 3 cara sebutan iaitu :

1 dibaca secara tebal

2 dibaca secara nipis

3 diberi pilihan, tebal atau nipis

Kita kenalpasti dahulu bagaimanakah keadaan huruf ر yang dibaca secara tebal.

3.1 Huruf ر dibaca tebal

Ada 6 keadaan di mana kita perlu baca huruf ر secara tebal. Kita akan pelajari satu-persatu :

1. Huruf ر berbaris atas atau depan. Contohnya :

Surah Al-Fatihah ayat 2 (contoh ر baris atas) :

رَبِّ الْعَالَمِينَ

Surah Al-Baqarah ayat 25 (contoh ر baris depan) :

كُلَّمَا رُزِقُوا مِنْهَا

2. Huruf ر berbaris mati & sebelumnya ada huruf berbaris atas atau depan. Contohnya :

Surah Al-A'raaf ayat 195 (*contoh ر mati, sebelumnya huruf baris atas*) :

اَللّٰهُمَّ اَرْجُلْ

Surah Al-Baqarah ayat 286 (*contoh ر mati, sebelumnya huruf baris depan*) :

اَنْتَ مَوْلَانَا فَاَنْصُرْنَا

3. Huruf ر yang dimatikan kerana waqaf (berhenti), sebelumnya ada huruf ا atau و Mad & sebelum kedua huruf itu ada huruf berbaris atas atau depan. Contohnya :

Surah Al-Baqarah ayat 201 (*contoh ر mati, sebelumnya Alif (ا) mad, sebelumnya huruf baris atas*) :

وَقَنَا عَذَابِ النَّارِ

Surah Ghofir/Mukmin ayat 19 (*contoh ر mati, sebelumnya و mad, sebelumnya huruf baris depan*) :

وَمَا تُخْفِي الصُّدُورُ

4. Huruf ر yang dimatikan kerana waqaf (berhenti), sebelumnya ada huruf bertanda mati bukan huruf mad & sebelum itu ada huruf berbaris atas atau depan. Contohnya :

Surah Al-Fajr, ayat 2 (contoh ر mati, sebelumnya huruf mati & sebelumnya huruf baris atas) :

وَلَيَالٍ عَشْرٍ

Surah Al-Asr, ayat 2 (contoh ر mati, sebelumnya huruf mati & sebelumnya huruf baris depan) :

لَفِي خُسْرٍ

5. Huruf ر mati, sebelumnya ada huruf hamzah wasal & sebelumnya huruf berbaris bawah. Baris itu pula bukannya asli tetapi didatangkan. Contohnya :

Surah Al-Anbiya', ayat 28 :

لِمَنْ أَرْتَضَىٰ

Surah An-Nuur, ayat 50 :

أَمْ أَرْتَابُوا

6. Huruf ر mati, sebelumnya huruf baris bawah & selepas huruf ر, ada huruf Istila' dengan syarat semua huruf-huruf ini berada dalam satu kalimah. Contohnya :

Surah At-Taubah, ayat 122 :

كُلِّ فِرْقَةٍ

Surah Al-An'aam, ayat 7 :

فِي قِطَاسٍ

Sudah tentu jika dipelajari secara teori sahaja, anda barangkali masih belum jelas bagaimanakah hakikat bunyi ر tebal. Saya ada datangkan contoh sebutan setiap keadaan ini dalam **video 21**. Sila tonton video tersebut.

3.2 Huruf ر dibaca nipis

Jika di atas, kita telah mengetahui 6 keadaan huruf ر dibaca tebal pada penerangan sebelum ini, kini kita kenalpasti pula bagaimanakah keadaan huruf ر dibaca nipis.

Ada 5 keadaan dalam Al-Quran, huruf ر akan dibaca nipis iaitu :

1. Huruf ر berbaris bawah. Contohnya :

Surah Al-Baqarah, ayat 54 :

إِلَىٰ بَارِكُمْ

Surah Al-A'raf, ayat 46 :

رَجَالٌ

2. Huruf ر bersabdu dan ia berbaris bawah. Contohnya :

Surah Al-Baqarah ayat 44 :

بِالْبَرِّ

Surah Al-An'aam ayat 59 :

فِي الْبَرِّ

3. Huruf ر mati dan sebelumnya ada huruf berbaris bawah.

Contohnya : Surah Al-Baqarah ayat 49 :

ءَالٍ فِرْعَوْنَ

4. Huruf ر yang dimatikan kerana waqaf, sebelumnya ada huruf berbaris mati & sebelumnya ada huruf baris bawah .

Contohnya : Surah Al-Toha ayat 71 :

عَلَّامُ السِّحْرِ

5. Huruf ر yang dimatikan kerana waqaf (berhenti), sebelumnya ada huruf ي mati dalam keadaan ي mad atau ي Lin.

Surah Al-Baqarah ayat 61 (ر mati, sebelumnya ي Lin - ي mati sebelumnya baris atas) :

هُوَ خَيْرٌ

Surah Al-Baqarah ayat 148 (ر mati, sebelumnya ي Mad - ي mati sebelumnya baris bawah) :

شَيْءٌ قَدِيرٌ

Cara membunyikan ر nipis agak mudah. Pastikan bibir tidak dimuncungkan. Namun untuk mengetahuinya secara tepat, anda perlu berguru atau anda tonton **video 22** di mana saya datangkan contoh sebutan ر nipis.

3.3 Huruf ر dibaca tebal atau nipis

Kita masih belum selesai membicarakan huruf ر. Kali ini, kita kenalpasti pula huruf ر yang diberi pilihan : dibaca tebal atau nipis.

Maksudnya, anda baca tebal pun betul, baca nipis pun betul.

Ada 5 keadaan huruf ر dibaca demikian iaitu :

3.3.1 Waqaf pada huruf ر perkataan 'misr' dalam ayat 99 Surah Yusuf :

وَقَالَ أَذْخُلُوا مِصْرَ إِن شَاءَ اللَّهُ ءَامِنِينَ

3.3.2 Waqaf pada huruf ر perkataan ‘Qitr’ dalam ayat 12 Surah Saba’ :

وَأَسْلَمْنَا لَهُ , عَيْنَ الْقِطْرِ

3.3.3 Waqaf pada huruf ر perkataan ‘Asr’ & ‘Yasr’ dalam ayat :

Surah Toha ayat 77

أَنْ أَسْرِبِعَادِي

Surah Hijr ayat 65

فَأَسْرِبَاهِلِكَ

Surah Fajr ayat 4

وَالْيَلِ إِذَا يَسْرِ

3.3.4 Waqaf pada huruf ر perkataan ‘Nuzur’ dalam Surah Qomar.

Ada 6 ayat yang diakhiri dengan perkataan ini iaitu ayat 16, 18, 30, 31, 37 & 39. Contohnya ayat 16 :

فَكَيْفَ كَانَ عَذَابِي وَنُذْرُ

3.3.5 Waqaf atau wasal pada huruf ر perkataan 'Firq' dalam ayat 63 Surah Syu'ara :

فَأَنفَلَقَ فَمَا كَانَ كُلُّ فِرْقٍ كَالطَّوْدِ الْعَظِيمِ

Sila tonton **Video 23** di mana saya ada membunyikan contoh bunyi bacaan tebal & nipis bagi setiap perkataan tersebut.

Kesimpulan

Formula penting untuk mengecam bacaan huruf tebal-nipis adalah :

1. **ا Mad** : lihat HURUF sebelumnya. Jika huruf Isti'la, ia ditebalkan. Jika Istifal, ia dinipiskan.
2. **ل Lafaz Jalalah**, lihat BARIS sebelumnya. Jika baris atas/depan, ia tebal. Jika baris bawah, ia nipis.
3. **Huruf ر** : secara asasnya lihat baris.

Secara praktikalnya, saya tidak begitu risau huruf ل & ا kerana jumlahnya tidaklah begitu banyak dalam Al-Quran.

Namun saya agak risaukan huruf ر. Jumlahnya amat banyak. Selalunya, huruf ini yang sering disebut kurang tepat. Oleh itu saya sarankan anda berlatih dahulu.

Cuba baca Surah Qomar.

Surah ini memiliki satu keistimewaan iaitu, setiap hujung ayatnya diakhiri dengan huruf ر. Maka anda boleh berlatih untuk camkan samada huruf ر hujung ayat akan dibaca tebal atau nipis.

Satu 'latihan' dari saya : dalam surah tersebut, cuba cari ayat yang hujungnya boleh diwaqafkan secara tebal atau nipis.

Menarik bukan? Maknanya dalam surah ini, ketiga-tiga kategori huruf ada : tebal, nipis, tebal/nipis.

PERCUMA DARI
f UstazAsraff



Para pembaca dihormati,

Setelah kita selesai membahaskan 6 bulatan penting ilmu tajwid, kini kita sampai ke penghujungnya iaitu bulatan ketujuh.

la saya namakan sebagai **bulatan BACAAN UNIK**.

Unik kerana dalam bulatan ini, kita akan belajar kaedah bacaan istimewa yang lain dari yang lain. Ia tidak dibincangkan dalam bab sebelum ini kerana jumlahnya dalam Al-Quran tidak banyak.

Walaupun begitu ia amat penting, wajib kita ketahui.

Saya sebutkan 'wajib' kerana jika tidak, bacaan kita akan 'tersadung' : ada kesalahan akan berlaku di tempat yang kita fikir tiada kesalahan di dalamnya.

Mari kita bincangkan apakah 9 bacaan unik ini.

9 BACAAN UNIK

Sembilan bacaan ini merupakan sebahagian dari teknik yang diamalkan dalam Qiraat Hafs An' A'sim.

Pendek kata, dahulu Rasulullah s.a.w pun baca begitu.

Kita perlu kuasai bentuk bacaan ini kerana menurut pengalaman saya berkongsi ilmu Al-Quran dengan masyarakat, kebanyakan kita


kerap membunyikannya secara salah.

Mari kita kenalnya satu-persatu.

1. Tiga perkataan '*Dokfin*'

Untuk bacaan ini, sila rujuk Surah Ruum ayat 54. Juz 21 muka surat 410.

Ayatnya adalah :



Dalam ayat ini ada 3 perkataan '*Dokfin*'. Dua perkataan berbunyi '*dokfin*' sementara satu lagi berbunyi '*dokfan*'.

Fokuskan huruf ض nya. Ia berbaris atas. Tetapi tahukah anda, menurut bacaan riwayat Hafs An A'sim, huruf ض dalam 3 perkataan ini boleh dibaca dengan baris depan?

Maknanya, baca dengan baris atas pun betul, baris depan pun betul.

'*Dokfin*' atau '*Dukfin*', kedua-duanya tepat.

Anda boleh pilih mana-mana untuk diamalkan. Cumanya menurut standard cetakan Al-Quran sekarang, ia dicetak dengan baris atas bukan baris depan.

Namun anda perlu tahu juga pilihan ini kerana manalah tahu, jika

anda ke Mekah menunaikan haji atau umrah, tiba-tiba ada jemaah sebelah anda baca perkataan ini dengan baris depan bukan baris atas seperti yang ditulis dalam Al-Quran, anda tidaklah terperanjat.

Anda tidaklah cepat menyalahkan.

Kerana anda tahu, menurut riwayat Hafs An A'sim, 3 perkataan ini ada pilihan bacaan : baris atas pun o.k, baris depan pun tepat.

Untuk makluman, bacaan ini hanya sah untuk 3 perkataan khusus dalam surah ini sahaja, tidak yang lain.

2. Bacaan Saktah

Bacaan Saktah amat unik. Dalam Al-Quran ada 4 tempat iaitu :

1. Surah Al-Kahfi ayat 1-2

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَى عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عِوَجًا (۱) قَيِّمًا
لِيُنْذِرَ بَأْسًا شَدِيدًا مِّنْ لَّدُنْهُ وَيُبَشِّرَ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ
أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا حَسَنًا

2. Surah Yasin ayat 52

قَالُوا يَوَيْلَنَا مِنْ بَعَثَنَا مِنْ مَرْقَدِنَا هَذَا مَا وَعَدَ الرَّحْمَنُ وَصَدَقَ الْمُرْسَلُونَ

3. Surah Qiyamah ayat 27

وَقِيلَ مَنْ رَاقٍ

4. Surah Mutoffifin ayat 14

كَلَّا بَلْ رَانَ عَلَى قُلُوبِهِمْ مَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

Apakah saktah?

Ia bermaksud menahan.

Cara bacaannya adalah : anda perlu berhenti sebentar (pada kadar 2 harakat) tanpa mengambil nafas baru. Maknanya, jika anda bertemu kalimah yang dibaca saktah, anda perlu berhenti & tahan nafas sedia ada selama 2 saat. Kemudian teruskan bacaan.

Begitulah cara bacaannya.

Cara mengenal bacaan saktah dalam 4 ayat di atas adalah, ada huruf 'Sin' kecil di atasnya. Disitulah bacaan saktah dipraktikkan. Kita perlu 'pause', berhentikan bacaan sebentar tanpa ambil nafas baru, kemudian teruskan bacaan.

Untuk makluman, saktah hanya berlaku jika anda berniat untuk membaca secara wasal (sambung). Jika waqaf, ia tidak berlaku.

Contohnya dalam ayat 1 Surah Kahfi, jika anda berniat untuk waqaf dengan memberhentikan bacaan pada hujung ayat satu, ketika ini tiada saktah. Anda boleh berhenti seperti biasa. Boleh ambil nafas baru seperti biasa untuk teruskan bacaan.

Tetapi jika anda berniat untuk wasalkan bacaan ayat 1 & 2, anda perlu berhenti pada perkataan '*iwaja*' dengan teknik saktah.

Begitulah cara praktikalnya.

Walaupun ia kelihatan mudah, masyarakat kita masih kerap tersilap juga ketika membacanya. Bentuk kesalahan saktah yang sering terjadi adalah : berhentinya ada tetapi mereka mengambil nafas baru.

Contohnya dalam perkataan '*marqodina*' dalam Surah Yasin ayat 52. Selalunya kita berhentikan bacaan pada perkataan tersebut tetapi cara saktahnya tidak sempurna. Ramai yang mengambil nafas baru sedangkan syarat saktah adalah, anda tidak boleh mengambil nafas baru.

Maka cara tepatnya adalah, berhenti & kekalkan nafas (tahan nafas) selama 2 saat lebih kurang, kemudian teruskan bacaan.

Berhati-hati. Pastikan bacaan saktah yang kita praktikkan 100% tepat iaitu berdasarkan 4 poin penting :

- 1 berhenti sebentar,
- 2 tempoh berhenti selama 2 harakat atau 2 saat,
- 3 tahan nafas sedia ada (dilarang ambil nafas baru)
- 4 diniatkan untuk teruskan bacaan, bukannya berhenti kekal pada perkataan saktah.

3. Bacaan Imalah

Kali ini kita akan bincangkan teknik bacaan Imalah.

Ia adalah satu bacaan unik yang HANYA diamalkan dalam Surah Hud ayat 41 sahaja. Ayat ini terletak di juz 12 muka surat 226 :

وَقَالَ أَزْكَبُوا فِيهَا بِسْمِ اللَّهِ مَجْرَاهَا وَمُرْسَاهَا إِنَّ رَبِّي لَغَفُورٌ رَحِيمٌ

Dari sudut teorinya, imalah bermaksud condong.

Ia adalah satu bentuk bunyi bacaan di mana kita akan menyondongkan sebutan huruf ج dalam perkataan 'Majroha' dengan bunyi antara baris atas dengan baris bawah.

Baris atas berbunyi 'AAA' sementara baris bawah berbunyi 'III'. Imalah berbunyi 'EEE'.

Mudahnya, ia dibaca dengan bunyi 'RE', seperti kita menyebut perkataan 'x-ray' atau E dalam perkataan 'sate'. Namun ada juga yang mengamalkan bunyi ini dengan sebutan bunyi E pada perkataan 'ekor'.

Dalam Al-Quran bacaan imalah dapat dikenalpasti melalui tanda 'diamond' ditulis di bawah huruf ج dalam perkataan 'Majroha'.

Dari sudut praktikal, ia akan dibaca 'MajREha' dengan 'Re' dipanjangkan 2 harakat.

4. Bacaan Isymam

Kali ini kita akan bincangkan perkataan '*takmanna*' dalam Surah Yusuf ayat 11 yang dibaca secara Isymam. Ia terletak dalam juz 12, muka surat 236 :

قَالُوا يَا أَبَانَا مَا لَكَ لَا تَأْمَنَّا عَلَى يُوسُفَ وَإِنَّا لَهُ لَنَصِحُونَ

Isymam bermaksud, memuncungkan 2 bibir.

Dari sudut praktikal, kita akan muncungkan 2 bibir seakan bercium ketika menyebut huruf م yang bersambung dengan ن bersabdu yang dibaca secara dengung 2 harakat dalam perkataan '*takmanna*'.

Dalam Al-Quran, bacaan Isymam dikenali pasti dengan tanda '*diamond*' yang ditulis di atas huruf م.

Sudah tentu, untuk mengetahui secara tepat bagaimanakah cara membunyikannya, anda perlu pelajari cara sebutan Isymam secara bertalaqqi dengan guru.

Lihat mulut tuan guru, dengar & amati baik-baik cara ia menyebutnya, barulah anda tahu praktikal sebenar bacaan isymam.

Untuk makluman, perkataan ini boleh juga dibaca secara '*Raum*'. Ia adalah satu bentuk bacaan di mana anda akan menyebut sepertiga bunyi baris sahaja. Sudah tentu bunyi tersebut sukar saya terangkan secara teori. Anda perlu mempelajarinya secara berguru.

Cuma dari sudut praktikal, selalunya kita lebih mudah mempraktikkan bacaan Isymam berbanding Raum bagi perkataan ini.

5. Bacaan Tashil

Apakah bacaan tashil?

Ia adalah bacaan ‘memudahkan’ bagi perkataan ‘*Akjamiy*’ dalam Surah Fussilat ayat 44 :

وَلَوْ جَعَلْنَاهُ قُرْءَانًا أَعْجَمِيًّا لَقَالُوا لَوْلَا فُصِّلَتْ ءَايَاتُهُ
 ءَاعْجَمِيٌّ وَعَرَبِيٌّ قُلْ هُوَ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا هُدًى وَشِفَاءٌ
 وَالَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ فِي ءَاذَانِهِمْ وَقْرٌ وَهُوَ عَلَيْهِمْ عَمًى
 أُولَٰئِكَ يُنَادَوْنَ مِنْ مَّكَانٍ بَعِيدٍ ﴿٤٤﴾

Dalam ayat di atas, ada 2 perkataan ‘*akjamiy*’. Yang kita fokuskan bukan yang pertama tetapi ‘*Akjamiy*’ kedua. Dalam Al-Quran ada tanda ‘*titik hitam kecil*’ yang diletakkan di atas huruf ا selepas ء, menunjukkan bacaan tashil.

Dari sudut teori, bacaan tashil adalah mengeluarkan bunyi antara huruf ا & ء.

Asal perkataan ini berbunyi begini : ‘*A-ak-jamiy*’. Ada 2 bunyi ء di dalamnya. Kemudian, ء kedua diringankan bunyi sebutannya kepada bacaan tashil yang kedengaran lebih mudah untuk diucapkan.

Bagaimana bunyinya?

Ia kedengaran seperti anda menyebut ‘*A-ak-jamiy*’ secara ‘melayang’. Maaf, saya sukar menunjukkannya secara tulisan. Ia masih tidak tepat. Anda perlu mendengarnya sendiri dari tuan guru.

6. Tiga perkataan dibaca Ibdal atau Tashil

Kali ini, kita akan meneliti tiga perkataan yang diberi 2 pilihan bacaan iaitu Ibdal atau Tashil.

Tiga perkataan ini terletak dalam 6 ayat berbeza iaitu :

1. Dua perkataan 'azzakarain' yang terletak dalam dalam Surah Al-An'am : satu dalam ayat 143 & satu lagi dalam ayat 144 :

ثَمَنِيَّةَ أَزْوَاجٍ مِّنَ الصَّانِ أَتْنَيْنِ وَمِنَ الْمَعْرِ أَتْنَيْنِ قُلْ ءَالْذَّكَرَيْنِ حَرَّمَ
أَمِ الْأُنثَيْنِ أَمَّا أَشْتَمَلَتْ عَلَيْهِ أَرْحَامُ الْأُنثَيْنِ ۖ نَبِّئُونِي بِعِلْمٍ إِن كُنْتُمْ
صَادِقِينَ

وَمِنَ الْإِبِلِ أَتْنَيْنِ وَمِنَ الْبَقَرِ أَتْنَيْنِ قُلْ ءَالْذَّكَرَيْنِ حَرَّمَ أَمِ الْأُنثَيْنِ
أَمَّا أَشْتَمَلَتْ عَلَيْهِ أَرْحَامُ الْأُنثَيْنِ ۖ أَمْ كُنْتُمْ شُهَدَاءَ إِذْ وَصَّيْكُمُ اللَّهُ
بِهَٰذَا فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ افْتَرَىٰ عَلَى اللَّهِ كَذِبًا لِّيُضِلَّ النَّاسَ بِغَيْرِ عِلْمٍ إِنَّ
اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ

2. Dua perkataan 'Al'aana' yang terletak dalam dalam Surah Yunus : satu dalam ayat 51 & satu lagi dalam ayat 91 :

أَنْتُمْ إِذَا مَا وَقَعَ ءَامَنْتُمْ بِهِ ؕ ءَاَلْنَ وَقَدْ كُنْتُمْ بِهِ تَسْتَعْجِلُونَ

ءَالْتَنَ وَقَدْ عَصَيْتَ قَبْلُ وَكُنْتَ مِنَ الْمُفْسِدِينَ

3. Dua perkataan ‘Aallah’ yang terletak dalam dalam Surah Yunus ayat 59 (perkataan Allah pertama) & Surah Naml ayat 59 (perkataan Allah kedua) :

قُلْ أَرَأَيْتُمْ مَا أَنزَلَ اللَّهُ لَكُمْ مِنْ رِزْقٍ فَجَعَلْتُمْ مِنْهُ حَرَامًا وَحَلَالًا قُلْ ءَاللَّهُ
أَذِنَ لَكُمْ أَمْ عَلَى اللَّهِ تَفْتَرُونَ

قُلِ الْحَمْدُ لِلَّهِ وَسَلَامٌ عَلَى عِبَادِهِ الَّذِينَ اصْطَفَى ءَاللَّهُ خَيْرٌ أَمَّا يُشْرِكُونَ

Untuk 6 perkataan ini, kita diberi pilihan : ia boleh dibaca secara tashil atau ibdal.

Untuk bacaan tashil, ia sama seperti penerangan tashil sebelum ini. Anda pun tahu, ia agak sukar dipraktikkan kecuali anda belajar secara berguru.

Kita amati pilihan kedua pula iaitu bacaan ibdal. Ia adalah bacaan secara mad 6 harakat. Secara praktikalnya, kita lebih mudah membunyikannya dengan bacaan ibdal.

Saya akan tunjukkan contoh bacaan Ibdal untuk setiap perkataan :

- 1 Perkataan 'Aazzakarain' : sebut lafaz 'Aaa' di awal perkataan ini dengan mad 6 harakat.
- 2 Perkataan 'Aal'ana' : sebut lafaz 'Aaa' di awal perkataan ini dengan mad 6 harakat.
- 3 Perkataan 'Aallah' : sebut lafaz 'Aaa' di awal perkataan ini dengan mad 6 harakat.

Saya sarankan, anda baca 3 perkataan ini secara Ibdal (panjang 6 harakat) kerana ia lebih mudah dipraktikkan berbanding bacaan tashil.

7. Bacaan Naqol

Dalam Surah Hujurat, ada satu perkataan yang jika tidak berhati-hati, bacaannya akan salah. Perkataan tersebut adalah 'biksalismul' dalam ayat 11 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِّنْ قَوْمٍ عَسَىٰ أَن يَكُونُوا خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا
نِسَاءٌ مِّنْ نِّسَاءٍ عَسَىٰ أَن يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ وَلَا تَلْمِزُوا أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَرُوا
بِالْأَنفُسِ بِئْسَ الْأَنفُسُ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ ۚ وَمَن لَّمْ يَتُبْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ
الظَّالِمُونَ

Ayat tersebut dibaca begini : BIKSALISMUL

Nama bacaannya adalah Naqol. Ia bermaksud pindah. Yang menjadi fokus dalam perkataan ini adalah huruf لا

Asalnya, baris bawah pada huruf ج sekarang adalah milik huruf Alif (ا). Bunyinya adalah '*Biksal-ismul*'.

Kemudian baris tersebut dipindahkan kepada ج. Maka jadilah bunyinya '*Biksalismul*'.

Bentuk kesilapan yang sering dilakukan adalah, kita membacanya dengan bunyi '*biksal-ismul*', sedangkan bunyi yang tepat adalah '*biksalismul*'.

Mohon kita berhati-hati membacanya, ya.

8. Bacaan Iltiqa' Sakinain

Kita masuk kepada bacaan yang agak sukar dicamkan dalam Al-Quran iaitu Iltiqa' Sakinain. Kita kerap tersalah kerana, tiada sebarang tanda diletakkan mewakili bacaan ini. Kerana itu, ramai pembaca Al-Quran kerap tersalah membunyikannya.

Baiklah, **apakah maksud Iltiqa' Sakinain?**

Secara harfiah, ia bermaksud 'dua huruf mati yang bertemu'. Selalunya, kita biasa mengenali teknik bacaan ini sebagai 'hukum ڤ kecil ditambah'

Dalam Al-Quran, bacaan ini agak banyak. Antara contohnya saya petik dari Surah Al-Baqarah ayat 180 :

خَيْرًا الْوَصِيَّةُ

Dalam ayat di atas, tanwin bertemu huruf ج bertanda mati. Di antaranya ada huruf hamzah wasol. Disinilah hukum '*Iltiqa' Sakinain*' berlaku.

Baik, untuk mudah memahami hukum ini, kita perlu fahami asas bacaan Al-Quran. Asalnya begini : Bunyi antara huruf dalam Al-Quran akan mudah disambung jika tanda baris bertemu tanda mati atau tanda baris bertemu tanda baris. Itu asasnya.

Namun, jika tanda mati bertemu mati, akan timbul bermasalah.

Masalahnya adalah, kita tidak dapat menyambungkan bunyi antara kedua huruf mati tersebut kecuali salah-satu darinya diberikan baris (samada atas, bawah atau depan).

Ketika itu, barulah bacaan dapat diteruskan.

Maka dalam perkataan di atas, masalah tanda '*mati bertemu mati*' berlaku.

Dalam perkataan '*Khoiron*', huruf ر bertanwin baris atas berbunyi '*Ron*'. Jika bunyi tanwinnya dieja, ia menjadi begini :

خَيْرُنْ

ن berbaris mati dalam perkataan '*khoiron*' di atas adalah '*mati pertama*'. Manakala '*mati kedua*' terletak pada huruf ل selepasnya iaitu dalam perkataan '*wasiyyah*' :

خَيْرُنْ الْوَصِيَّةِ

Mohon abaikan 'alif / hamzah wasal' diantaranya kerana ia tidak termasuk dalam perbahasan kita.

Maka sekarang kita ada masalah kerana ada dua huruf mati bertemu

iaitu : ن mati dan ج mati. Kita tidak tahu bagaimana cara menyambung bunyinya.

Kerana itu, ulama datangkan penyelesaian : ن mati akan diberi baris bawah. Maka jadilah ia begini :

خَيْرِنِ الوَصِيَّةِ

yang berbunyi 'Khoironil wasiyyah'. Itulah bunyi kepada hukum Illtiqa' Sakinain.

Untuk makluman, ن berbaris bawah hanyalah wujud pada bacaan bukan tulisan. Maksudnya dari sudut tulisan ia tetap tanwin. Cuma dari sudut bacaan, ن ini dipanggil Nun Wiqoyah, Nun Wasal atau Nun Iwadh (Nun pengganti).

Ia adalah ن yang ditambah pada bacaan apabila mana-mana kalimah yang berakhir dengan tanwin (baris dua) bertemu dengan mana-mana kalimah yang bermula dengan Alif Lam (ا ل) atau Hamzah Wasal.

Maaf, saya sedar ia agak sukar difahami. Tetapi jika anda belajar secara berguru, ia mudah sahaja. Hanya perlu tambah bunyi ن baris bawah dan tidak lupa, anda perlu pandai camkan kehadiran teknik bacaan ini dalam Al-Quran.

Jika sukar untuk ingati perbahasan di atas, cukup anda ingati formula ini sahaja : jika bertemu mana-mana tanwin dengan hamzah wasal, di mana selepasnya ada huruf bertanda mati atau sabdu, bunyikan 'Nun' dalam tanwin itu dengan baris bawah.

Itu cara mudahnya.

9. Bacaan enam ‘Alif istimewa’

Kali ini, kita bicarakan huruf Alif (ا) pula.

Dalam Al-Quran, ada banyak tanda diletakkan di atas huruf Alif (ا) .

Antaranya adalah huruf hamzah kecil, kepala huruf Sod, tanda baris atas / depan / mati, tanda bulat serong & tanda titik bulat penuh. Semua tanda ini ada kegunaannya tersendiri.

Mari kita bicarakan salah-satu tandanya iaitu huruf Alif (ا) yang bertanda bulat bujur. Bentuknya seperti huruf ‘O’.

Dalam Al-Quran, terdapat 6 perkataan yang huruf alifnya ditulis tanda bulat bujur iaitu :

1. Mana-mana perkataan ‘Ana’ dalam Al-Quran. Contohnya dalam Surah Al-Baqarah ayat 258 :

قَالَ أَنَا أَخِيءَ وَأُمِيتُ

2. Perkataan ‘Lakinna’ dalam Surah Al-Kahfi ayat 38 :

لَكِنَّا هُوَ اللَّهُ رَبِّي وَلَا أُشْرِكُ بِرَبِّي أَحَدًا

3. Perkataan ‘Zununa’ dalam Surah Al-Ahzab ayat 10 :

وَبَلَغَتِ الْقُلُوبُ الْحَنَاجِرَ وَتَظُنُّونَ بِاللَّهِ الظُّنُونَا

4. Perkataan ‘Rosuula’ dalam Surah Al-Ahzab ayat 66 :

يَوْمَ تَقَلَّبُ وُجُوهُهُمْ فِي النَّارِ يَقُولُونَ يَلَيِّنَتْنَا أَطْعَنَا اللَّهُ وَأَطْعَنَا الرَّسُولَا

5. Perkataan ‘Sabiila’ dalam Surah Al-Ahzab ayat 67 :

وَقَالُوا رَبَّنَا إِنَّا أَطْعَمْنَا سَادَتَنَا وَكُبَرَاءَنَا فَأَضَلُّونَا السَّبِيلَا

6. Perkataan ‘Qowariro’ dalam Surah Al-Insan ayat 15 :

وَيُطَافُ عَلَيْهِمْ بِأَنِيَّةٍ مِّنْ فَضَّةٍ وَأَنكُوبٍ كَأَنَّهُ قَوَارِيرَا

Cara bacaannya adalah : jika berhenti pada 6 perkataan ini, ia dibaca 2 harakat. Jika wasal (sambung bacaan), gugurkan fungsi Alif (ا) .

Maknanya ketika wasal, ia tidak dibaca panjang 2 harakat.

Contohnyaa perkataan ‘Ana’ dalam contoh pertama. Jika anda

berhenti pada perkataan tersebut, anda perlu membacanya pada kadar 2 harakat. Jika anda sambung bacaan, tiada pemanjangan berlaku.

Begitulah seterusnya.

KESIMPULAN

Saya akui, penerangan di atas tidak mencukupi. Ini kerana kita memiliki keterbatasan : tulisan tidak dapat mendatangkan bunyi secara sempurna.

Teori yang dijelaskan dalam bab ini hanya untuk asas kefahaman sahaja.

Kerana itu ulama sering menasihatkan, ilmu tajwid adalah ilmu praktikal. Anda perlu mendengarnya sendiri dari tuan guru Al-Quran & ustaz-ustazah. Dan, teknik terbaik untuk menguasainya adalah melalui sistem talaqqi & musyafahah.

Kita dengar betul-betul cara sebutan guru, kemudian kita menirunya satu-persatu dengan bimbingan tuan guru.

Namun, jika anda ingin mendengar saya bunyikan setiap bacaan unik di atas secara tepat, saya ada kongsikannya dalam DVD Tajwidpro.

Dalam DVD ini, saya ada tunjukkan bunyi tepat bagi bacaan saktah, lmalah, lsymam, tashil, 3 perkataan dibaca lbdal atau Tashil, Naqol, lltiqat' sakainain, 6 perkataan Alif istimewa & 3 perkataan 'dokfin'.

Anda boleh dapatkan DVD ini dengan melayari :

www.inspirasiqurani.com

Insyallah, ia akan banyak membantu kefahaman & praktikal bacaan Al-Quran kita.

The page features a light gray background with abstract, low-poly geometric shapes in the top-left and bottom-right corners. These shapes are composed of various shades of gray, creating a three-dimensional effect. The word "KESIMPULAN" is centered in the middle of the page in a bold, black, sans-serif font.

KESIMPULAN

LANGKAH SETERUSNYA

Alhamdulillah kita telah selesai membicarakan ilmu tajwid utama, ilmu yang paling kerap digunakan ketika membaca Al-Quran.

Saya berharap para pembaca memahami perbincangan tujuh bulatan utama ilmu ini dengan baik sekaligus mampu mempraktikkannya dengan tepat ketika membaca Al-Quran.

Jika diperhatikan, ketujuh-tujuh bulatan tersebut membincangkan **4 perkara utama** iaitu :

- 1 Sebutan huruf : kita jaga makhraj & sifat huruf. Tebal-nipis dan sebagainya.
- 2 Waqaf & Ibtida' : Cara berhenti & mulakan bacaan. Jaga tempat '*stop & pause*'.
- 3 Dengung & tidak dengung : Ini telah dibincangkan panjang-lebar dalam bulatan 4.
- 4 Mad iaitu bacaan panjang. Paling pendek 2 harakat. Paling panjang, 6 harakat.

Mahirkan 4 perkara di atas, insyaAllah bacaan anda 70-85% '*cantik*'.

Sekarang kita bincangkan baki 15%, bagaimana 'markah seratus' mampu dicapai ketika membaca Al-Quran.

Untuk mencapainya, ada 2 perkara '*advance*' yang boleh anda lakukan :

1. TALAQQI AL-QURAN DENGAN TUAN GURU MAHIR.

Seperti yang selalu saya ulangi dalam bab sebelum ini, kesempurnaan bacaan Al-Quran terletak pada praktikal. Untuk mencapai tahap mahir, anda perlu mempelajarinya dari tuan guru Al-Quran. Anda perlu bertalaqqi dengannya.

Maksud talaqqi adalah, anda perdengarkan bacaan Al-Quran kepada tuan guru, jika boleh keseluruhan Al-Quran. Kemudian guru akan memperbetulkan segala kesilapan, kecil mahupun besar.

Barulah ketika ini anda dapat sahkan mana satu bacaan betul, mana satu bacaan kurang tepat. Mana satu teori yang berjaya dihadap, mana satu teori tajwid yang masih 'sangkut'.

Inilah kelebihan pembelajaran secara talaqqi. Teknik yang akan memperhalui & memperkemaskan bacaan Al-Quran anda. Kaedah yang akan membantu anda menguasai 'fasahah' - kefasihan sebutan huruf, kalimah & segala ayat-ayat Al-Quran.

2. PRAKTIKAL

Pujangga arab ada mengatakan :

'*Man taqarrara, tahaqqqa*'.

Maksudnya, barangsiapa yang kerap berlatih, pasti dia pakar.

Pujangga barat juga menyatakan perkara sama :

‘Repitition is the mother of perfection’.

Maksudnya, untuk mencapai bacaan Al-Quran yang cantik & kemas, kita perlu selalu membacanya. Kita perlu sentiasa mengaji setiap hari agar kualiti *‘haqqa tilawatih’* (bacaan standard tertinggi) yang Tuhan sarankan dalam Surah Al-Baqarah ayat 121 tercapai :

‘Orang-orang yang diberikan Al-Kitab dan mereka membacanya dengan bacaan ‘haqqa tilawatih’ (bacaan yang sebenarnya), mereka itulah yang beriman kepadanya. Dan barangsiapa ingkar, maka mereka itulah orang-orang yang merugi’.

(Surah Al-Baqarah, 121)

Itu yang saya harapkan. Anda menguasai bacaan Al-Quran terbaik agar pahala *‘full’* : 10 ganjaran disebalik setiap 1 huruf diperolehi :

‘Sesiapa yang membaca satu huruf dari kitab Allah maka baginya satu pahala. Dan satu pahala itu akan digandakan 10. Aku tidak maksudkan Alif-Lam-Mim satu huruf tetapi Alif satu huruf, Lam satu huruf dan Mim satu huruf’.

(Hadith riwayat Al-Tirmizi)

Para pembaca budiman,

Selamat membaca Al-Quran. Selamat berinteraksi dengan Tuhan melalui Al-Quran. Jika anda masih punya persoalan tajwid yang belum ditemui jawapannya dalam buku ini, cuba dapatkan *‘abang’* bagi buku ini iaitu :

**‘Benarkah baca Al-Quran ‘merangkak’ dapat pahala? :
Pencerahan kepada 56 persoalan penting berkaitan tajwid &
Al-Quran yang paling anda teruja, ingin tahu jawapannya’.**

56 soalan tersebut datangnye dari pelajar seperti anda juga : mereka yang hadir seminar, kelas & kuliah tajwid yang kami anjurkan. Mereka sama seperti anda, golongan yang baru belajar Al-Quran, merasa seronok dengannya & bertanya banyak soalan untuk kefahaman lebih mendalam.

Maknanya, apa yang anda musykil, itu juga yang mereka tanyakan. Anda boleh dapatkan buku ini agar segala ‘*puzzle*’ ilmu tajwid lengkap dengan melayari :

www.soaljawabtajwid.com

Oh ya, jangan lupa untuk membaca bab bonus : 9 teknik menghayati Al-Quran agar mudah terpahat di hati. Mana tahu dengan perkongsian tersebut, hati kita dibuka Tuhan untuk ke tahap seterusnya, dari membaca kepada ‘bercinta’ dengan Al-Quran.

Para pembaca dihormati,

Akhir sekali, selamat membaca Kalamullah, Al-Quran. Saya berdoa semoga dengan usaha ikhlas kita untuk ‘*bersahabat*’ dengan Al-Quran di dunia, Al-Quran sudi ‘*bersahabat*’ dengan kita di akhirat, mensyafaatkan kita agar mudah ke syurga menemui Rasulullah s.a.w, para Anbiya, para Siddiqin, para Syuhada dan para Solihin.

Itulah sebaik-baik tempat kembali.

Ya Arhamar Rohimin, perkenankanlah permintaan luhur kami,

Allahumma Amiin.

ISTIMEWA UNTUK ANDA, PEMBACA BUKU INI.

Peluang terbaik untuk anda tingkatan kemahiran bacaan Al-Quran melalui sesi coaching intensif dalam bentuk talk bersama Ustaz Asraff / team pakar.

Ada 3 ‘coaching’ istimewa secara percuma yang boleh anda pilih :

- 1. TAHSIN AL-QURAN MASTERY : Kuasai bacaan Al-Quran pada standard bacaan yang Rasul sarankan.**

FOKUS : kenalpasti, baiki & ‘polish’ 5 titik terlemah bacaan Al-Quran agar kualitinya ditingkatkan ke standard bacaan yang Rasul sarankan.

- 2. FATIHAH AL-QURAN ADVANCE : Kuasai bacaan Fatihah yang sempurna dari kesalahan.**

FOKUS : Sesi talaqqi bacaan Surah Fatihah untuk ketahui 25 kesalahan yang sering dilakukan tanpa perasan.

- 3. TAJWID POST-MORTEM : Kenalpasti kesilapan lazim. Baikinya agar bacaan Al-Quran bertahap ‘Imam Masjidil Haram’.**

Sesi bedah-siasat bacaan Al-Quran. Ketahui 10 kesilapan kritikal yang sering dilakukan ketika membaca Al-Quran.

Durasi setiap talk :

- 1 atau 2 jam

Disampaikan oleh :

- Ustaz Asraff atau team pakar.

Terbuka kepada :

- Pelajar sekolah menengah agama
- Kolej, universiti
- Masjid. Kuliah antara maghrib isyak atau waktu khas.
- Kumpulan kuliah pelajaran / ceramah muslimah
- Pejabat / Syarikat / Organisasi kerajaan

SYARAT

- Syarat Utama : peserta lebih 100 orang
- serta beberapa terma lain yang akan diterangkan kelak.

INGIN TALK INI DIADAKAN DI TEMPAT ANDA?

Sila hantar emel pertanyaan ke : furqanworkssdnbhd@gmail.com

Letakkan tajuk emel : Permohonan coaching istimewa.

TAWARAN MENJANA PENDAPATAN LUMAYAN SEBAGAI AGEN BUKU.

Tuan-puan pembaca dihormati,

Sudah tentu, anda ingin kongsi manfaat buku ini dengan rakan-rakan, sahabat, anak murid, kumpulan tadarus & jemaah masjid.

Jika anda ingin membeli buku ini secara borong / pukal, kami bersedia memberikan diskaun sebanyak 35 - 50%, bergantung kepada jumlah pembelian.

Berikut adalah jadual diskaun :

- Pembelian 1-3 naskhah : harga asal RM 25 senaskhah
- Diskaun 35 % bagi pembelian 4 -10 naskhah (satu naskhah RM16.25)
- Diskaun 40 % bagi pembelian 11 naskhah ke atas (satu naskhah RM15.00)

Harga di atas tidak termasuk kos pos yang akan dimaklumkan kemudian.

CONTOH PENGIRAAN KEUNTUNGAN.

Contoh simulasi keuntungan 1 :

Jika anda membeli 20 buku :

Harga kos : RM 300 (RM 15 x 20 buku)

Harga Jual : RM 500 (RM 25 x 20 buku)

Anda untung : RM 200

Contoh simulasi keuntungan 2 :

Jika anda membeli 80 buku :

Harga kos : RM 1200 (RM 15 x 80 buku)

Harga Jual : RM 2000 (RM 25 x 80 buku)

Anda untung : RM 800

KELEBIHAN MEMBELI TERUS DARI KAMI :

- Setiap buku akan ditandatangani secara eksklusif oleh penulis, Ustaz Asraff
- Buku ini memiliki 'target market' yang luas (mereka yang suka membaca Al-Quran, pelajar sekolah, universiti). Oleh itu, ia amat mudah dijual.
- Pihak kami akan memberikan sokongan, material & khidmat-nasihat dari sudut teknik jualan terbaik & termudah secara online & offline kepada setiap agen.

BERMINAT? SILA HUBUNGI KAMI :

Emel : Furqanworkssdnbhd@gmail.com

Tel / sms / Whatsapp : 012 4232 606

Pm kami di Facebook : UstazAsraff

Web : www.mudahngajitajwid.com

RUJUKAN

1. Al-Quran Al-Karim
2. Atiyah Qobil Nasr, *Ghoyatul Murid Fi Ilmi Tajwid*
3. Dr. Muhammad Salim Muhaisin, *Irsyad Tolibin Ila Dabth al-Kitab al-Mubin*
4. Dr. Yahya Abd. Al-Razak Al-Ghawthani, *Ilm tajwid, Ahkam Nazariyyah wa Mulahazah Tathbiqiyyah*
5. Felza Zulhibri, *Tajwid teori mudah*
6. Ibnu Qayyim, *Zaadul Ma'ad fii Hadyi Khoir Al 'Ibad*
7. Imam Al-Jazari, *An-Nasyr fi Qiraat Al-Asyr*
8. Imam Al-Zarkasyi, *Al-Burhan fi Ulum Al-Quran*
9. Imam As-Syatibi, *Hirzul Amani Wa Wajhut Tahani*
10. Imam Bukhari, *Kitab Sahih Bukhari*
11. Imam Jalaluddin Suyuti, *Al-Itqan Fi Ulum Al-Quran*
12. Imam Nawawi, *Al-Azkar*
13. Imam Nawawi, *Fatawa al-Imam al-Nawawi al-Musamma al-Masa'il al-Mantsurah*
14. Imam Nawawi, *Al-Tibyan fi Adab hamalat Al-Quran*

15. Imam Muslim, *Kitab Sahih Muslim*
16. Imam Mustafa Al-Azmiri, *Zubdatul 'Irfan Fi Tahrir Ajujul Quran*
17. Surur Shihabuddin An-Nadawi, *Ilmu Tajwid menurut Riwayat Hafs An' Asim*
18. Syeikh Abdul Fattah Qadhi, *Syarh Nazimah Al- Zuhr fi Ilm Fawasil*
19. Syeikh Mahmud Ali Bassah, *Al-Amid fi Ilm Tajwid*
20. Syeikh Muhammad Makki Nasr, *Nihayatul Qoulul Mufid fi ilmi Tajwid*
21. Syeikh Muhammad Abdul Azim Az-Zarqoni, *Manahil Al-Irfan fi Ulumil Quran*
22. <http://www.muftiwp.gov.my>
23. DVD Inspirasi Qurani, www.inspirasiqurani.com
24. DVD Tajwid Aman Hatiku, www.tajwidamanhatiku.com
25. DVD Tiga seminar, www.tigaseminar.com

PERCUMA DARI
f UstazAsraff

PERCUMA DARI
f UstazAsraff

PERCUMA DARI
f UstazAsraff

PERCUMA DARI
f UstazAsraff

PERCUMA DARI
f UstazAsraff

PERCUMA DARI
f UstazAsraff

PERCUMA DARI
f UstazAsraff